



## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

---

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS  
JABATAN/AGENSI KERAJAAN  
NEGERI PERLIS  
TAHUN 2005



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA**

**AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS  
JABATAN/AGENSI KERAJAAN  
NEGERI PERLIS  
TAHUN 2005**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

## **KANDUNGAN**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KANDUNGAN</b>	i
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	iii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	vi
 <b>BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	1
Pejabat Bendahari Negeri Perlis Pengurusan Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri	1
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah	52
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis Pengurusan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	118
 <b>BAHAGIAN II : PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	166
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004	166
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Belum Selesai	167
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi	172
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	172
 <b>PENUTUP</b>	 174
 <b>LAMPIRAN</b>	
I Aplikasi SPEKS Yang Telah Dibangunkan Pada Tahun 2002-2005	175
II Senarai Kursus, Latihan Dan Taklimat Yang Telah Diberikan Kepada Pentadbir Sistem Dan Pengguna PTJ	176

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
III Rancangan Aktiviti Tahun 2003 Hingga 2005	177
IV Rancangan Aktiviti Tahun 2003 Hingga 2005 Oleh Kelab Kawanku Buku	178
V Rancangan Lawatan Perpustakaan Bergerak	179
VI Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2003 Hingga 2005	181
VII Aktiviti Yang Telah Dijalankan Oleh Kelab Kawanku Buku Pada Tahun 2003 Hingga 2005	183

## **KATA PENDAHULUAN**

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis. Pengauditian prestasi ini adalah untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2005 ini telah disediakan secara berasingan bagi memberi ruangan yang lebih untuk melaporkan perkara yang berkaitan dengan Aktiviti-aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), projek perumahan awam kos rendah dan pengurusan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.
4. Pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, penyeliaan yang kurang rapi dan ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Laporan ini disediakan dalam 2 Bahagian seperti berikut :

**Bahagian I** : Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi

**Bahagian II** : Perkara Am

6. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Pada pandangan saya prestasi kewangan dan pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Sifat jujur dan amanah, tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan serta berakhhlak mulia.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
17 Julai 2006

***INTI SARI LAPORAN***

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

#### **Pejabat Bendahari Negeri Perlis – Pengurusan Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri**

1. Kerajaan Negeri Perlis telah melaksanakan sistem perakaunan berkomputer yang dikenali sebagai Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri atau SPEKS mulai bulan Jun 2002. Kerajaan Negeri Perlis dan Kedah dipilih untuk menjadi perintis kepada sistem ini yang kemudiannya telah dilaksanakan oleh 9 Negeri lain di Semenanjung Malaysia. Sistem ini mempunyai 11 modul aplikasi untuk operasi di peringkat Bendahari Negeri dan peringkat Jabatan atau Pusat Tanggungjawab. Sistem SPEKS telah membolehkan transaksi diproses dengan menggunakan kemudahan komputer bagi kutipan dan bayaran selain menghasilkan Penyata Akaun Awam tahunan. Semakan yang dijalankan mendapati perancangan, pelaksanaan dan pemantauan telah dilakukan dengan baik namun modul aplikasi SPEKS yang dilaksanakan boleh dipertingkatkan tahap penggunaan dan keberkesanannya bagi urusan perakaunan Kerajaan Negeri.

#### **Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis - Pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah**

2. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan projek perumahan awam kos rendah di Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis telah dirancang dengan memuaskan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masalah yang telah dikenal pasti adalah projek perumahan awam kos rendah telah lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan disebabkan masalah yang dihadapi oleh kontraktor, arahan perubahan kerja dan Lanjutan Masa. Manakala projek perumahan awam kos rendah yang telah lama disiapkan belum diagihkan kepada pembeli yang layak. Rumah-rumah ini didapati tidak sesuai diduduki berikutan banyak bahan binaan dan peralatan yang dipasang dalam rumah telah rosak atau dicuri oleh penceroboh. Rumah ini perlu dibaiki dahulu sebelum diserahkan kepada pembeli berkenaan. Selain itu, proses pengambilan balik tanah juga menghadapi masalah kerana tanah tapak projek yang terlibat adalah hak milik perseorangan atau individu. Namun demikian, aspek pemantauan yang telah dibuat oleh pihak yang terlibat adalah memadai.

**Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis – Pengurusan Perpustakaan Awam Negeri Perlis**

3. Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (Perbadanan) telah menguruskan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dengan baik. Bagaimanapun, kekurangan sumber kewangan telah menyebabkan Perbadanan mengurangkan masa beroperasi perpustakaannya serta pembelian bahan bacaan. Peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan yang sepatutnya digunakan untuk menambah koleksi bahan bacaan telah digunakan untuk membayar gaji kakitangan serta penyelenggaraan perpustakaan. Walaupun menghadapi masalah kewangan, Perbadanan telah berjaya melaksanakan aktiviti yang dirancang.

## ***BAHAGIAN I***

***AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS  
JABATAN/AGENSI***

## **BAHAGIAN 1** **AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

### **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program dan aktiviti untuk dikaji secara mendalam. Kajian ini adalah untuk menentukan sama ada program atau aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Program dan aktiviti yang dikaji adalah seperti berikut:

- a)** Pengurusan Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
- b)** Pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah
- c)** Pengurusan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

### **PEJABAT BENDAHARI NEGERI PERLIS**

#### **PENGURUSAN PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI**

### **2. LATAR BELAKANG**

Kerajaan Persekutuan berkehendakkan satu sistem perakaunan berkomputer yang seragam dan berkualiti dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Keputusan ini dicapai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan-kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan pada bulan November 1996. Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) yang bermesyuarat pada bulan Mac 2000 telah menetapkan Projek Perintis bagi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dilaksanakan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Perlis dan Negeri Kedah mulai tahun 2001. Pelaksanaan SPEKS secara *national rollout* untuk 9 negeri yang lain tidak termasuk Sabah dan Sarawak pula dilakukan pada bulan Januari tahun 2003. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab mengurus dan menyelaras pelaksanaan sistem perakaunan berkomputer seluruh negara serta membangunkan dan menyelenggarakan sistem aplikasi dan menyediakan

peralatan/perkakasan komputer. Kerajaan Negeri hanya dikehendaki menyediakan rangkaian untuk pelaksanaan SPEKS dan menanggung kos penyelenggaraan perkakasan sahaja. Bagi tujuan itu, Kerajaan Persekutuan telah melantik Syarikat Konsortium Jaya Sdn. Bhd. pada bulan Jun 2001 bagi melaksanakan Projek Perintis SPEKS dengan kos berjumlah RM10.57 juta. Pada Ogos 2001, Syarikat Konsortium Jaya Sdn. Bhd. (Pembekal) juga telah dilantik untuk melaksanakan Projek SPEKS secara *national rollout* dengan kontrak bernilai RM68.18 juta. Bagi Negeri Perlis, pelaksanaan SPEKS adalah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pembekal akan membangunkan aplikasi SPEKS yang mengandungi 11 modul perakaunan dalam 3 fasa dan rangkaian sistem komputer yang menghubungkan Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). SPEKS dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan negeri supaya penyata kewangan yang standard, berkualiti dan tepat pada masanya dapat disediakan. Selain itu, ianya dapat memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan menjadi sumber rujukan maklumat kewangan negeri bagi persiapan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

### **3. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) di Perlis dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

### **4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Kajian yang dijalankan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pelaksanaan SPEKS bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Pengauditan ini telah dijalankan di Pejabat Bendahari Negeri dan 3 Pusat Tanggungjawab terpilih iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Mahkamah Syariah dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen pelaksanaan SPEKS yang diselenggarakan di Pejabat berkenaan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan SPEKS juga telah diadakan.

### **5. PENEMUAN AUDIT**

#### **5.1 PERANCANGAN**

Projek SPEKS melibatkan aplikasi SPEKS yang mengandungi 11 modul telah mula dilaksanakan di Negeri Perlis dan Kedah sebagai perintis pada bulan Ogos 2001

sementara pelaksanaannya melibatkan 9 buah negeri lain secara *national rollout* adalah mulai Januari 2003. Pelaksanaan keseluruhan sistem dijangka selesai pada bulan Julai 2005. Aspek perancangan yang diperhatikan adalah meliputi perkara berikut:

### **5.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri adalah selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan dalam projek pembangunan Kerajaan Elektronik. Aplikasi Kerajaan Elektronik adalah bertujuan untuk memperbaiki operasi dalaman Kerajaan, menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada rakyat. Selain itu, matlamatnya adalah untuk keselesaan, ketelusuran dan kualiti interaksi dengan masyarakat dan perniagaan. Langkah Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan SPEKS adalah supaya ia selari dengan strategi Kerajaan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Sistem ini akan dibangunkan di atas platform perisian yang seragam, fleksibel dan kos efektif bagi 11 Negeri di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menerima pakai Rangka Dasar Keselamatan ICT Kerajaan yang dikeluarkan pada tahun 2000. Tujuannya adalah untuk melindungi aset ICT Kerajaan dan menjamin kesinambungan urusan Kerajaan dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan. Secara amnya, Dasar Kerajaan Negeri dalam melaksanakan SPEKS adalah bermatlamat untuk:

- a) Melicinkan dan mempertingkatkan produktiviti, kecekapan dan prestasi pengurusan kewangan Kerajaan negeri agar dapat mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan perakaunan.
- b) Penyediaan Penyata Kewangan yang standard, sempurna dan bertepatan pada masanya.
- c) Mengadakan Pusat Sumber Maklumat Kewangan supaya apa juga maklumat kewangan yang diperlukan dapat diperolehi dan dirujuk dengan mudah.
- d) Mempersiapkan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

Dengan terlaksananya SPEKS, Pegawai Pengawal akan lebih bertanggungjawab dalam hal pentadbiran kewangan dan perakaunan. Ini kerana PTJ akan mengendalikan dan menyelenggara sepenuhnya urusan kewangan mereka. Ketua Jabatan/PTJ juga berupaya menyemak dan mengetahui kedudukan kewangan masing-masing secara *online* yang dihubungkan dengan pengkalan SPEKS di Pejabat Bendahari Negeri.

### **5.1.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Pejabat Bendahari Negeri dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah jabatan yang bertanggungjawab memastikan beberapa undang-undang dan peraturan yang berkuat

kuasa dipatuhi dalam pembangunan SPEKS. Undang-undang dan peraturan yang dimaksudkan adalah seperti Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor, arahan dan lain-lain pekeliling Kerajaan berkenaan prosedur/tatacara kewangan dan perakaunan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pejabat juga akan menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis mengikut format baru yang telah ditentukan oleh Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK2) – Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Selain itu, Pejabat juga akan menggunakan Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Sektor Awam (MyMIS) dan Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam Tahun 2005 sebagai prosedur keselamatan yang digunakan kakitangan awam sebagai langkah mempertingkatkan tahap keselamatan ICT.

### **5.1.3 Pengurusan Projek SPEKS**

Pembangunan dan pelaksanaan SPEKS akan dipertanggungjawabkan kepada 3 jawatankuasa yang ditubuhkan khusus untuk tujuan ini. Jawatankuasa yang ditubuhkan terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu SPEKS, Jawatankuasa Teknikal SPEKS dan Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri.

#### **a) Jawatankuasa Pemandu SPEKS**

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia dan mempunyai 9 orang ahli yang terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri, wakil dari Perbendaharaan Malaysia, wakil MAMPU, wakil Jabatan Audit Negara dan 5 orang pegawai daripada JANM. Terma rujukan Jawatankuasa adalah untuk mengawasi dan meluluskan pelaksanaan projek, melapor dan menasihati Jawatankuasa Teknikal, mengadakan dan melulus prosedur, peraturan, penetapan piawaian dan dasar yang sedia ada ke arah pelaksanaan keseluruhan projek.

#### **b) Jawatankuasa Teknikal SPEKS**

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara Malaysia dan mempunyai 9 orang ahli yang terdiri daripada Bendahari Negeri, wakil pegawai dari pelbagai Jabatan seperti MAMPU, JANM dan Jabatan Audit Negara. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab untuk memantau dan mengawasi pembangunan dan pelaksanaan projek di peringkat negeri, menyemak laporan dan dokumen projek dan menggariskan latihan yang diperlukan. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai pasukan petugas bagi memastikan semua peralatan/rangkaian komputer, pembangunan perakaunan dan aplikasi SPEKS disediakan dengan cukup dan sempurna. Bagi tujuan ini, 3 pasukan petugas yang

khusus ditubuhkan iaitu Pasukan Petugas Peralatan dan Rangkaian, Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan dan Pasukan Petugas Aplikasi SPEKS.

**c) Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri**

Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan 7 orang ahli terdiri daripada Bendahari Negeri dan wakil JANM, Jabatan Audit Negeri, wakil teknikal Negeri, pengguna SPEKS dan wakil pembangun sistem. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab merancang dan mengawasi pelaksanaan SPEKS di peringkat Negeri, mengkaji keperluan sumber manusia dan meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan SPEKS.

**d) Pejabat Bendahari Negeri Dan PTJ**

Selain daripada Jawatankuasa yang ditubuhkan, Pejabat Bendahari Negeri sebagai pengurus dan pentadbir sistem dan 18 PTJ selaku pengguna SPEKS akan bertanggungjawab untuk memainkan peranan masing-masing dan mengambil tindakan yang ditentukan bagi memastikan proses aplikasi SPEKS diuruskan dengan betul dan teratur.

**5.1.4 Komponen SPEKS Yang Dirancang Dibangunkan**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan satu Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri yang berkesan untuk kegunaan negeri berdasarkan kombinasi teknologi dan amalan perniagaan. Aplikasi SPEKS dibangunkan untuk memenuhi keperluan ini serta menyeragamkan sistem perakaunan Kerajaan Negeri dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan pengurusan kewangannya bagi menggantikan Sistem Perakaunan Vot Berkomputer Negeri (SPVN) Pejabat Bendahari Negeri Perlis yang digunakan semenjak tahun 1995. Selaras dengan pelaksanaan SPEKS di Pejabat Bendahari Negeri, Pembekal yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan akan mengkaji dan meneliti infrastruktur rangkaian yang sedia wujud di Negeri Perlis khususnya di Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ serta merangka strategi rangkaian dan kemudahan yang perlu diadakan dan membentangkan cadangan pelaksanaan SPEKS ini. Cadangan yang telah dikemukakan oleh Pembekal pada bulan Ogos 2001 untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemandu SPEKS adalah seperti berikut:

**a) Infrastruktur Rangkaian Komputer**

Rangkaian Komputer merupakan cara saling sambungan (*interconnection*) antara sistem komputer dan peralatan komputer melalui dawai ataupun tanpa dawai (*wireless*). Pengurusan Rangkaian (*network management*) merangkumi reka bentuk, pemasangan, pengawasan dan pengurusan rangkaian tersebut. Bagi melengkapkan

infrastruktur rangkaian komputer SPEKS, Pembekal mencadangkan 5 blok bangunan di kawasan Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri Kangar, Perlis dihubungkan dengan menggunakan suis gentian dengan menjadikan bangunan Pejabat Bendahari Negeri sebagai induk di mana terletaknya bilik server SPEKS dan perkakasan komputer yang lain. Sebanyak 7 bangunan yang lain di luar Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri pula akan dihubungkan ke Pejabat Bendahari Negeri melalui sambungan talian Perkhidmatan Rangkaian Data Bersepadu (ISDN). Dua kaedah rangkaian komputer akan digunakan iaitu Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) yang merangkumi sebuah bilik, bangunan atau kampus dan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) yang menyambung daerah, negeri dan dunia.

**b) Sistem Pengurusan Dokumen**

Sistem Pengurusan Dokumen akan dibangunkan oleh pembekal berdasarkan aplikasi *Lotus Domino.Doc* dan *TELEform* untuk digunakan oleh Pejabat Bendahari Negeri bagi mengurus dokumen dan laporan yang berkaitan. Aplikasi *Lotus Domino.Doc* akan dibangunkan sebagai pusat sumber dokumen elektronik. Laporan dan dokumen yang akan dijana adalah diperolehi sama ada melalui *hardcopy* atau *softcopy*. Dokumen *softcopy* adalah melalui perisian *Microsoft Office* seperti *MS Word*, *Excel* dan *PowerPoint* manakala dokumen *hardcopy* adalah secara imbasan oleh *scanner*. *TELEform* pula akan digunakan sebagai *electronic forms* untuk memudahkan proses *data capture automation* oleh Pejabat Bendahari Negeri Perlis.

**c) Arkitektur Kerajaan Elektronik (EG-AG)**

Bagi membolehkan Aplikasi *EG-AG Flagship* iaitu Perolehan Elektronik (e-perolehan), Sistem Pemantauan Projek (PMS) dan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) berintegrasi antara satu sama lain dengan SPEKS maka satu perkakasan bagi menyambung aplikasi ini perlu disediakan oleh pembekal. Bagi tujuan ini, satu komponen broker maklumat (*Information Broker*) yang berasingan akan dipasang di salah satu pengkalan di Pejabat Bendahari Negeri yang bertindak sebagai *Information Broker Gateway Server*.

**d) Aplikasi Sistem**

Komponen SPEKS yang dicadangkan dibangunkan untuk tujuan dan kegunaan pentadbir sistem dan PTJ meliputi 11 modul aplikasi SPEKS iaitu Modul Sistem Kawalan Data, Sekuriti Aplikasi, Lejar Am, Buku Vot, Belanjawan, Lejar Akaun Subsidiari, Gaji, Pinjaman, Pelaburan, Pengurusan Aset dan Sistem Maklumat Pengurusan. Butiran cadangan modul aplikasi SPEKS yang hendak dibangunkan adalah seperti di **Jadual 1**.


**Jadual 1**  
**Modul Aplikasi SPEKS Yang Dibangunkan**

Bil.	Modul Aplikasi SPEKS	Jabatan/Pengguna
1.	Sistem Kawalan Data	Bendahari Negeri
2.	Sistem Sekuriti Aplikasi	Bendahari Negeri, Penolong Pegawai Sistem Maklumat
3.	Sistem Lejar Am	Pejabat Bendahari Negeri
4.	Sistem Buku Vot	PTJ
5.	Sistem Belanjawan	PTJ, Pejabat Bendahari Negeri, Pejabat Pegawai Kewangan Negeri
6.	Sistem Lejar Akaun Subsidiari	PTJ, Bendahari Negeri
7.	Sistem Gaji	PTJ, Bendahari Negeri
8.	Sistem Pinjaman	Bendahari Negeri
9.	Sistem Pelaburan	Bendahari Negeri
10.	Sistem Pengurusan Aset	PTJ
11.	Sistem Maklumat Pengurusan	Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri

*Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri*

Modul Lejar Am merupakan modul utama SPEKS yang melibatkan proses pengemaskinian, merekod transaksi dan maklumat akaun terimaan, bayaran, belanjawan dan penyesuaian bank serta pelaporan urus niaga, buku tunai, imbalan duga harian/bulanan, laporan pengurusan, penyata penyesuaian dan laporan lain yang diperlukan. Aliran keseluruhan komponen Sistem Lejar Am yang dicadang dibangunkan adalah seperti di **Carta 1**.

**Carta1**  
**Carta Alir Keseluruhan Aplikasi SPEKS**



Sumber : Kertas Cadangan Pembangunan Aplikasi SPEKS Oleh Pembekal

Aplikasi SPEKS yang akan dibangunkan untuk kegunaan PTJ iaitu Modul Sistem Buku Vot, Lejar Akaun Subsidiari, Gaji, Belanjawan dan Pengurusan Aset mempunyai antara muka dengan modul yang digunakan oleh Pejabat Bendahari Negeri bagi membolehkan proses terimaan serta bayaran diurus dan diakaunkan dengan lebih cepat. Modul tersebut akan menggantikan proses yang sebelum ini dilakukan secara manual. Rekod yang diselenggara secara manual juga akan dapat dijanakan oleh sistem melalui laporan yang tertentu. Aplikasi SPEKS juga dijangka dapat membantu menjana laporan maklumat pengurusan yang diperlukan untuk tujuan membuat pertimbangan dan keputusan.

### 5.1.5 Kaedah Pelaksanaan

#### a) Pelan Pelaksanaan SPEKS

Mengikut perancangan JANM, pelaksanaan SPEKS di Perbadanan Negeri Perlis dirancang bermula dengan pembangunan modul aplikasi SPEKS yang akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2001. Pembangunan modul aplikasi SPEKS akan dilaksanakan oleh Syarikat Konsortium Jaya Sdn. Bhd. dalam tempoh 20 bulan melalui 3 fasa mengikut perjanjian yang akan ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dengan Pembekal. Fasa pertama yang dijadualkan dilaksanakan bermula pada bulan Ogos 2001 dan berakhir pada bulan Ogos 2002 meliputi pelaksanaan Sistem Kawalan Data, Lejar Am, Buku Vot, Belanjawan serta integrasi dengan aplikasi e-SPKB. Manakala Fasa Kedua dirancang bermula pada bulan

Februari 2002 sehingga Oktober 2003 melibatkan Modul Sistem Gaji, Lejar Akaun Subsidiari dan antara muka dengan aplikasi Kerajaan Elektronik yang lain seperti e-Perolehan, PMS dan HRMIS. Fasa Ketiga pula dirancang bermula pada awal bulan Februari 2002 sehingga Januari 2003 yang akan melibatkan Sistem Pengurusan Aset, Pelaburan, Pinjaman dan Sistem Maklumat Pengurusan.

**b) Spesifikasi Fungsi Dan Teknikal**

Projek SPEKS merupakan satu kaedah memperkemaskan sistem perakaunan Kerajaan Negeri Perlis yang dibangunkan berdasarkan pengubahsuaian dan pembaikan daripada Sistem Perakaunan Berkomputer Negeri Pahang yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Pahang serta pembangunan 2 modul baru iaitu Sistem PTJ Kewangan dan Sistem Pengurusan Aset oleh pihak Pembekal. Proses pengubahsuaian dan pembaikan ini melibatkan pelaksanaan *charged user department* (CUD) dan kod yang fleksibel, aliran proses berkelompok, antara muka dan integrasi dengan sistem lain, kebolehan mencapai fungsi dalam sesuatu sistem dan keperluan lain. Pihak pembekal akan menyediakan spesifikasi keperluan fungsi dan teknikal bagi semua modul aplikasi SPEKS tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa SPEKS berkenaan.

Bendahari Negeri juga perlu mengemukakan keperluan cadangan penambahbaikan selain yang diperincikan di dalam Spesifikasi Fungsi SPEKS. Ini termasuk konsep perakaunan dan kewangan yang akan dibina dalam aplikasi SPEKS selain amalan perakaunan yang sepatutnya ada. Penambahbaikannya akan dimasukkan melalui *change request* (CR) yang seterusnya akan dilaksanakan oleh Pembekal.

**c) Panduan Pengguna SPEKS**

Pihak Pembekal akan menyediakan beberapa panduan pengguna sebagai rujukan bagi memudahkan pengguna SPEKS melakukan operasi dan tugas harian serta menerangkan fungsi SPEKS. Semua pegawai dan pengguna Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ akan diberi latihan secukupnya supaya mahir menggunakan panduan ini semasa mengendalikan modul aplikasi SPEKS.

**5.1.6 Keperluan Peralatan Dan Perkakasan Komputer**

Bagi membolehkan projek SPEKS dilaksanakan seperti dirancang, semua peralatan dan perkakasan komputer akan di pasang di Pejabat Bendahari Negeri dan Pejabat PTJ yang lain oleh Pembekal dalam tempoh bulan November 2001 sehingga bulan Mac 2002. Pejabat Bendahari Negeri adalah bertanggungjawab menyelaras keperluan peralatan komputer dan persediaan rangkaian PTJ ke Pejabatnya sendiri. Pejabat

menganggarkan kos keperluan peralatan dan perkakasan komputer bagi projek ini berjumlah RM1.95 juta. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Keperluan Peralatan Dan Perkakasan Komputer SPEKS**

Bil.	Peralatan/Perkakasan/Perisian	Kuantiti	Kos (RM Juta)
	<b>Pejabat Bendahari Negeri</b>		
1.	<i>Unix Database/Uninterruptible Power Supply (UPS) Servers</i>	2	0.25
2.	<i>Fallover/Application/UPS Server/External Storage</i>	3	0.25
3.	<i>NT Servers</i>	1 set	0.14
4.	<i>Network Routers/Switch Hub/Cabling Dan Kerja Berkaitan Rangkaian</i>	1 set	0.43
5.	Perisian Pengoperasian Sistem/Pejabat/Mel, Pengimbas Dokumen/Pengkalan	1 set	0.38
6.	<i>Hardware Firewall, Line Printer, Scanner Dan CD Writer</i>	4	0.08
7.	Komputer Peribadi Dan UPS	10	0.06
8.	Pencetak Laser	3	0.01
9.	Meja/Kerusi Komputer/Pencetak	10	-
	<b>Pusat Tanggungjawab (PTJ)</b>		
10.	Komputer Peribadi Dan UPS	42	0.25
11.	Pencetak	18	0.02
12.	Perabot (Meja/Kerusi)	42	-
13.	Perisian Pejabat (MS Office XP)	42	0.08
<b>Jumlah</b>			<b>1.95</b>

Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri/Perjanjian Pembekalan

#### 5.1.7 Pembiayaan Kos Projek Pembangunan SPEKS

Selain perbelanjaan perkakasan dan perisian berjumlah RM1.95 juta bagi melaksanakan projek SPEKS di Pejabat Bendahari Negeri dan 18 PTJ, kos cadangan pembangunan, pengubahaui dan pelaksanaan aplikasi perintis SPEKS mengikut 3 fasa oleh Konsortium Jaya Sdn. Bhd. bagi Negeri Kedah dan Perlis adalah berjumlah RM4.50 juta. Butiran kosnya adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Kos Pembangunan Dan Pelaksanaan Aplikasi SPEKS**

Fasa	Modul SPEKS	Harga (RM Juta)
I	Modul Utama – Lejar Am Belanjawan	1.43 0.37
II	Gaji Lejar Subsidiari Pemindahan Data Integrasi Dengan e-SPKB Dan Aplikasi Kerajaan Elektronik Lain	0.55 0.37 - 0.09
III	Buku Vot Pinjaman Dan Pelaburan Pengurusan Aset Sistem Maklumat Pengurusan	0.38 0.46 0.46 0.38
<b>Jumlah</b>		<b>4.50</b>

Sumber : Perjanjian Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Pembekal

Peruntukan untuk melaksanakan aplikasi SPEKS adalah melalui peruntukan Perbendaharaan Malaysia. Mengikut perjanjian, pembayaran adalah mengikut peringkat iaitu selepas perjanjian ditandatangani, pemasangan perkakasan dan perisian, penyerahan spesifikasi fungsi dan teknikal yang dipersetujui, pemasangan modul aplikasi setelah penerimaan *pre-installation*, sijil penerimaan sementara dan muktamad ditandatangani serta peringkat penyerahan dokumentasi spesifikasi dan manual SPEKS yang ditetapkan. Kerajaan Negeri pula hanya perlu menanggung kos penyediaan rangkaian, pemasangan dan penyelenggaraan litar suwa atau ISDN, penyelenggaraan perkakasan dan perisian, bayaran bulanan talian telefon serta pelesenan perisian sistem selepas tempoh jaminan pelaksanaan sistem.

#### **5.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Perancangan keperluan guna tenaga dan latihan dalam pelaksanaan SPEKS adalah seperti berikut:

##### **a) Keperluan Guna Tenaga**

Bagi memastikan SPEKS dilaksanakan dengan lancar, sokongan kakitangan dan pegawai yang mengendalikan sistem secara langsung sama ada di Pejabat Bendahari Negeri atau PTJ adalah penting. Jawatankuasa Pemandu SPEKS mencadangkan selain daripada Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 (PPSM) yang sedia ada, pertambahan 1 jawatan Penolong Akauntan Gred W32 atau Pegawai Sistem Maklumat Gred F41 adalah diperlukan bagi membantu Bendahari Negeri dalam pengurusan operasi sistem harian. Sementara di peringkat PTJ pula,

perancangan perjawatan baru tidak disediakan untuk mengendalikan SPEKS dan akan menggunakan pegawai dan kakitangan yang sedia ada.

**b) Kursus Dan Latihan**

Bagi memastikan semua pegawai dan kakitangan di Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas yang mencukupi, kursus dan latihan yang akan dirancang oleh Pembekal adalah mengenai aspek pengurusan sistem pengendalian, modul aplikasi SPEKS, Sistem Buku Vot, Pentadbiran/Teknologi Server *Oracle Database*, Strategi Pemulihan dan *Backup*, Pentadbiran Rangkaian, *Internet Developer Suite*, Sistem Pengurusan Dokumen – *TELE form* dan *Domino.Doc*. dan aplikasi *Microsoft Office XP*. Tempoh masa latihan yang dirancang adalah selama 1 hingga 5 hari dan dijadual diberi pada bulan Oktober 2001 hingga September 2002. Selain itu, latihan komputer dan pemahaman konsep perakaunan di peringkat PTJ di antara 3 hingga 7 hari akan disediakan oleh Pejabat Bendahari Negeri kepada dua kumpulan sasaran iaitu Kumpulan Sokongan dan Kumpulan Pengurusan atasan. Latihan ini meliputi aspek belanjawan dan kawalan, konsep PTJ, prosedur terimaan dan bayaran serta kursus Pengenalan *Microsoft Windows*.

**c) Sokongan Teknikal**

Bagi memberi sokongan teknikal dalam mengendalikan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ dalam pelaksanaan SPEKS, Pembekal akan menempatkan seorang pegawai teknikal di Pejabat Bendahari Negeri. Selain itu seorang PPSM Gred F29 ditempatkan di Pejabat Bendahari Negeri untuk memantau pelaksanaan SPEKS serta memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan yang berkaitan.

**5.1.9 Pengendalian Sistem**

Bagi memastikan SPEKS dikendalikan dengan sempurna, perancangan pengendalian sistem adalah seperti berikut:

**a) Sistem *Backup***

Pejabat Bendahari Negeri akan bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja salinan (*backup*) secara harian, mingguan dan bulanan. Dua kaedah operasi *backup* harian akan dilaksanakan iaitu secara auto dan manual di mana *backup* secara auto akan dibuat oleh sistem manakala secara manual akan dibuat oleh PPSM. Bagi *backup* secara manual, Modul Pentadbir SPEKS dalam server aplikasi perlu dikunci masuk.

Sementara operasi *backup* secara mingguan dan bulanan pula menggunakan aplikasi yang terdapat di dalam server *database*.

**b) Kawalan Capaian Sistem**

Pengguna sistem aplikasi akan dikawal melalui pengenalan pengguna dan kata laluan. Identiti pengguna dan kata laluan akan dibekalkan kepada setiap pegawai yang terlibat dalam pengoperasian aplikasi SPEKS. Bagi melindungi sumber daripada dicapai oleh pengguna yang tidak berkaitan, seseorang pengguna akan dihadkan kebenaran capaian menu dalam sistem mengikut skop tugas dan fungsi tertentu yang dipertanggungjawabkan sahaja mengikut kuasa yang diberi kepadanya berdasarkan jawatan yang dipegang olehnya. Pewujudan dan pembatalan kod akses atau pengenalan pengguna akan dikawal oleh PPSM dan Bendahari Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan. Kata laluan akan ditukar dalam tempoh masa 3 bulan sekali bagi mengelakkan kerahsiaan kata laluan didedahkan.

**c) Pengurusan Dokumen Sokongan SPEKS**

Aplikasi SPEKS membolehkan semua PTJ membuat beberapa prosesan seperti bajet, terimaan, bayaran dan gaji dilakukan di peringkat PTJ. Semua dokumen sokongan asal yang dijana oleh PTJ tidak perlu dikemukakan kepada Bendahari Negeri seperti amalan sebelum ini. Bagaimanapun semua baucar bayaran dan dokumen sokongan asal seperti pesanan tempatan, bil, invois dikehendaki di cetak, difailkan dan disimpan dengan teratur di PTJ masing-masing. Di peringkat Pejabat Bendahari Negeri pula, dokumen yang dihasilkan oleh SPEKS seperti baucar bayaran, cek, penyata pemungut, resit rasmi dan pemindahan wang antara bank perlu disimpan secara elektronik dalam ruang penyimpanan untuk selama 7 tahun bagi tujuan audit. Kerja mengeluarkan dan menyimpan dokumen akan dijalankan oleh PPSM di server Sistem Pengurusan Dokumen (DMS) setiap bulan selepas akaun sesuatu bulan itu ditutup.

**5.1.10 Kaedah Pemantauan**

Bagi memastikan pelaksanaan SPEKS berjalan dengan lancar seperti dirancang, pemantauan yang rapi akan dibuat terhadap pelaksanaannya. Pemantauan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri, Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal SPEKS dengan mengadakan mesyuarat, perbincangan, pemantauan dan menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan SPEKS secara bulanan atau seberapa kerap yang diperlukan. Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri akan membuat pemantauan terhadap perkembangan pelaksanaan SPEKS oleh Pembekal dan prestasi penggunaan

SPEKS oleh PTJ secara keseluruhannya. Jawatankuasa Pemandu SPEKS akan memantau dari aspek jadual/kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek SPEKS, keperluan guna tenaga/kursus dan latihan, keperluan rangkaian/peralatan, penyelenggaraan SPEKS serta pelesenannya, integrasi SPEKS dengan aplikasi Kerajaan Elektronik, keselamatan maklumat/aplikasi, masalah dan perkara mengenai penggunaan SPEKS. Sementara Jawatankuasa Teknikal SPEKS pula akan juga memantau status pembangunan dan pelaksanaan SPEKS dari segi teknikal, penyampaianya, peralatan, rangkaian/komunikasi, kemudahan logistik serta pematuhan dasar dan piawaian perakaunan. Selain itu, Pasukan Pemantau SPEKS dirancang ditubuhkan untuk tujuan membantu PTJ yang menghadapi masalah pelaksanaan SPEKS di samping aktiviti pemantauan yang dijalankan oleh pihak pengurusan Pejabat Bendahari Negeri sendiri.

**Pada pandangan Audit, perancangan bagi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri telah disediakan dengan baik oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Negeri dan 18 Pejabat/Pusat Tanggungjawab di Negeri Perlis.**

## **5.2 PELAKSANAAN**

Pembangunan SPEKS di Negeri Perlis telah dilaksanakan sejak bulan Ogos 2001. Bagi memastikan projek SPEKS dilaksanakan seperti yang dirancang, maka semua Jawatankuasa yang ditubuhkan dan Jabatan/Pejabat/PTJ terlibat khasnya Pejabat Bendahari Negeri perlu memastikan segala perancangan dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

### **5.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar ICT Kerajaan Negeri Perlis yang membawa ke arah pentadbiran yang berkualiti berasaskan kepada teknologi maklumat dan multimedia telah tercapai dengan terlaksananya semua 11 modul SPEKS di peringkat Negeri. Projek SPEKS telah membawa satu pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dari segi pentadbiran, pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri dan PTJ untuk mempersiapkan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati aplikasi SPEKS masih belum boleh diintegrasikan dengan aplikasi Kerajaan Elektronik yang lain seperti e-Perolehan, PMS dan HRMIS.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan SPEKS di peringkat Negeri adalah mengikut Dasar Kerajaan Elektronik. Sungguhpun demikian, aspek integrasi dengan aplikasi Kerajaan Elektronik yang lain masih belum dilaksanakan.**

### **5.2.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Pada keseluruhannya undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan SPEKS telah dipatuhi oleh Pejabat Bendahari Negeri dan Pejabat/PTJ. Jawatankuasa Pemandu SPEKS dan Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan SPEKS didapati telah memainkan peranan dengan mengenal pasti dan menyediakan dasar dan piawaian perakaunan serta memperakui pengkodan dan prosedur perakaunan yang standard bagi kerajaan negeri yang dikemukakan oleh Pasukan Petugas Aplikasi SPEKS. Ini adalah selaras dengan Akta Prosedur Kewangan 1957, Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia serta format persembahan Penyata Kewangan mengikut prinsip Kumpulan Wang Disatukan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Walaupun aplikasi SPEKS telah digunakan secara *online*, peraturan kewangan kerajaan semasa masih perlu dipatuhi dengan sepenuhnya. Bagi peraturan kewangan yang hendak diketepikan, PTJ berkenaan dikehendaki mendapatkan kelulusan pengecualian daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, semakan Audit di 3 PTJ terpilih mendapati perkara berikut kurang menepati kehendak peraturan kewangan yang masih berkuat kuasa.

#### **a) Penyelenggaraan Daftar Bil**

Daftar Bil merupakan salah satu laporan SPEKS yang dikemas kini secara automatik dengan maklumat yang dikunci masuk ke dalam sistem semasa bil/tuntutan diproses untuk bayaran sehingga cek dikeluarkan. Ia diselenggarakan bagi memastikan bil/tuntutan dibayar dengan segera iaitu tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh ianya diterima mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 103. Semakan Audit mendapati Daftar ini telah merekodkan maklumat semua bayaran yang diproses dan dibayar termasuk bayaran tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, elaun basikal, gaji kakitangan sambilan, bayaran kontrak dan inden kerja. Bagaimanapun, bil/tuntutan yang diterima dan belum diproses untuk bayaran didapati tidak ditunjukkan dalam Daftar Bil. Oleh itu, Daftar Bil yang dijanakan tidak menepati tujuan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan.

#### **b) Kawalan Pengeluaran Resit**

Arahan Perbendaharaan menetapkan resit rasmi mestilah dikeluarkan sebagai akuan terima wang yang dibayar kepada seseorang pegawai awam. Bagi sistem pengeluaran resit berkomputer ia hendaklah memenuhi ciri kawalan tertentu yang

ditetapkan. Semakan Audit mendapati SPEKS mempunyai kelemahan ciri kawalan pengeluaran resit kerana resit asal penerimaan hasil boleh dikeluarkan sehingga 2 kali.

Selain itu, sebagai rujukan fungsi dan panduan pengoperasian semua aplikasi SPEKS, Panduan Pengguna SPEKS telah disediakan dan dikemukakan kepada JANM/Pejabat Bendahari Negeri oleh Pembekal dan diedarkan untuk kegunaan Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ. Semakan Audit mendapati senarai panduan pengguna yang dibekalkan adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Panduan Pengguna Yang Dibekalkan Oleh Pembekal**

Bil.	Panduan Pengguna Modul SPEKS	Versi	Tarikh Keluaran
1.	Sistem Sekuriti Aplikasi	1.0 1.1	8.3.2002 21.5.2002
2.	Sistem Kawalan Data	1.1	23.5.2002
3.	Sistem Buku Vot	1.1	24.5.2002
4.	Sistem Lejar Am	1.1	15.6.2002
5.	Sistem Belanjawan	1.1	8.8.2002
6.	Sistem Pinjaman	1.0	4.11.2002
7.	Sistem Gaji (Untuk PTJ)	2.1	30.4.2003
8.	Sistem Gaji (Untuk Bendahari Negeri)	2.1	30.4.2003
9.	Penyesuaian Bank Dan Pukal	1.1.1	2.10.2003
10.	Sistem Gaji (Proses Bonus)	2.1	20.6.2003
11.	Sistem Pengurusan Aset	1.0	3.11.2003
12.	Sistem PTJ Kewangan	1.0	15.8.2004
13.	Sistem Maklumat Pengurusan	1.0	17.6.2005

*Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri*

Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati sistem SPEKS yang dibangunkan telah memperkemaskan lagi sistem pengurusan kewangan serta sistem perakaunan secara talian terus yang berantara muka dengan aplikasi sistem SPEKS yang lain, penyeragaman dalam persembahan penyata kewangan tahunan kerajaan negeri dan penyimpanan dokumen/maklumat secara elektronik. Ini adalah sejajar dengan undang-undang, peraturan dan hasrat kerajaan.

Langkah keselamatan bagi menjaga dan melindungi semua maklumat SPEKS telah juga diberi perhatian dengan menetapkan peraturan, polisi dan standard keselamatan tertentu. Selain itu, Pejabat Bendahari Negeri telah selesai melaksanakan penilaian

*Security Posture Assessment* dan bercadang melaksanakan tanda aras iaitu *Public Key Infrastructure* (PKI) untuk SPEKS. Semua langkah ini adalah mengikut keperluan perundangan dan peraturan yang dikehendaki dipatuhi iaitu Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMIS) dan Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam Tahun 2005.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan SPEKS adalah mengikut kehendak undang-undang dan peraturan Kerajaan. Bagaimanapun, fungsi SPEKS dalam penyelenggaraan Daftar Bil dan kawalan pengeluaran resit asal perlu disesuaikan mengikut kehendak peraturan kewangan.**

### **5.2.3 Pengurusan Projek SPEKS**

Pengurusan Projek SPEKS melibatkan pelbagai pihak iaitu pengurusan atasan, Pejabat Bendahari Negeri dan peringkat Pusat Tanggungjawab.

#### **a) Penglibatan Pihak Pengurusan Atasan**

Bagi memastikan kemampuan SPEKS mencapai objektif ia dibangunkan, penglibatan pihak pengurusan peringkat tertinggi dalam pelaksanaan sistem adalah penting. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan atasan telah melibatkan diri secara langsung dengan memberi kerjasama dan input kepada pihak pembangun sistem iaitu Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Pembekal yang dilantik di peringkat perancangan pelaksanaan sistem. Selain itu, beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal SPEKS dan Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Januari 2001. Pegawai Kewangan Negeri telah dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pemandu SPEKS dan sebagai pengurus dalam Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri bagi membantu dan menjayakan pelaksanaan projek dengan lebih berkesan. Mesyuarat Jawatankuasa berkenaan yang diadakan telah turut dihadiri oleh Bendahari Negeri dan PPSM dari Pejabat Bendahari Negeri untuk memberi input bagi menambahbaikkan dan melancarkan pelaksanaannya.

#### **b) Pengurusan SPEKS Di Peringkat Pejabat Bendahari Negeri**

Semakan Audit juga mendapati Pejabat Bendahari Negeri secara keseluruhan adalah merupakan pelaksana dan pentadbir aplikasi SPEKS di Negeri Perlis. Bendahari Negeri terlibat secara langsung dalam pelaksanaan SPEKS dengan menganggotai Jawatankuasa Teknikal SPEKS, Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan SPEKS dan Pasukan Petugas Aplikasi SPEKS yang ditubuhkan oleh JANM serta Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS di Peringkat Negeri. Selain itu, Pejabat

Bendahari Negeri terlibat dalam pelaksanaan Modul Sistem Kawalan Data, Sistem Sekuriti Aplikasi dan Sistem Lejar Am. Manakala PPSM merupakan wakil teknikal Negeri dan bertanggungjawab dalam urusan prosesan harian, prosesan cek dan resit, prosesan bulanan dan tahunan serta memastikan rangkaian dan sistem SPEKS beroperasi dan berada dalam keadaan yang memuaskan. Selain itu, PPSM terlibat dalam melaksanakan beberapa arahan kerja operasi berjadual seperti perkemasan pengkalan data, kerja *backup* dan kawalan pewujudan serta pembatalan kod akses pengguna. Beliau juga memberi khidmat sokongan teknikal kepada PTJ untuk menyelesaikan masalah teknikal di PTJ serta mengawasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian komputer di Pejabat Bendahari Negeri supaya berada dalam keadaan yang memuaskan. Pada masa yang sama, Bendahari Negeri bertanggungjawab untuk menguruskan semua operasi dan perakaunan mengenai segala terimaan dan bayaran, kawalan pewujudan jadual kod di Sistem Kawalan Data (DCS), menyemak dan meluluskan dokumen yang dikunci masuk oleh PTJ serta menyedia dan mengemaskinkan akaun dan rekod akaun Kerajaan Negeri. Pejabat ini juga mengeluarkan arahan dan panduan SPEKS serta mengadakan taklimat, latihan dan mesyuarat bagi menerangkan perkara dan prosedur penting berkenaan pelaksanaan SPEKS.

**c) Pengurusan SPEKS Di Peringkat Pusat Tanggungjawab**

Di peringkat PTJ pula, semakan Audit mendapati Ketua Jabatan di peringkat PTJ adalah pegawai pengawal yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan SPEKS. Mereka terlibat secara langsung untuk meluluskan transaksi yang telah dikunci masuk, disahkan dan disemak oleh pegawai bawahan sebelum diproses oleh sistem. Selain itu, kakitangan di Bahagian Kewangan, Pentadbiran dan Stor Pejabat PTJ yang menguruskan terimaan, bayaran, gaji kakitangan, pinjaman kenderaan/komputer, aset dan inventori turut terlibat di dalam pengendalian aplikasi SPEKS.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Projek SPEKS adalah memuaskan.**

**5.2.4 Prestasi Pembangunan Komponen SPEKS**

Mengikut jadual perancangan, pembangunan SPEKS Negeri Perlis yang bermula dari bulan Ogos 2001 dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2003. Bagaimanapun, tempoh tamat pelaksanaannya telah dipersetujui dilanjutkan sehingga akhir bulan April 2005 oleh Perbendaharaan Malaysia. Sehingga akhir Disember 2005, sebanyak 11 modul telah dilaksanakan. Semakan Audit terhadap prestasi pembangunan komponen SPEKS adalah seperti berikut:

**a) Infrastruktur Rangkaian Yang Telah Dibangunkan**

Rangkaian komputer yang komprehensif dan cekap amat diperlukan bagi membolehkan PTJ sebagai pengguna SPEKS dihubungkan ke Pejabat Bendahari Negeri selaku penyelaras sistem untuk menghantar dan mengambil data dan bagi menjayakan sesuatu sistem aplikasi. Semakan Audit mendapati infrastruktur rangkaian sedia ada yang dijalankan oleh Pembekal, rangkaian komputer SPEKS Kerajaan Negeri Perlis telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) dan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) dan siap dipasang oleh Pembekal pada akhir bulan Mac 2002.

**i) Rangkaian Kawasan Setempat (LAN)**

LAN digunakan untuk menyambung 8 PTJ yang berada dikawasan 5 blok bangunan utama (Blok A, B, C, D dan E) di Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri dengan menggunakan gabungan kabel UTP dan juga kabel fiber. Blok B menjadi pusat rangkaian yang menempatkan Pejabat Bendahari Negeri dan Pejabat Pegawai Kewangan Negeri. Semua server, suis utama dan perkakasan rangkaian projek SPEKS didapati telah diletakkan di dalam bilik server di tingkat bawah bangunan ini. Pusat ini menghubungkan LAN, rangkaian gentian untuk Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri dan juga rangkaian yang melibatkan talian ISDN sebagai pengantara WAN untuk PTJ yang terletak di luar kawasan Kompleks. Selain Pejabat Bendahari Negeri, 7 Pejabat yang berada dalam kawasan Kompleks juga terlibat iaitu Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Unit Pentadbiran Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kewangan/Pentadbiran), Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan Jabatan Pembangunan Negeri. Semakan Audit mendapati kabel gentian telah dipasang merentangi bangunan melalui koridor dan dimasukkan ke dalam paip PVC untuk mengelakkan ianya rosak. Selain itu, sambungan kabel gentian juga dibuat melalui saluran bawah tanah sedia ada di mana saluran yang sama telah digunakan untuk laluan talian telefon.

Semakan Audit mendapati setiap aplikasi server dan pengkalan data yang dipasang di Pejabat Bendahari Negeri mempunyai 3 sambungan kepada suis gantian iaitu untuk data talian terus, data talian *backup* dan *MC service guard heart beat*. Data talian terus digunakan secara berterusan di mana apabila ianya rosak atau terputus maka talian *backup* akan mengambil alih tugas talian terus secara automatik. Sementara *MC service guard heart beat* berfungsi sebagai pemeriksa tahap kerosakan kedua server tersebut yang mana salah satu server

mengambil alih tugas secara automatik jika server yang satu lagi mengalami kerosakan kritikal.

**ii) Rangkaian Kawasan Luas (WAN)**

Selain 8 PTJ di dalam Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri, 10 PTJ yang terletak di luar Kompleks berkenaan melibatkan 7 lokasi berasingan didapati telah siap disambung ke Pejabat Bendahari Negeri untuk mengakses aplikasi SPEKS melalui rangkaian talian ISDN Telekom pada bulan Januari dan Mac 2002. Semakan Audit mendapati 4 talian ISDN di Pejabat Bendahari Negeri telah dipasang dan digunakan untuk disambungkan dengan 9 talian ISDN bagi 10 PTJ berkenaan yang mana bil bayaran perkhidmatan ISDN dibayar oleh Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ masing-masing. PTJ yang terlibat ialah Pejabat Duli Yang Maha Mulia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air), Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Tanah Dan Galian, Jabatan Perhutanan, Mahkamah Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Pejabat Mufti. Penggunaan talian ISDN adalah mudah serta menjimatkan dan hanya akan disambung jika transaksi perlu dilakukan. Kelajuan ISDN sesuatu PTJ adalah 64 Kbps dan dapat dipertingkat ke 128 Kbps jika transaksi PTJ telah bertambah kerana peralatan yang dibekalkan mempunyai kapasiti maksimum 128 Kbps.

Semakan Audit mendapati 1 talian ISDN tambahan telah dipasang pada Disember 2005 bagi merangkaikan komputer Pejabat Mahkamah Syariah dengan Pejabat Bendahari Negeri. Keperluan talian baru ini disebabkan Pejabat Mahkamah Syariah telah berpindah ke bangunan baru di Bangunan Jabatan Kehakiman Syariah Perlis. Sebelum ini Pejabat Mahkamah Syariah berkongsi talian dengan 2 pejabat yang lain di Kompleks Islam Perlis. Kos pemasangan adalah berjumlah RM36,900 melalui peruntukan Mahkamah Syariah.

**b) Sistem Pengurusan Dokumen**

Sistem Pengurusan Dokumen (DMS) telah digunakan mulai bulan Julai 2002 untuk menyimpan maklumat dan menfailkan dokumen SPEKS dalam bentuk elektronik dari pangkalan data SPEKS ke server DMS dengan selamat. Ini membolehkan semua dokumen elektronik dapat dicari dengan cepat berbanding dengan proses penyimpanan dokumen fizikal. Semakan Audit mendapati Pejabat Bendahari Negeri telah melaksanakan kerja mengekstrak dokumen yang dikehendaki secara mingguan dan bulanan. Satu Laporan mengenai dokumen yang diekstrak bagi tujuan penyesuaian dengan bilangan dokumen sebenar yang menjalani proses ekstrak oleh

DMS boleh dikeluarkan mengikut permintaan. Bagaimanapun, Pejabat Bendahari Negeri hanya dapat mengekstrak data dan maklumat berkenaan hanya setakat bulan Mei 2005 kerana kekurangan ruang di dalam server DMS. Selain itu, aplikasi DMS didapati boleh membuat carian terhadap dokumen seperti baucar bayaran, baucar jurnal, penyata pemungut, waran, resit, cek dan pemindahan antara bank mengikut maklumat tertentu dengan menggunakan *workspace* pada *Lotus Notes* di mana dokumen yang dikehendaki akan dipaparkan di skrin.

**c) Arkitektur Kerajaan Elektronik (EG-AG)**

Pembangunan SPEKS pada asalnya telah dirancang dan mengambil kira pelbagai ciri integrasi dengan aplikasi Kerajaan Elektronik seperti e-SPKB, Sistem Pemantauan Projek, Perolehan Elektronik dan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia. Bagaimanapun, integrasi ini masih tidak dapat dilaksanakan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SPEKS mendapati pihak JANM telah membuat permohonan kepada pihak Perbendaharaan Malaysia dan MAMPU supaya modul antara muka SPEKS dengan aplikasi Kerajaan Elektronik dikeluarkan daripada Senarai Kuantiti Perjanjian Kontrak SPEKS dengan Konsortium Jaya Sdn. Bhd. yang melibatkan JANM pada pertengahan tahun 2005. Permohonan ini tidak diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia dan keputusan permohonan daripada pihak MAMPU masih belum diketahui.

**d) Aplikasi Sistem Yang Telah Dibangunkan**

Sebelas modul aplikasi SPEKS telah dirancang untuk dibangunkan iaitu 2 modul Pentadbir yang terdiri daripada Sistem Kawalan Data dan Sistem Sekuriti Aplikasi dan 9 modul aplikasi yang lain. Semakan Audit mendapati sehingga akhir bulan Disember 2005 semua fungsi modul aplikasi SPEKS telah selesai dibangunkan mengikut 3 fasa dan dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Bagaimanapun, beberapa fungsi sub modul seperti modul Pinjaman Pelbagai, Terimaan Elektronik (E-Terimaan) dan Bayaran Pukal MAS masing-masing bagi Modul Lejar Akaun Subsidiari, PTJ Kewangan dan Lejar Am masih di peringkat pelaksanaan atas *change request* daripada lain-lain Negeri yang terlibat dan dijangka siap pada bulan Jun dan September 2006. Sub modul Pinjaman Pelbagai dan Bayaran Pukal MAS didapati masih di peringkat kelulusan dan penyediaan dokumen fungsi dan teknikal spesifikasi. Sub modul Terimaan Elektronik yang melibatkan pindahan maklumat *MEPS Cash* dan kad elektronik secara auto masih di peringkat perbincangan lanjut di antara pihak bank dan *vendor* perkakasan. Manakala maklum balas status pemindahan data bagi Sistem Pinjaman tahun 2004 masih belum diterima daripada pihak JANM dan Sistem Pelaburan masih di peringkat pembetulan. Butiran lanjut

mengenai aplikasi SPEKS yang telah dibangunkan dan dilaksanakan serta fungsi sistemnya adalah seperti di **Lampiran I**.

**Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan komponen SPEKS adalah memuaskan. Bagaimanapun, ciri integrasi dengan aplikasi Kerajaan Elektronik belum dapat dilaksanakan dan kekurangan ruang dalam server DMS perlu diberi perhatian.**

#### **5.2.5 Penambahaikan Aplikasi Sistem**

Semua Program dan Modul Aplikasi SPEKS akan diuji sehingga mencapai 100% penerimaan oleh JANM dan pengguna sebelum dilaksanakan di Pejabat Bendahari Negeri, PTJ dan Jabatan pengguna yang berkenaan. Semakan Audit mendapati segala perubahan, pembetulan dan penambahbaikan dibuat dari semasa ke semasa ke atas modul yang diuji. Setiap fungsi modul yang telah siap sentiasa dikaji, dibincang, diselesaikan masalahnya dan ditambahbaik oleh JANM, Bendahari Negeri dan Pembekal dari segi keberkesanan fungsi serta memenuhi keperluan pengguna. Penambahbaikan aplikasi SPEKS ini meliputi perkara berikut:

##### **a) Mesyuarat Pelaksanaan SPEKS**

Mesyuarat yang diadakan bagi tujuan perbincangan, penyelesaian masalah dan penambahbaikan ini termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal SPEKS, Mesyuarat Sesi *Walkthrough* dan Perbincangan Modul Belanjawan SPEKS, Mesyuarat Fungsional Pinjaman Pelbagai Modul Sistem Lejer Akaun Subsidiari dan Mesyuarat Kemajuan SPEKS Bersama Bendahari Negeri.

##### **b) Penambahbaikan Fungsi Modul Buku Vot**

Pada peringkat awal pelaksanaan Modul Buku Vot, beberapa Sub Modul seperti Bil Invois Dengan Pesanan Tempatan, Daftar Bayaran Dengan Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran didapati tidak berfungsi seperti dirancang. Semakan Audit mendapati masalah ini telah dapat diselesaikan oleh pihak Pembekal selepas beberapa penambahbaikan aplikasi SPEKS bagi Modul PTJ Kewangan dilakukan. Modul PTJ Kewangan merupakan modul yang dinaiktarafkan daripada Modul Buku Vot yang telah dipasang dan dilaksanakan mulai bulan Julai 2002. Modul ini yang dilaksanakan pada bulan November 2004 telah memperkenalkan 7 tambahan sub modul iaitu Terimaan Bayaran, Panjar Wang Runcit, Panjar Wang Runcit (Rekupmen), Panjar Wang Runcit (Pungutan Cek), Cek Ganti, Maklumat Asas Projek dan Maklumat Sewa Beli.

**c) Penambahbaikan Melalui *Change Request***

Bendahari Negeri telah mengemukakan keperluan cadangan penambahbaikan berkaitan konsep perakaunan dan kewangan yang dibina dalam aplikasi SPEKS selain yang diperincikan di dalam Spesifikasi Fungsi SPEKS. Penambahbaikannya telah dimasukkan melalui *change request* (CR) yang seterusnya dilaksanakan oleh Pembekal. Semakan Audit mendapati CR bagi pelaksanaan SPEKS *National Rollout* yang pertama dan sebahagian daripada senarai CR ke 2 hingga ke 4 telah siap dengan perbelanjaan berjumlah RM257,607 pada bulan Ogos 2005. Manakala CR untuk aplikasi SPEKS yang masih belum disempurnakan dan dipersetujui dibuat pada pertengahan tahun 2005 yang kedua adalah berjumlah RM118,581.

**d) Sistem Helpdesk SPEKS**

Selain itu, bagi memastikan semua masalah fungsi dan keperluan pengguna SPEKS dapat dilaporkan, diselesaikan dan ditambahbaik dengan sempurna, semakan Audit mendapati sistem *Helpdesk* SPEKS antara JANM dengan Pejabat Bendahari Negeri telah beroperasi mulai bulan Disember 2003. Mengikut Laporan Bilangan Masalah Mengikut Modul bagi tempoh bulan Disember 2003 sehingga pertengahan bulan Februari 2006, sebanyak 82 masalah pelaksanaan fungsi SPEKS dan keperluan pengguna melibatkan antaranya kesalahan pada bentuk dan laporan program Modul Lejar Am, Buku Vot/PTJ Kewangan dan Gaji telah dilaporkan dan sebanyak 72 masalah ini telah dapat diselesaikan. Manakala bagi masalah dan cadangan penambahbaikan di peringkat PTJ, laporan dibuat kepada PPSM di Pejabat Bendahari Negeri untuk penyelesaian olehnya atau melalui *Helpdesk* oleh JANM dan Pembekal.

**Pada pendapat Audit, usaha penambahbaikan aplikasi SPEKS yang diuruskan adalah memuaskan.**

**5.2.6 Kaedah Pelaksanaan**

Pelaksanaan SPEKS telah dirumuskan mengikut pelan pelaksanaan meliputi aktiviti pembangunan perakaunan, sistem, aplikasi SPEKS serta penyediaan panduan penggunanya.

**a) Pembangunan Perakaunan**

Dari aspek pembangunan perakaunan, semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pembangunan Perakaunan yang dipengerusikan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan dibantu oleh Pasukan Petugas telah mengkaji semula dan membincangkan prosedur kewangan, perakaunan dan persempahan penyata

kewangan Kerajaan Negeri yang standard dan seragam serta mengenal pasti dan menetapkan carta dan struktur kod akaun yang standard selaras dengan carta akaun Kerajaan Persekutuan. Ini termasuk struktur dan kod Jabatan/PTJ, program dan aktiviti, hasil, perbelanjaan dan akaun amanah yang seragam serta dasar dan piawaian perakaunan yang perlu diikuti.

**b) Pembangunan Sistem**

Aspek pembangunan sistem pula, semakan Audit mendapati perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Konsortium Jaya Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada akhir bulan Januari 2002 bagi Projek Perintis SPEKS yang melibatkan kos berjumlah RM10.57 juta. Pembekal dipertanggungjawabkan untuk membekal, menghantar dan memasang perkakasan komputer serta membangun, mengubahsuai, menguji, memberi latihan, melancar dan menyelenggara perisian komputer dan aplikasi SPEKS untuk Kerajaan Negeri Perlis dan Kedah mengikut keperluan spesifikasi fungsi, spesifikasi teknikal dan aliran proses yang ditetapkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu Dan Teknikal SPEKS. Perjanjian ini menetapkan kerja berkaitan SPEKS bermula pada awal bulan Ogos 2001 sehingga penyempurnaan perjanjian sepenuhnya oleh kedua pihak yang mana tamat tempoh pelaksanaannya telah dilanjutkan sehingga pada akhir bulan April 2005.

**Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati Pembekal telah melaksanakan dan menyelenggarakan projek SPEKS mengikut syarat perjanjian dari 2 aspek pembangunan perakaunan dan sistem serta pengubahsuai yang dipersetujui di antara JANM, Pejabat Bendahari Negeri dan Pembekal kecuali antara muka/integrasi SPEKS dengan aplikasi Kerajaan Elektronik.**

**5.2.7 Penyediaan Dan Kelulusan Spesifikasi Keperluan, Fungsi Dan Teknikal**

Dalam proses pembangunan aplikasi SPEKS, Pembekal dikehendaki dan perlu melaksanakannya mengikut proses yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati proses pembangunan oleh Pembekal telah merangkumi perkara dan kaedah berikut:

- a) Aliran proses dan spesifikasi keperluan sesuatu sistem telah dikenal pasti, dianalisis dan disediakan setelah menjalani sesi *walkthrough* terhadap cadangan sistem berkenaan dan mengadakan perbincangan, semakan serta pengesahan dan kelulusan Pasukan Petugas Aplikasi Sistem serta Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu SPEKS.
- b) Spesifikasi fungsi, teknikal, reka bentuk logikal dan teknikal sistem telah disediakan berdasarkan spesifikasi keperluan dan aliran proses yang dikenal pasti dan

dianalisis oleh Pembekal untuk dikemukakan kepada, disemak dan kelulusan oleh Pasukan Petugas dan Jawatankuasa SPEKS. Spesifikasi ini adalah untuk memenuhi keperluan fungsi sistem sesuatu modul SPEKS yang menerangkan fungsi skrin, navigasi menu, butiran prosesan sistem, skrin kemasukan ke dalam sistem, skrin pertanyaan, laporan yang dapat dijanakan dan fungsi lain yang dipersetujui dan ditetapkan.

- c) Sistem yang dibangunkan telah diuji oleh Pembekal dari segi fungsinya, pemindahan data disempurnakan, modul aplikasi dipasang, penerimaan JANM dan pengguna diuji, latihan teknikal diberi, larian simulasi dan selari sesuatu modul aplikasi SPEKS dijalankan sebelum pelaksanaannya secara *live run*.

Dokumentasi spesifikasi fungsi dan teknikal seperti disyaratkan dalam perjanjian telah dikemukakan oleh Pembekal kepada Pejabat Bendahari Negeri/JANM seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Spesifikasi Modul SPEKS Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2002**

Bil.	Dokumentasi SPEKS	Bulan Keluaran
1.	DCS Functional Specification & Technical Design Specification (Versi 3.0)	Mac
2.	Functional Requirements Specification (Versi 4.0) & Technical Requirements Specification (V 6.0) - Sistem Lejar Am	April
3.	Functional Requirements Specification (Versi 1.0) & Technical Design Specification (Versi 3.0)-SPEKS Application Security	Februari Mac
4.	Functional Requirements Specification & Technical Design Specification - Sistem Lejar Akaun Subsidiari	Julai September
5.	Functional Specification - Sistem Pinjaman (Versi 2.1)	September
6.	Functional Requirements Specification - Sistem Buku Vot	September
7.	Functional Specification - Sistem Belanjawan (Versi 3.1)	Oktober
8.	Functional Requirements Specification - Sistem Gaji (Versi 3 .0)	Julai

Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri

Semasa pengujian, cadangan dan komen penting oleh pengguna di Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ telah dikemukakan kepada Pembekal untuk diambil tindakan seperti pembetulan format cetakan, kesempurnaan fungsi dan pencapaian skrin, pindaan ke atas laporan sehingga mencapai status 100% penerimaan oleh pengguna. Selain itu, semakan Audit mendapat perbincangan dan mesyuarat telah diadakan dari semasa ke semasa antara JANM, Bendahari Negeri dan Pembekal untuk memastikan Modul Aplikasi SPEKS berfungsi sebagaimana ditetapkan.

### **5.2.8 Panduan Pengguna SPEKS**

Panduan Pengguna SPEKS telah disediakan dan dikemukakan kepada JANM/Pejabat Bendahari Negeri oleh Pembekal dan diedarkan untuk kegunaan Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ. Bagaimanapun, Panduan Pengguna bagi Sistem Pelaburan (Versi 2.0), Sistem Pengurusan Aset Dan Inventori (Versi 2.0) dan Sistem Lejar Akaun Subsidiari (Versi 1.0) yang dikeluarkan masih belum dibekalkan kepada Pejabat Bendahari Negeri untuk rujukan. Semakan Audit mendapati Panduan Pengguna kurang diberi perhatian dan dibuat rujukan sama ada oleh Pejabat Bendahari Negeri atau PTJ kerana sebarang masalah atau kemusyikilan operasi fungsi sistem SPEKS akan dirujuk kepada PPSM di Pejabat Bendahari Negeri atau JANM/Pembekal untuk penyelesaiannya.

**Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan yang diguna pakai adalah memuaskan. Bagaimanapun, Panduan Pengguna bagi 3 Modul SPEKS belum dibekalkan untuk rujukan.**

### **5.2.9 Pembekalan Peralatan Dan Perkakasan Komputer**

Semua Aplikasi SPEKS Pejabat Bendahari Negeri dijana oleh 3 server utama iaitu server program aplikasi, server pengkalan data dan server Sistem Pengurusan Dokumen (DMS). Server program aplikasi merupakan pengkalan data yang menyimpan antara muka SPEKS. Server pengkalan data pula adalah merupakan pengkalan data utama SPEKS yang menyimpan segala data dan maklumat berkaitan penggunaan SPEKS. Manakala server DMS digunakan untuk melaksanakan proses ekstrak terhadap data bulanan SPEKS. Semakan Audit mendapati semua server, perkakasan dan perisian komputer telah dibekal, dihantar dan dipasang oleh Pembekal di Pejabat Bendahari Negeri pada bulan Disember 2001 hingga Mac 2002. Semakan Audit juga mendapati semua lesen Microsoft *Microsoft XP* dan *Oracle* tanpa had untuk pengguna sistem SPEKS telah diperolehi pada bulan November 2002 dan Februari 2004. Bagi meningkatkan lagi kapasiti cakera keras server SPEKS, perolehan penambahan saiz cakera keras berkapasiti 36GB telah selesai dilakukan oleh JANM dan siap dipasang pada akhir bulan Februari 2006. Kapasiti saiz cakera keras setakat ini adalah mencukupi bagi tempoh 5 tahun kerana purata penggunaannya dijangka hanya 20% setahun mengikut laporan penggunaan cakera keras Pejabat Bendahari Negeri. **Foto 1** menunjukkan keadaan fizikal perkakasan dan perisian komputer yang telah dibekal dan dipasang di bilik server Pejabat Bendahari Negeri.

**Foto 1**  
**Server Telah Dipasang Di Bilik Server**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 3 April 2006  
Lokasi : Pejabat Bendahari Negeri Perlis

Semakan Audit mendapati *Web Server* dan *Mail/Exchange Server* yang dipasang tidak digunakan sebagai medium untuk melancarkan laman web Perbendaharaan Negeri secara talian terus ke internet, storan untuk menyimpan data laman web berkenaan dan pengantara untuk kegunaan e-mel Jabatan (*intranet*) sejak peringkat awal pelaksanaan SPEKS.

Di peringkat PTJ pula, sebanyak 52 buah komputer dan 21 pencetak telah dibekalkan kepada semua 18 PTJ (termasuk 12 komputer untuk Pejabat Bendahari Negeri) dan dipasang semasa peringkat awal pelaksanaan projek pada bulan Disember 2001. Sehingga akhir bulan Disember 2005, sebanyak 80 buah komputer iaitu tambahan sebanyak 28 buah komputer telah dibekalkan untuk kegunaan Bahagian/Unit Bayaran, Terimaan dan Gaji di 18 PTJ berkenaan yang melibatkan 282 pengguna SPEKS. Pejabat Bendahari Negeri selanjutnya telah memohon tambahan bekalan 35 buah komputer bernilai RM175,000 dan 34 buah pencetak bernilai RM61,200 pada bulan Disember 2005. Pembekalan komputer dan pencetak baru untuk kegunaan beberapa PTJ dan pelbagai latihan berkaitan SPEKS. Peruntukan pembelian tambahan perkakasan ini telah diluluskan dan diberikan oleh JANM dalam bentuk geran pelaksanaan SPEKS kepada Kerajaan Negeri pada bulan Disember 2005.

**Pada pendapat Audit, peralatan dan perkakasan komputer yang dibekal dan dipasang adalah memuaskan. Bagaimanapun, Web Server dan Mail/Exchange Server didapati tidak berfungsi sejak pemasangan awalnya di Pejabat Bendahari Negeri.**

#### **5.2.10 Modul Aplikasi SPEKS Yang Telah Selesai Dilaksanakan**

Semakan Audit mendapati pihak Pembekal telah siap memasang sebanyak 11 modul aplikasi SPEKS. Bagi tujuan pengauditan, pihak audit telah memilih 4 modul aplikasi SPEKS yang utama iaitu Sistem Lejar Am dan Sistem Maklumat Pengurusan (MIS) yang dikendalikan oleh Pejabat Bendahari Negeri serta Sistem PTJ Kewangan dan Sistem Pengurusan Aset yang dikendalikan oleh 3 PTJ terpilih. Semakan Audit terhadap kebolehan dan pengoperasian fungsional sistem berkenaan mengikut spesifikasi fungsi yang ditetapkan adalah seperti berikut:

##### **a) Sistem Lejar Am**


Sistem Lejar Am dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Negeri untuk menyenggara transaksi lejar am bagi akaun vot, amanah, hasil serta akaun buku tunai. Sistem ini mempunyai proses antara muka elektronik untuk membuat semakan dan meluluskan dokumen baucar bayaran, penyata pemungut dan baucar jurnal daripada Sistem PTJ Kewangan dan waran peruntukan daripada Sistem Belanjawan. Menu utama sistem meliputi skrin kemasukan, pertanyaan, laporan, penyesuaian bank, pukal dan E-Syariah. Skrin kemasukan telah digunakan untuk melakukan kemasukan, semakan dan meluluskan 14 fungsi sistem sementara skrin pertanyaan digunakan untuk membuat 18 pertanyaan termasuk mengenai baucar, penyata pemungut, perbelanjaan mengurus dan pembangunan, akaun amanah dan hasil, status dokumen, cek, kedudukan tunai di bank dan imbalan duga bulanan seperti di **Rajah 1 dan 2**.

**Rajah 1**  
**Skrin Kemasukan Kepada Menu Utama Sistem Lejar Am**



Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri

**Rajah 2**  
**Skrin Pertanyaan Menu Utama Sistem Lejar Am**



Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri

Skrin laporan didapati telah digunakan untuk menjana laporan harian, Electronic Fund Transfer (EFT), Daftar Cek Terbatal dan penyata kewangan tahunan. Semakan mendapati 15 laporan harian dapat dijanakan termasuk ringkasan dan cetakan baukar, senarai cek, buku tuna/imbangan duga harian serta 13 jenis laporan penyesuaian bank dan urus niaga akaun bank. Fungsi laporan (bulanan) penyata kewangan telah digunakan bagi menyediakan Lembaran Imbangan dan

27 jenis penyata sokongan kepada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri manakala fungsi laporan tahunan adalah untuk membawa baki tahun lepas ke tahun hadapan. Selain itu, skrin penyesuaian bank pula telah digunakan untuk memulakan dan mengakhiri proses/tempoh penyesuaian bank, kemasukan penyata bank, menggugurkan rekod penyesuaian bank secara manual dan membatalkan cek luput secara automatik.

Skrin Pukal adalah untuk fungsi penyenggaraan agensi dan akaun pukal serta prosesan baucar jurnal dan bayaran bagi menyelesaikan bayaran bil elektrik dan telekom secara pukal. Bagaimanapun, fungsi skrin pukal ini telah diberhentikan pelaksanaannya pada akhir tahun 2004 kerana amaun baucar/cek bayaran pukal yang dijanakan merupakan satu angka jumlah besar meliputi semua PTJ dan tidak dapat diproses berasingan mengikut PTJ yang berkenaan. **Ini menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi peruntukan yang diluluskan dan masalah aliran tunai Kerajaan Negeri.** Manakala skrin E-Syariah bermaksud untuk menjanakan laporan E-Syariah Pemungut, Bil dan Jurnal serta fungsi kemas kini muat naik data E-Syariah. Fungsi E-Syariah ini didapati juga tidak dapat dilaksanakan kerana antara muka fungsi E-Syariah SPEKS dan aplikasi E-Syariah yang dibangunkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia belum dapat disempurnakan lagi untuk menjanakan resit secara automatik. Sementara fungsi pemindahan wang secara elektronik (Electronic Fund Transfer) bagi Sistem Lejar Am didapati hanya dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari Negeri secara percubaan di mana 3 kes transaksi sahaja di buat pada tahun 2005. Fungsi EFT ini belum dapat berfungsi sepenuhnya kerana peralatan seperti talian internet yang berupaya melaksanakan EFT belum diterima daripada pihak bank berkenaan.

Sebelum pembayaran dapat dilakukan terhadap baucar bayaran yang disediakan oleh Jabatan/Pusat Tanggungjawab, proses semakan dan kelulusan dilakukan di Pejabat Bendahari Negeri untuk mengesahkan ketepatan butir-butir dalam baucar bayaran. Semakan Audit mendapati 3 orang Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17 di Pejabat Bendahari Negeri telah ditugaskan untuk menyemak dan memastikan catatan dalam semua medan yang ditetapkan pada skrin semakan baucar dilengkapkan dengan teratur serta senarai semak dokumen sokongan mengikut jenis bayaran telah lengkap ditandakan pada skrin semakan. Pembatalan baucar dilakukan selepas kuiri dibuat terhadap baucar yang mengandungi kesalahan kod jenis urus niaga, nombor kad pengenalan dan kenyataan bayaran yang tidak lengkap atau betul. Proses kelulusan baucar PTJ juga dilakukan oleh Penolong Akauntan Gred W27, Pembantu Tadbir Kewangan Gred W22 dan

Bendahari Negeri mengikut prosedur yang sama di skrin dokumen belum dilulus dan amaun bayaran berkenaan sebelum cek dicetak. Baucar yang memerlukan kelulusan khas dan perbelanjaan emolumen melebihi peruntukan hanya boleh diluluskan oleh Bendahari Negeri sahaja.


Bagi proses semakan salinan asal baucar jurnal dan penyata pemungut bank yang dikemukakan oleh PTJ atau melalui bank, semakan Audit mendapati semakan dan kelulusan telah dilakukan oleh 2 orang Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17, Penolong Akauntan Gred W27 atau Bendahari Negeri melalui menu skrin semakan pada Sistem Lejar Am.

**b) Sistem Maklumat Pengurusan**

Sistem Maklumat Pengurusan (MIS) dilaksanakan mulai pada bulan Julai 2005 bagi membolehkan Pegawai dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri serta Bendahari Negeri menggunakan maklumat sedia ada di dalam pengkalan data SPEKS secara meluas, memproses data daripada pelbagai modul aplikasi SPEKS yang lain bagi memperoleh maklumat yang lebih bersepadan serta menyediakan laporan mengikut format SPEKS yang ditetapkan atau kehendak pengguna. Menu utama Sistem ini meliputi skrin analisis kewangan, analisis unjuran, analisis operasi SPEKS dan laporan penyata kewangan. Skrin analisis kewangan SPEKS didapati digunakan untuk menjana Imbangan Duga dan 27 laporan lain termasuk laporan aliran wang tunai negeri, Kumpulan Wang tertentu, hasil dan perbelanjaan serta analisis pinjaman dan lejar subsidiari.

Skrin unjuran SPEKS adalah untuk tujuan pelaporan analisis kenaikan gaji dan pembayaran bonus/gaji/elaun dan perjawatan negeri mengikut skim. Bagaimanapun, fungsi skrin ini belum lagi digunakan oleh Pejabat Bendahari Negeri. Skrin analisis operasi SPEKS pula digunakan untuk pelaporan daftar bayaran lewat, prestasi baucar bayaran dan pungutan atau terimaan. Manakala skrin laporan penyata kewangan seperti di **Rajah 3** telah digunakan untuk menjana Lembaran Imbangan serta 21 penyata sokongan lain kepada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mengikut kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 mengenai persembahan Penyata Kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005.

**Rajah 3**  
**Skrin Sistem Maklumat Pengurusan SPEKS**



*Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri*

Modul Aplikasi MIS yang di bina dalam SPEKS membolehkan pengguna menyediakan pelbagai laporan mengikut keperluan masing-masing. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati modul ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna terutamanya pihak pengurusan atasan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem pelaporan dan analisis kewangan Kerajaan Negeri. Matlamat Kerajaan Negeri mengadakan Pusat Sumber Maklumat Kewangan adalah supaya apa juga maklumat kewangan yang diperlukan dapat disediakan dan dirujuk dengan mudah serta diambil keputusan tepat pada masanya.

### c) Sistem PTJ Kewangan

Sistem PTJ Kewangan telah dilaksanakan di semua 18 PTJ mulai pada bulan November 2004 selepas dibuat tambahan sub modul/fungsi baru bagi mengganti dan menambah fungsi Sistem Buku Vot yang dilaksanakan pada bulan Julai 2002. Sistem Buku Vot dibangunkan pada asalnya untuk memproses dokumen iaitu menyelenggarakan maklumat dan transaksi Buku Vot meliputi bayaran/daftar kontrak, nota minta, pesanan tempatan, invois, baucar bayaran, baucar jurnal dan penyata pemungut. Selain daripada fungsi utama dalam Sistem Buku Vot, Sistem PTJ Kewangan membolehkan gabungan lebih daripada satu nota minta/invois untuk satu pesanan tempatan/baucar bayaran bagi pembekal yang sama, peningkatan bayaran kontrak dengan memasukkan arahan pindaan kerja, proses

penjana resit rasmi serta skrin kemasukan penyata pemungut untuk mengunci masuk terimaan daripada sistem lain dan skrin panjar wang runcit.

Semakan Audit mendapati menu utama Sistem PTJ Kewangan meliputi skrin kemasukan, pertanyaan, proses, laporan dan laporan lejar am. Skrin kemasukan membolehkan pengguna PTJ melakukan proses kemasukan, pertanyaan, pindaan, pembatalan, penghapusan, semakan, meluluskan, penyimpanan dan cetakan rekod, dokumen dan laporan terhadap 19 fungsi Sistem berkenaan. Semakan Audit mendapati fungsi sistem yang digunakan di Jabatan Pengairan Dan Saliran, Mahkamah Syariah dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa adalah mengikut keperluan masing-masing. Fungsi ini termasuk penyelenggaraan maklumat dan transaksi melibatkan nota minta, pesanan tempatan, daftar/bayaran kontrak, bil/invois, baucar bayaran/jurnal, penyata pemungut dan panjar wang runcit seperti contoh dokumen baucar bayaran di **Rajah 4**.

**Rajah 4**  
**Dokumen Baucar Bayaran Yang Dijanakan Oleh Sistem PTJ Kewangan**

The screenshot shows a Windows application window titled "PTJ Kewangan - Baucar Bayaran". At the top, there is a menu bar with items: Pertanyaan, Edit, Simpan, Batal, Info, Semak, Lulus, Cetak, Kosongkan, and Keluar. The date "14/03/200" is displayed at the top right. Below the menu, the title "KERAJAAN NEGERI PERLIS" and "Baucar Bayaran" are centered. The main form is divided into several sections:

- Tahun Kewangan:** Fields for Jenis (with options +AP96[a], +APS8[a], and No Baucar), Tarikh Baucar, and a dropdown for PERHAL CEK/EFT (Berganda (Bil. Cek) and Kod Pindah Catat).
- Bentuk Bayaran:** Options 1 - Cek, 3 - EFT, 4 - Bank Derat/TT, and a dropdown for Kod Bank AN/BN.
- PERHAL CEK BERGANDA:** Fields for Nama Penerima/Syarikat, No. KP/No. Daftar Syarikat, No. Akaun Bank, Kod Bank Penerima Bayaran, Nama/Alamat Bank, Alamat Penerima, and Perihal.
- PERBELANJAAN DIMASUKIRA KE DALAM AKAUN - AKAUN BAWAH:** A table with columns: Bil, Vot, Jab, PTJ/PK, Prog./Aktiviti, Amanah, Projek, Setia, CP, Objek, Amaun, and Kod Kegunaan Pejabat. It includes a "Jumlah" row and a "Invois" button.

*Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri*


Semakan Audit mendapati Skrin laporan pada Sistem ini telah membolehkan 3 PTJ berkenaan menjanakan purata 42 laporan sama ada dipaparkan di skrin untuk tindakan selanjutnya atau dicetak dan disimpan sebagai rekod. Laporan ini meliputi laporan edit, daftar bil/invois, laporan baucar bayaran/jurnal dan penyata pemungut yang telah disediakan, laporan harian buku vot, laporan bulanan penyesuaian perbelanjaan vot/mengurus/pembangunan, laporan kutipan harian, laporan penyata

bayaran panjar wang runcit, buku tunai cerakinan, daftar cek tidak laku, laporan akaun amanah/hasil, penyata baki individu/lejar akaun deposit dan laporan buku tunai panjar wang runcit. Manakala Skrin Laporan Lejar Am pula membolehkan PTJ menjanakan laporan antara muka Sistem PTJ Kewangan dengan Sistem Lejar Am termasuk Laporan Urus Niaga Akaun Perbelanjaan Vot (L201), Akaun Hasil (L300) dan Akaun Amanah (L400).

**d) Sistem Pengurusan Aset**

Sistem Pengurusan Aset telah dilaksanakan di PTJ mulai pada bulan Julai 2004 yang melibatkan menu proses kemasukan, pengiraan susut nilai dan generasi rekod aset/inventori, pertanyaan dan pelaporan. Sistem ini bertujuan menyimpan, memproses dan menyelenggara maklumat 16 jenis kategori aset dan inventori yang baru dibeli serta aset sedia ada. Sistem ini mengandungi menu seperti menu kategori/lokasi aset, maklumat aset, penyerahan dan pengawasan aset serta penyelenggaraan inventori. Menu Utama Sistem Pengurusan Aset adalah seperti di **Rajah 5.**

**Rajah 5**  
**Menu Utama Proses Kemasukan Sistem Pengurusan Aset**



*Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri*

Lawatan Audit pada bulan Mac 2006 ke Pejabat Bendahari serta PTJ yang terpilih iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Mahkamah Syariah dan Jabatan Perancang Dan Bandar mendapati kerja mengemas kini rekod inventori dan aset yang diperolehi pada tahun 2004 ke Sistem Pengurusan Aset SPEKS sedang

dilaksanakan. Semakan audit mendapati Pejabat/Jabatan berkenaan telah mempunyai maklumat perolehan aset pada tahun 2005 dalam Sistem PTJ Kewangan. Bagaimanapun, maklumat inventori dan aset berkenaan belum boleh dipindahkan daripada Sistem PTJ Kewangan ke Sistem pengurusan Aset. Ini disebabkan menu proses Sistem ini yang berintegrasi dengan Sistem PTJ Kewangan masih belum berfungsi dengan sempurna. Selain itu, sistem ini yang membolehkan PTJ membuat pengiraan susut nilai aset secara garis lurus bagi 16 kategori aset/inventori berdasarkan penetapan jangka hayat dan kadar susut nilainya yang ditetapkan antara 5 hingga 50 tahun dan 2% hingga 20% didapati masih belum lagi dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, Inventori peralatan pejabat yang luak tidak dikenakan susut nilai kerana jangka hayatnya kurang daripada setahun.

Fungsi skrin laporan pula membolehkan PTJ menjanakan Daftar Harta Modal (Kew. 312), Daftar Inventori (Kew. 313), Daftar Stok Bekalan Pejabat (Kew. 314), Daftar Keluar Masuk Inventori (Kew. 314A) serta Daftar Pergerakan Harta Modal Dan Inventori (Kew. 315) yang sebelum ini dikehendaki diselenggarakan secara manual. Semakan Audit mendapati semua salinan Daftar berkenaan belum lagi dijanakan kerana proses pendaftaran maklumat perolehan aset/inventori masih belum diselesaikan oleh Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ berkenaan.

**Pada pendapat Audit, prestasi aplikasi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, tahap penggunaan aplikasi dan fungsi sebahagian sistem boleh dipertingkatkan lagi.**

#### **5.2.11 Prestasi Perbelanjaan Projek Dan Khidmat Sokongan Produk SPEKS**

Semakan Audit mendapati Perbadanan Malaysia telah membiayai perbelanjaan keseluruhan projek SPEKS Negeri Perlis meliputi kos semua perkakasan, peralatan dan perisian yang telah dibekal, dihantar, dipasang dan diakui terima oleh Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ serta aplikasi sistem yang telah dibangunkan. Mengikut maklumat perbelanjaan yang dikemukakan oleh JANM, kos projek SPEKS Perintis bagi Negeri Kedah dan Perlis berjumlah RM10.57 juta di mana sejumlah RM10.46 juta telah dibayar kepada Pembekal setakat akhir tahun 2005. Perbelanjaan kos Projek SPEKS untuk Negeri Perlis sehingga akhir tahun 2005 adalah berjumlah RM5.84 juta. Jumlah ini termasuk bayaran kerja penyenggaraan SPEKS dan pemberian geran untuk membiayai aktiviti pelaksanaan SPEKS kepada Kerajaan Negeri masing-masing sejumlah RM0.42 juta dan RM0.78 juta. Manakala kos pemasangan talian ISDN di semua PTJ dan bayaran perkhidmatan ISDN tahun 2002 dan 2003, pembelian

komputer dan pencetak tambahan pada tahun 2003, perbelanjaan mengadakan kursus/taklimat/latihan SPEKS yang berjumlah RM0.42 juta pada tahun 2002 hingga 2005 didapati juga dibiayai oleh Perbendaharaan Malaysia melalui peruntukan perbelanjaan yang diberi kepada Pejabat Bendahari Negeri oleh JANM.

Selain itu, Perbendaharaan Malaysia telah juga membiayai kos perolehan khidmat sokongan produk perisian SPEKS sejak permulaan projek sehingga tamat tempoh jaminannya pada bulan Oktober 2003 dan termasuk tahun pertama selepas tempoh jaminan berkenaan serta tahun 2005 dan 2006. Satu perjanjian kontrak bagi maksud ini yang melibatkan 11 negeri *national rollout* untuk tempoh mulai pada awal bulan November 2004 hingga akhir bulan Oktober 2006 telah ditandatangani di antara pihak Kerajaan Malaysia dengan Pembekal pada akhir bulan November 2005. Kos khidmat sokongan ini yang melibatkan Projek SPEKS Negeri Perlis adalah berjumlah RM0.31 juta. Ia meliputi akses kepada *Oracle Update Release/Patches* dan versinya yang terbaru serta bantuan dan khidmat sokongan teknikal untuk semua produk *Oracle* dan *FormTrap* yang melibatkan *Oracle 9i Database* dan *Application Server*, *Domino Enterprise/Doc.Team Server* dan *FormTrap*. Penyenggaraan yang konsisten dan mantap serta berterusan amat diperlukan untuk memastikan semua perkakasan, perisian dan aplikasi SPEKS beroperasi dengan sempurna kerana sistem SPEKS adalah sistem kewangan yang amat kritikal untuk Kerajaan Negeri Perlis.

**Pada pendapat Audit, pembiayaan kos pelaksanaan dan penyenggaraan SPEKS adalah memuaskan.**

#### **5.2.12 Guna Tenaga Dan Latihan**

Pelaksanaan, pentadbiran dan penyelarasan sistem SPEKS serta penggunaan aplikasinya telah dikendalikan oleh Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ masing-masing. Latihan dan kursus SPEKS telah juga diadakan. Selain itu, sokongan teknikal turut diberi oleh Pejabat Bendahari Negeri dan pihak Pembekal.

##### **a) Keperluan Guna Tenaga**

Pejabat Bendahari Negeri merupakan pelaksana dan pentadbir SPEKS di Negeri Perlis. Semakan Audit mendapati Bendahari Negeri serta Penolong Pegawai Sistem Maklumat (PPSM) bertindak menyelaras dan memastikan pelaksanaan SPEKS dijalankan dengan sempurna serta berurusan dengan Pembekal dan JANM bagi menentukan kelancaran operasi sistem ini. Manakala di peringkat PTJ, pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan kewangan dan pentadbiran yang sedia ada telah juga dipertanggungjawabkan sebagai pegawai

yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan dan ditugaskan oleh mengunci masuk, menyemak dan meluluskan sesuatu transaksi dan disimpan ke dalam sistem.

Semakan Audit mendapati selain sebagai penyelaras dan pentadbir sistem SPEKS, PPSM turut terlibat dengan pengendalian dan penyenggaraan rangkaian sistem kepada 18 PTJ bagi memastikan pelancaran rangkaianya, membantu menyelesaikan masalah teknikal pelaksanaan SPEKS yang dilaporkan oleh semua PTJ dan penyediaan Buku Bajet tahunan serta Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dengan menggunakan Sistem Belanjawan, Sistem Lejar Am dan Sistem Pengurusan Maklumat (MIS). PPSM juga dikehendaki membaik pulih/menunggu di Pejabat semasa server mengalami kerosakan sehingga ia siap diperbaiki, menghadiri pelbagai mesyuarat teknikal, kursus dan latihan SPEKS, menjadualkan cutinya agar sistem dan rangkaian berjalan lancar serta menjalankan tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. Ini adalah berlainan dengan pengurusan di 9 buah negeri lain yang melaksanakan projek SPEKS secara *national rollout* dan Negeri Kedah sebagai salah sebuah negeri perintis yang mana sistem SPEKS bagi 7 buah negeri ditadbir oleh Pegawai Sistem Maklumat (PSM) Gred F41 bersama PPSM dan 3 buah negeri lain oleh 3 atau 4 orang PSM dan PPSM. Di samping itu, perkakasan *Firewall* dan rangkaian sistem bagi 10 buah negeri berkenaan didapati telah diurus oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat atau Unit Komputer, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing berbeza dengan amalan di Negeri Perlis yang dikendalikan/dikawal selia oleh PPSM di Pejabat Bendahari Negeri. Memandangkan beban tugas dan tanggungjawab PPSM Negeri Perlis yang begitu berat maka Kerajaan Negeri perlu mewujudkan jawatan PSM Gred F41 bagi meningkatkan keberkesanan SPEKS.

Selain itu, hasil daripada Penilaian Sekuriti *Posture* yang dilaksanakan oleh Syarikat Nisa Advanced Solutions Sdn. Bhd. pada pertengahan tahun 2005 atas cadangan MAMPU dan dilantik oleh Kerajaan Negeri, cadangan penambahan bilangan kakitangan teknikal yang mengendalikan SPEKS di Pejabat Bendahari Negeri telah dikemukakan. Ini adalah untuk memudahkan pembahagian tugas yang lebih sistematik dan peningkatan pemantauan dari segi keselamatan sistem rangkaian serta peningkatan taraf keselamatan sistem dan rangkaian komputer SPEKS secara keseluruhannya. **Semakan Audit mendapati Pihak Berkuasa Negeri masih belum mengambil tindakan susulan terhadap cadangan tersebut.**

**b) Latihan Dan Kursus**

Bagi memastikan SPEKS dilaksanakan dan berjalan dengan memuaskan, latihan untuk pentadbir dan pengguna setiap modul aplikasi SPEKS telah diatur oleh JANM dan Pembekal. Dalam tempoh pelaksanaan SPEKS, semakan Audit mendapati Pembekal bersama pegawai JANM telah memberikan latihan dan kursus kepada kakitangan dan pegawai Pejabat Bendahari Negeri dan 18 PTJ mengikut peringkat kemajuan pelaksanaannya. Selain itu, Pejabat Bendahari Negeri juga telah memberi taklimat dan latihan mengenai sistem dan pengoperasian SPEKS kepada semua pengguna PTJ. Butiran lanjut mengenai sesi latihan, kursus dan taklimat yang telah diberikan dari awal tahun 2002 sehingga akhir tahun 2005 adalah seperti di **Lampiran II**.

**c) Sokongan Teknikal**

Bagi memberi sokongan teknikal dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pentadbir dan pengguna di Pejabat Bendahari Negeri dan di PTJ, pihak Pembekal telah menempatkan seorang wakil teknikalnya di Pejabat Bendahari Negeri sejak peringkat awal pelaksanaan SPEKS sehingga akhir bulan Jun 2005 dengan perlanjutan selama 2 bulan setelah tempoh perjanjian Projek SPEKS tamat pada akhir bulan April 2005. Selain itu, PPSM dan 2 orang Pembantu Akauntan lantikan oleh JANM yang ditempatkan di Pejabat Bendahari Negeri turut membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan SPEKS yang dihadapi oleh PTJ, memberi sokongan teknikal dalam penyelenggaraan sistem aplikasi dan mengemaskinikan versi aplikasi sistem yang baru dari semasa ke semasa.

**Pada pendapat Audit, latihan dan kursus serta khidmat sokongan teknikal yang diberi adalah memuaskan.**

**5.2.13 Pengendalian Sistem**

Bagi memastikan sistem *backup*, kawalan capaian sistem dan pengurusan dokumen sokongan SPEKS dikendalikan seperti dirancang, Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ telah melaksanakan seperti berikut:

**a) Sistem Backup**

Bagi menjamin keupayaan sesuatu sistem melaksanakan pemprosesan dapat diteruskan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini kepada aset komputer dan persekitarannya, *backup* bagi data dan program aplikasi serta prosedur menghadapi kecurian, kehilangan, kerosakan yang disengajakan atau sebaliknya perlu ditetapkan. *Backup* bagi data adalah penting kerana data kewangan di dalam

sistem ini adalah sangat perlu untuk meneruskan pemprosesan jika berlaku gangguan di bilik server. Manakala *backup* bagi program aplikasi bukanlah keutamaan kerana sistem ini berasaskan web. Pelan atau prosedur luar jangka bagi menghadapi sebarang kemungkinan kerosakan pada data juga harus dibuat secara rasmi yang mana setiap pegawai dapat mengetahui peranan bagi membolehkan pemulihan berjalan lancar.

Semakan Audit di Pejabat Bendahari Negeri pada bulan Mac 2006 mendapati *backup* data dibuat secara harian, mingguan dan bulanan. *Backup* berkenaan disimpan di bangunan yang berasingan iaitu di bilik kebal Pejabat Bendahari Negeri dan di Pejabat Cawangan Akauntan Negara Perlis. Walaupun pelan luar jangka yang rasmi tidak disediakan bagi pemulihan data, kemudahan *generator* telah disediakan di Pejabat Bendahari Negeri untuk tujuan ini.

**b) Kawalan Capaian Sistem**

Kawalan capaian sistem adalah langkah dan tatacara yang sistematik dalam organisasi dan dalam produk aplikasi yang diguna pakai bagi mengawal sumber komputer iaitu data, program dan terminal daripada berlaku pencerobohan. Kelemahan kawalan ini akan mengakibatkan sistem boleh diakses tanpa kebenaran dan pindaan dibuat tanpa kelulusan. Semakan Audit terhadap kawalan capaian sistem bagi pencegahan pencerobohan dan pengesahan pencerobohan adalah seperti berikut:

**i) Kawalan Capaian Sistem Bagi Pencegahan Pencerobahan**

Kawalan pencegahan bagi melindungi sesuatu sistem perlu mempunyai kawalan seperti kawalan pengenalan pengguna dan pengesahan, perlindungan sumber dan beberapa jenis kawalan tambahan. Bagi melindungi sumber dan data SPEKS daripada dicapai oleh pengguna yang tidak dibenarkan, pengguna sistem aplikasi perlu dikawal melalui pengenalan pengguna dan kata laluan. Semakan Audit mendapati Pejabat Bendahari Negeri sebagai pentadbir sistem mempunyai prosedur kawalan capaian sistem. Contohnya setiap pemohon pewujudan kod akses pengguna dikehendaki mengisi borang permohonan khas untuk mengemukakan kepada pejabatnya bagi tujuan kelulusan. Semua kod akses pengguna dan kata laluan yang diwujudkan didapati dikawal dengan ketat serta di semak dan diluluskan oleh PPSM dan Bendahari Negeri. Kod Akses ini telah dikeluarkan kepada pegawai yang terlibat dalam pengoperasian aplikasi SPEKS sahaja. Kelulusan ini adalah mengikut had capaian menu dalam sistem, jenis dokumen, skop tugas dan medan fungsi tertentu yang

dipertanggungjawabkan dan dibenarkan sahaja tertakluk kepada kuasa yang diberi kepadanya berdasarkan jawatan yang dipegang oleh pegawai berkenaan. Bagaimanapun, perwujudan pengenalan pengguna telah menggunakan nama pengguna sama ada nama pertama ataupun ringkasan nama pengguna tersebut yang unik. Pewujudan nama baru bagi kali yang kedua adalah tidak dibenarkan oleh sistem. Pewujudan pengenalan pengguna didapati tidak berpandukan kepada satu prosedur yang rasmi dan seragam bagi menjaga keselamatannya.

Semakan Audit mendapati setiap pengguna boleh mengakses SPEKS dengan menggunakan kata laluan sebagai pengesahan kepada identiti penggunanya. Bagaimanapun, SPEKS dibangunkan dengan tidak mengambil kira kawalan pembentukan kata laluan. Ini termasuklah kawalan komposisi dan kombinasi kata laluan serta had minimum sesuatu kata laluan. Dalam hal ini, para pengguna boleh mewujudkan kata laluan semimum yang mungkin. Temu bual dengan pegawai yang mengendalikan SPEKS di PTJ terpilih untuk pengauditan mendapati kata laluannya menggunakan singkatan nama pegawai berkenaan. Ini adalah merupakan kelemahan kepada kawalan kata laluan kerana ia memudahkan penceroboh untuk meneka kata laluan tersebut. Selain itu, sistem ini tidak dibangunkan dengan kawalan bagi mewajibkan penukaran kata laluan melalui cara menghalang pengguna daripada mencapai sistem sekiranya pengguna tidak menukar kata laluan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, *firewall* telah digunakan dan diletakkan dalam bilik server di Pejabat Bendahari Negeri bagi mengelakkan akses yang tidak dibenarkan.

Semakan Audit di Pejabat Mahkamah Syariah Negeri dengan menemu bual pegawai terlibat dan semakan borang kelulusan mewujudkan kod pengguna/kata laluan mendapati prosedur yang ditetapkan ini telah dipatuhi dengan sewajarnya. Bagaimanapun, penukaran kata laluan SPEKS telah dilaksanakan dengan bantuan pegawai lain dan tidak dirahsiakan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kes penyalahgunaan atau penyelewengan yang tidak diingini. Sementara bagi kes pembatalan kod akses pengguna, surat arahan pembatalan didapati tidak dikemukakan untuk makluman dan tindakan Pejabat Bendahari Negeri. Mengikut peraturan yang ditetapkan, kata laluan seharusnya ditukar 3 bulan sekali atau sekerap mungkin bagi tujuan keselamatan. Bagaimanapun, kekerapan penukaran kata laluan tidak dapat dipastikan kerana rekod mengenainya tidak diselenggarakan.

Semakan Audit juga mendapati sistem kawalan *Automatic Terminal Time Out* tidak disediakan dalam SPEKS bagi memastikan sistemnya selamat dan terkawal.

**ii) Kawalan Pengesahan Pencerobohan**

Kawalan pengesahan percubaan menceroboh dan aktiviti pengguna yang tidak dibenarkan biasanya dilakukan melalui cara menjelaki kronologi aktiviti yang telah dilakukan melalui Log Audit. Sistem yang baik seharusnya memiliki 2 Log Audit iaitu Log Audit Sekuriti dan Log Audit Transaksi. Semakan Audit mendapati SPEKS tidak mempunyai Log Audit Sekuriti bagi merekod pelbagai maklumat aktiviti pengguna. Contohnya, kegagalan mengakses yang dibuat terhadap fail terkawal serta penggunaan utiliti sistem dan aplikasi umpamanya aplikasi mana yang diguna, bila dan oleh siapa. Keadaan ini boleh menyebabkan pendaftar gagal mengesan segala aktiviti pengguna atau penceroboh di dalam sistem komputer. SPEKS juga didapati tidak mempunyai Log Audit Transaksi yang berfungsi merekodkan transaksi yang diproses dalam Sistem. Keadaan ini juga menyukarkan sistem mengesan semula pemprosesan transaksi yang telah dilakukan oleh Sistem.

**c) Pengurusan Dokumen Sokongan SPEKS**

Selaras dengan pelaksanaan SPEKS, prosesan bajet, terimaan, bayaran, gaji telah dilakukan di peringkat PTJ. Dokumen kewangan dan laporan yang dikehendaki didapati telah dicetak daripada Sistem, diambil tindakan menyemak, pengesahan, difailkan dan disimpan bersama dokumen sokongannya di tempat yang selamat dengan kemas dan teratur untuk tujuan pengauditan dan naziran. Pemusnahan boleh dibuat apabila sampai had minimum tempoh penyimpanannya. Semakan Audit mendapati Pejabat Bendahari Negeri tidak lagi menerima dan menyimpan baucar bayaran serta dokumen sokongannya daripada PTJ dan hanya menerima melalui talian mulai bulan Oktober 2002.

**Pada pendapat Audit, pengendalian sistem *backup*, kawalan capaian sistem dan dokumen sokongan SPEKS adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan kawalan capaian sistem yang perlu diberi perhatian.**

**5.2.14 Peningkatan Keupayaan Dan Pertambahan Perkakasan SPEKS**

Bagi memastikan sistem SPEKS berjalan dengan lancar, semakan Audit mendapati Pejabat Bendahari Negeri telah mencadangkan bilik server yang sedia ada diubahsuai dan diperbesarkan kerana kawasan bilik yang menempatkan 3 server utama, peralatan

dan perkakasan lain didapati tidak mencukupi dan sesuai bagi keselamatan data. Pihak Audit juga mendapati alat penghawa dingin terpusat yang berada di atas server perlu dipindah ke tempat yang lebih selamat, siling bilik server yang berlubang dan *wallpaper* tertanggal perlu digantikan. Alat pencegah kebakaran seperti pemadam api bergas dan peralatan UPS untuk server pengkalan data yang tidak berfungsi perlu dibeli. Manakala, kerja pendawaian dan pengkabelan sistem rangkaian perlu dibuat semula untuk memperkemaskan kedudukan bilik server. Pejabat Bendahari Negeri juga mencadangkan pembinaan bilik latihan berserta kelengkapan latihan bagi tujuan mengadakan kursus dan taklimat di samping menjadi pusat sumber rujukan maklumat SPEKS. Anggaran kos keseluruhannya adalah berjumlah RM0.09 juta yang mana peruntukannya telah dipohon daripada JANM pada bulan Ogos 2005.

Sebagai alternatif kepada peruntukan bagi menjalankan aktiviti berkaitan SPEKS di Negeri Perlis, Kerajaan Persekutuan menerusi JANM telah juga menyalurkan geran pelaksanaan SPEKS berjumlah RM0.78 juta kepada Kerajaan Negeri pada akhir bulan Disember 2005 agar pelaksanaannya berjalan lancar. Aktiviti berkaitan SPEKS yang dibenarkan dijalankan dan dibelanja dengan menggunakan geran ini termasuk pembelian perkakasan komputer peribadi dan pencetak tambahan, kerja peningkatan rangkaian SPEKS di negeri agar tahap capaian bertambah banyak dan pantas serta penyenggaraan perkakasan dan perkhidmatan sokongan ke atas sistem. Pejabat Bendahari Negeri telah mewujudkan suatu akaun amanah iaitu Akaun Amanah Pengurusan SPEKS bagi mengakaun segala terimaan dan sumbangan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan sumber lain serta perbelanjaannya.

**Pada pendapat Audit, usaha yang diambil untuk meningkatkan keupayaan dan pertambahan perkakasan SPEKS di Negeri Perlis adalah memuaskan.**

#### **5.2.15 Pencapaian Pelaksanaan Projek SPEKS**

Sistem perakaunan yang diguna pakai sebelum pelaksanaan SPEKS iaitu Sistem Perakaunan Vot Berkomputer Negeri (SPVN) didapati sangat bergantung kepada proses manual dan dokumen fizikal, kurang mempunyai ciri integrasi, data yang berduplikasi dan tidak konsisten, kekurangan maklumat pengurusan bagi menyokong sesuatu keputusan serta kebolehan penjanaan laporan yang berkurangan. SPEKS telah direka bagi mengatasi kelemahan berkenaan berdasarkan analisis dan penilaian yang merangkumi kepakaran wakil daripada JANM, Pembekal dan Pejabat Bendahari Negeri. Sistem yang bersepadu ini merupakan pendekatan yang praktikal dan berkesan dengan menggunakan pakai strategi melicinkan pengurusan urus niaga, penggunaan teknologi maklumat dan multimedia secara maksimum bagi mewujudkan

satu rangkaian pentadbiran kewangan kerajaan yang menghubungkan PTJ di seluruh negeri secara elektronik serta untuk memajukan pemprosesan maklumat kewangan tepat pada masanya sejajar dengan keperluan kewangan semasa, kehendak dan peraturan pihak Kerajaan. Semakan Audit mendapati perubahan dan pencapaian terbesar SPEKS adalah dari segi perubahan proses, pengenalan dan penaiktarafan sistem berkomputer dan pemindahan dokumen urus niaga secara elektronik.

**a) Aspek Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan**

Di peringkat Pejabat Bendahari Negeri, kemasukan data dan prosesan secara talian terus, penyemakan dan pengesahan serta kelulusan urus niaga yang bermula di PTJ iaitu tempat asal transaksi telah mengurangkan kerja kemasukan data dan prosesan berkelompok di Pejabatnya. Semakan Audit mendapati SPEKS berupaya mengubah bentuk transaksi asal menjadi bentuk transaksi berikutnya secara automatik dan *hardcopy* dokumen dikeluarkan mengikut keperluan pengguna atau pihak tertentu manakala dokumen lain disimpan secara elektronik melalui sistem DMS. Kemudahan skrin pertanyaan dan laporan memastikan hanya laporan terpilih, yang tepat pada masanya dan berfokus dicetak.

Pelaporan secara *web based* pula membolehkan laporan di *browse* dan cetakan dibuat jika dikehendaki. *Web publishing* membolehkan lebih banyak laporan diperolehi melalui *intranet*, mengurangkan keperluan mencetak serta mengedarkan dokumen yang tidak dikehendaki. Antara muka secara talian terus membolehkan ia dilaksanakan dengan campur tangan pengguna yang minimum. Sistem Pengurusan Dokumen (DMS) membolehkan *indexing* dan *archiving* dilakukan terhadap borang dan laporan transaksi perakaunan sejajar dengan kehendak Kerajaan Elektronik iaitu persekitaran *paperless*. Selain penjimatan kos, pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri telah bertambah baik disebabkan pengurangan kerja berulang, kesilapan dan pemprosesan transaksi secara manual.

**b) Penyediaan Dan Penyerahan Penyata Kewangan**

Penggunaan SPEKS dapat menyempurnakan lagi penyediaan serta penutupan akaun dan penyerahan penyata kewangan kerajaan negeri dipercepatkan ke bulan April pada tahun berikutnya seperti yang dirancang. Semakan Audit mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri masih tidak dapat diserahkan dengan lebih awal kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Tarikh Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 1999 Hingga 2004**

Sistem Perakaunan Yang Digunakan	Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Penyata Diserah Untuk Diaudit
SPVN	1999	29.4.2000
SPVN	2000	16.4.2001
SPVN	2001	6.6.2002
SPEKS	2002	23.5.2003
SPEKS	2003	21.7.2004
SPEKS	2004	6.7.2005
SPEKS	2005	31.5.2006

*Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri*

Kelewatan ini disebabkan Penyata Kewangan yang dijana oleh SPEKS mengandungi kesilapan angka yang perlu dipinda dan diperbetulkan serta kelewatan PTJ mengemukakan dokumen sokongan penutupan akaun tahunan. Selain itu, perbelanjaan mengurus dan pembangunan contohnya, Jabatan Kerja Raya Bahagian Bekalan Air, yang mana anggaran belanjawannya diluluskan serta perbelanjaan yang dilakukan diakaunkan dan dilaporkan oleh SPEKS di bawah Maksud Bekalan dan Pembangunan, terpaksa dibuat pindaan dengan menggunakan pakai modul Sistem Maklumat Pengurusan SPEKS agar semua perbelanjaan berkenaan diakaunkan dalam Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Akaun Amanah Yang Disatukan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan SPEKS dalam usaha memperkemaskan lagi sistem pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri adalah memuaskan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri masih tidak dapat dikemukakan dengan lebih awal pada tahun 2003 dan 2004. Bagaimanapun Penyata Kewangan tahun 2005 telah berjaya dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada 31 Mei 2006.**

#### **5.2.16 Kawalan Fizikal Dan Persekutaran**

Kawalan fizikal dan persekitaran adalah perlu bagi memastikan perkakasan, perisian dan dokumen sentiasa terkawal dari pencerobohan fizikal dan selamat dari ancaman persekitaran demi menjaga keutuhan pemprosesan data. Kawalan fizikal terdiri daripada kawalan lokasi fizikal bagi bilik server dan kawalan keselamatan di pintu keluar masuk bilik server. Kawalan persekitaran pula terdiri daripada kawalan mengelak daripada ancaman kebakaran, banjir, serangga perosak dan seterusnya cara

untuk mengatasi sekiranya berlaku ancaman tersebut seperti peruntukan *backup* dan pelan menghadapi kecemasan. Lawatan Audit ke bilik server Pejabat Bendahari Negeri Perlis mendapati lokasi fizikal bilik server adalah pada kedudukan yang lebih tinggi daripada lantai biasa, memiliki pencahayaan lampu yang mencukupi, kedudukan bilik yang terasing dan hanya memiliki satu pintu keluar masuk sahaja seperti di **Foto 2**. Manakala bagi kawalan keselamatan di pintu masuk bilik server pula, adalah didapati bilik server tidak dikunci sama ada masa bekerja atau pun di luar waktu bekerja. Daftar keluar masuk ke bilik server tidak diselenggarakan dan kebenaran memasuki hanya diberi secara lisan. Kedudukan bilik server berada di tingkat bawah manakala dinding bahagian luar dibina daripada cermin kaca, ini memudahkan bilik berkenaan dicerobohi. Bilik server didapati tidak dilengkapi dengan kemudahan mengesan dan mencegah kebakaran iaitu alat pengesan asap dan kepanasan serta alat semburan kebakaran yang berasaskan gas Halon. Alat pemadam api juga tidak diletakkan di bilik server atau berhampiran. Pelan atau latihan menghadapi kecemasan juga tidak pernah dibuat bagi menghadapi pencerobohan atau kebakaran.

**Foto 2**  
**Kawalan Keselamatan, Fizikal dan Persekutaran Kurang Memuaskan**  
**Di Bilik Server Pejabat Bendahari Negeri Perlis**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 3 April 2006  
Lokasi : Pejabat Bendahari Negeri Perlis

**Pada pendapat Audit, tahap kawalan fizikal dan persekitaran aset komputer adalah kurang memuaskan.**

### **5.2.17 Peningkatan Prosedur Keselamatan Sistem**

#### **a) Security Posture Assessment**

*Security Posture Assessment* (SPA) merupakan satu proses penilaian bertujuan untuk mengetahui tahap keselamatan rangkaian dan sistem komputer semasa dengan melihat kepada kemungkinan ruang untuk pencerobohan dan ancaman serta kelemahan sistem dan rangkaian. Ia juga adalah untuk mengetahui *baseline security* di Pejabat Bendahari Negeri sejajar dengan visi dan objektif MAMPU supaya setiap agensi memperkasakan sistem keselamatan rangkaianya. Hasil daripada penilaian ini perakuan perlu diberikan untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan berkenaan bagi mengukuhkan dan meningkatkan tahap keselamatan sistem dan rangkaian komputer.

Semakan Audit mendapati Syarikat Nisa Advanced Solutions Sdn. Bhd. (NISA) atas cadangan pihak MAMPU telah dilantik terus oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan SPA dan polisi sekuriti bagi Projek SPEKS di Negeri Perlis pada akhir bulan Mei 2005 hingga awal bulan Julai 2005 dengan perbelanjaan berjumlah RM0.16 juta yang dibiayai melalui peruntukan JANM. Aktiviti pelaksanaan SPA ini termasuk penilaian keselamatan dan pola keselamatan sistem rangkaian, ujian percubaan pencerobohan sistem secara dalaman dan luaran, penilaian pelayan induk dan *firewall* SPEKS. Sementara aktiviti pembangunan polisi sekuriti meliputi penentuan skop dan perancangan, penilaian risiko ke atas pejabat terlibat, pembangunan polisi dan standard. Hasil daripada SPA yang selesai dilakukan didapati secara keseluruhannya sistem rangkaian yang diguna pakai di Pejabat Bendahari Negeri adalah kurang selamat, aplikasi untuk mengakses ke komputer pelayan (server) adalah kurang sesuai digunakan kerana risiko keselamatan adalah tinggi dan mudah dicerobohi dan *firewall* sedia ada tidak dapat menapis ancaman dalaman. NISA telah juga mengemukakan cadangan seperti peningkatan upaya taraf keselamatan server dan bilik server/peralatan SPEKS, perubahan reka bentuk sistem rangkaian, *firewall* dikonfigurasi semula, peningkatan keselamatan dari segi perkongsian fail, penggunaan aplikasi yang lebih selamat untuk mengakses komputer pelayan serta penggunaan kata laluan yang lebih sukar untuk diteka oleh penceroboh sistem. Konsortium Jaya Sdn. Bhd. sedang membuat pengujian proses *hardening* yang dicadangkan oleh NISA bagi menjamin keselamatan data. Jawatankuasa Pemandu SPEKS dalam mesyuaratnya pada bulan Ogos 2005 menetapkan *hardening port* perlu dilakukan oleh Unit ICT Negeri. Bagaimanapun, Unit ICT Negeri belum melaksanakan *hardening port* berkenaan. SPA yang dilakukan tidak meliputi aplikasi SPEKS kerana keselamatan dari segi aplikasi SPEKS akan dikaji semasa pelaksanaan *Public Key Infrastructure*.

**b) Public Key Infrastructure**

*Public Key Infrastructure* (PKI) adalah mekanisme yang digunakan untuk meningkatkan tahap keselamatan aplikasi ICT terutamanya yang menggunakan infrastruktur *internet*. Ianya terdiri daripada 2 komponen iaitu *authentication* dan *non-repudiation (digital signature)*. Memandangkan SPEKS merupakan aplikasi yang melibatkan operasi kewangan negeri, penggunaannya perlu dikawal dan dilindungi dengan menggunakan PKI. Semakan Audit mendapati pada bulan Februari 2005 pihak Perbendaharaan Malaysia dan MAMPU telah mencadangkan untuk melantik sebuah syarikat yang juga merupakan *Registration Authority* bagi semua aplikasi Kerajaan Elektronik yang telah dapat menyelesaikan isu PKI dalam projek e-SPKB untuk membekalkan kad pintar bagi SPEKS. Jawatankuasa Pemandu SPEKS telah mengambil maklum cadangan pelaksanaan PKI tersebut melalui mesyuarat yang diadakan pada bulan Ogos 2005 yang mana *proof of concept* PKI SPEKS iaitu kemudahan *authentication* dan *digital signature* telah berjaya dilakukan oleh syarikat ini dengan kerjasama Pembekal.

Semakan Audit mendapati peningkatan tahap keselamatan sistem dan rangkaian komputer SPEKS dengan memasukkan ciri PKI dirancang dilakukan secara berperingkat mengikut modul aplikasi SPEKS. Modul Lejar Am dan PTJ Kewangan telah dipilih sebagai modul perintis manakala negeri perintis untuk pelaksanaan PKI adalah Negeri Sembilan. Keseluruhan anggaran kos untuk melaksanakan PKI di semua negeri yang terlibat adalah berjumlah RM5.50 juta. Ini meliputi kos pembangunan aplikasi PKI, pengeluaran kad pintar untuk 10,000 pengguna, sijil digital, pembaca kad pintar, perisian dan server yang mana pemasangannya adalah untuk tempoh selama 2 tahun. Sistem ini dijangka dapat dilaksanakan di Negeri Perlis pada bulan Disember 2007. Dengan terlaksananya PKI setiap pengguna SPEKS akan mempunyai kad pengguna sendiri dan tanpa kad akses ini pengguna tidak akan dapat memasuki SPEKS walaupun mempunyai nama pengguna dan kata laluan.

**c) Standard Dan Polisi Sekuriti Maklumat SPEKS**

Sebagai panduan prinsip minimum dan sumber rujukan yang standard kepada pihak pengurusan dan kakitangan Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ yang terlibat dalam operasi penggunaan, sokongan dan pengurusan sistem, suatu draf Standard Dan Polisi Sekuriti Maklumat SPEKS telah disediakan bagi memastikan ia digunakan secara teratur dan selamat. Prinsip sekuriti ini adalah berdasarkan antaranya akses untuk keperluan mengetahui sahaja, hak akses minimum, akauntabiliti, pembahagian tugas, *audit trails*, pemulihan dan continuity serta

pematuhan. Standard dan polisi ini meliputi aspek pengurusan sekuriti, *personnel* dan *safe computing*, kawalan akses logikal, kawalan persekitaran dan fizikal, *installation management*, pengoperasian komputer, konfigurasi, *patch and change management*, pengurusan masalah, pembangunan aplikasi dan program penambahbaikan, perlindungan rangkaian, *perimeter logical*, perlindungan dan pengesanan virus dan *malware* komputer, pelan *business continuity* dan pematuhan. Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Negeri dan Unit Audit Dalam Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab bagi memastikan dan memantau pelaksanaan standard dan polisi berkenaan.

Pihak Audit mendapati Polisi Keselamatan Maklumat SPEKS Dan Standard telah digariskan berdasarkan Polisi Keselamatan Maklumat SPEKS yang telah disediakan sebelum ini. Selain itu, Prosedur Keselamatan Maklumat Umum SPEKS telah juga disediakan sebagai tambahan kepada aspek pelaksanaan Polisi dan Standard ini yang telah menggariskan prosedur umum untuk pelaksanaan keselamatan maklumat di Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ dalam konteks SPEKS yang dikemas kini dari semasa ke semasa.

Semua polisi, standard dan prosedur ini adalah bertujuan mentadbir pengurusan keselamatan maklumat, pengoperasian dan penggunaan sistem SPEKS sejajar dengan peruntukan di bawah Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMis), Pekeliling Am Kerajaan mengenai Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat Dan Telekomunikasi Kerajaan, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam berkaitan Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet Dan Mel Elektronik Di Agensi Kerajaan.

**Pada pendapat Audit, usaha ke arah peningkatan prosedur keselamatan sistem adalah memuaskan. Bagaimanapun, proses *hardening* hasil daripada *Security Posture Assessment* perlu diberi perhatian yang sewajarnya.**

### **5.3 PEMANTAUAN**

Secara keseluruhannya, Jabatan Akauntan Negara adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pelaksanaan SPEKS yang dikendalikan oleh Pejabat Bendahari Negeri. Aktiviti pemantauan juga dikendalikan oleh Jabatan ini. Selain itu, semua aktiviti pemantauan terhadap pelaksanaan SPEKS adalah dilakukan oleh beberapa jawatankuasa tertentu seperti Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan oleh

Jabatan Akauntan Negara. Jawatankuasa Teknikal pula disokong oleh 3 Jawatankuasa Kecil/Pasukan Petugas iaitu Pasukan Petugas Peralatan/Rangkaian, Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan dan Pasukan Aplikasi SPEKS. Manakala pemantauan pelaksanaan SPEKS di peringkat Negeri pula dilakukan melalui cara berikut:

### **5.3.1 Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri**

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri bagi memantau pelaksanaan SPEKS di peringkat Negeri. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri ini telah mengadakan sebanyak 7 kali mesyuarat sejak tahun 2001 hingga 2005. Wakil daripada setiap PTJ telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat ini bagi membincangkan dan mendapatkan maklum balas lanjut mengenai pelbagai perkara berbangkit dengan pelaksanaan SPEKS di peringkat PTJ dan Negeri.

### **5.3.2 Pemantauan Oleh Pejabat Bendahari Negeri**

Pejabat Bendahari Negeri turut menjalankan aktiviti pemantauan dengan mengumpulkan maklumat dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ untuk diambil tindakan bagi menyelesaikannya. Taklimat, latihan dan kursus SPEKS juga diberi kepada kakitangan Pejabat Bendahari Negeri dan PTJ oleh Bendahari Negeri mengikut keperluan dan secara berkala untuk mengatasi masalah yang timbul dalam pelaksanaan SPEKS. Di samping itu, satu pasukan dianggotai oleh 3 orang Pembantu Akauntan Gred W17 dari Pejabat Bendahari Negeri didapati telah mengadakan lawatan ke PTJ dengan kekerapan 2 minggu sekali bagi menyemak baucar bayaran, dokumen gaji dan rekod kewangan SPEKS. Pihak Audit mendapati lawatan ini adalah berkesan bagi maksud pemantauan.

### **5.3.3 Pasukan Pemantau SPEKS**

Dua orang Pembantu Akauntan Gred W17 yang dilantik oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah ditempatkan di Pejabat Bendahari Negeri sebagai ahli Pasukan Pemantau SPEKS mulai awal tahun 2005. Mereka ditugaskan membantu usaha pelaksanaan kesemua 11 modul sistem ini dan menjalankan kerja pemantauan antaranya meliputi semakan terhadap Laporan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan serta Buku Vot SPEKS yang diselenggarakan oleh 13 PTJ. Pasukan ini telah melakukan 27 lawatan ke 13 PTJ terpilih pada tahun 2005. Bagaimanapun, prosedur pemantauannya tidak disediakan.

#### **5.3.4 Mesyuarat SPEKS Yang Diadakan**

Secara keseluruhannya, pemantauan pelaksanaan Projek SPEKS dilakukan oleh Jawatankuasa Pemandu SPEKS serta Jawatankuasa Teknikal SPEKS dan 3 Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa ini. Pemantauan ini dibuat dengan mengadakan mesyuarat berkala bagi membincangkan kemajuan pelaksanaannya, menyelesaikan masalah pelaksanaan serta merangka pelan tindakan dan pembetulan yang perlu diambil. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pelaksanaan sistem SPEKS dan *national rollout* dari pertengahan tahun 2001 sehingga akhir Februari 2006, Jawatankuasa Pemandu SPEKS dan Jawatankuasa Teknikal SPEKS masing-masingnya telah mengadakan 18 dan 20 kali mesyuarat untuk tujuan berkenaan yang dihadiri bersama dengan Pembekal, Bendahari daripada 11 buah Kerajaan Negeri yang terlibat dengan pelaksanaan Projek SPEKS serta ahli lain dalam Jawatankuasa itu.

Pembekal, JANM dan Pejabat Bendahari Negeri telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan berkala mengenai kaedah dan pembangunan sistem dan aplikasi SPEKS pada tahun 2001 dan 2002 semasa peringkat awal pelaksanaan Projek SPEKS. Ini termasuk perkara berkaitan spesifikasi fungsi Modul SPEKS, *data conversion* dan larian selari sistem. Selain itu, Mesyuarat Kemajuan SPEKS Bersama Bendahari Negeri telah diadakan sebanyak 4 kali antara tempoh tahun 2004 hingga bulan Februari 2006 untuk membincangkan kedudukan kemas kini dan semua isu berbangkit mengenai Projek SPEKS yang dilaksanakan secara *national rollout*. Bagaimanapun, agenda mesyuarat yang diadakan tidak termasuk butiran lanjut peruntukan yang diluluskan, perbelanjaan yang dibenarkan dan dibayar, tanggungan dan prestasi perbelanjaan serta perkara kewangan lain yang melibatkan pelaksanaan Projek SPEKS sama ada secara perintis atau *national rollout* sejak awal pelaksanaan Projek lagi.

#### **5.3.5 Laporan Kemajuan Pelaksanaan SPEKS**

Bagi memantau status pembangunan dan pelaksanaan SPEKS di Pejabat Bendahari Negeri, semakan Audit mendapati Laporan Kemajuan/Status Pelaksanaan SPEKS yang dikemaskinikan telah disediakan untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPEKS dan Mesyuarat Kemajuan SPEKS Bersama Bendahari Negeri. Laporan ini disediakan secara bulanan pada peringkat awal pelaksanaannya iaitu pada tahun 2001 dan 2002 dan selepas itu mengikut keperluan atau kekerapan mengadakan mesyuarat yang diadakan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan bagi pelaksanaan SPEKS telah dijalankan dengan memuaskan di peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan peringkat Pejabat Bendahari Negeri Perlis.**

## **6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, Projek SPEKS telah berjaya dilaksanakan dengan memuaskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan peringkat Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, modul SPEKS yang dilaksanakan boleh dipertingkatkan tahap penggunaan dan keberkesanannya untuk mencapai objektif asal yang ditetapkan. Bagi memastikan pelaksanaan SPEKS mencapai matlamatnya, adalah disyorkan Kerajaan Negeri mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Fungsi SPEKS dalam penyelenggaraan Daftar Bil dan kawalan pengeluaran resit asal perlu disesuaikan mengikut kehendak peraturan kewangan.
- b) Kapasiti di dalam server Sistem Pengurusan Dokumen perlu diperbesarkan untuk melaksanakan ekstrak data dan maklumat SPEKS yang kemas kini.
- c) Integrasi SPEKS dengan aplikasi Kerajaan Elektronik yang masih tidak dapat dilaksanakan perlu diberi perhatian sewajarnya.
- d) Panduan Pengguna bagi semua Modul SPEKS dibekalkan dengan lengkap untuk rujukan dan panduan pengguna/pentadbir SPEKS.
- e) *Web Server* dan *Mail/Exchange Server* yang dipasang di Pejabat Bendahari Negeri hendaklah digunakan seperti mana tujuan asalnya.
- f) Masalah fungsi Skrin Pukal dan EFT bagi Modul Sistem Lejar Am, maklumat perolehan aset/inventori tahun 2005 yang belum dapat didaftarkan ke dalam Sistem Pengurusan Aset perlu diselesaikan dengan Pembekal Sistem supaya dapat berfungsi dan digunakan mengikut tujuan asal pembangunannya.
- g) Tahap penggunaan aplikasi dan fungsi SPEKS perlu dipertingkatkan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dipercepatkan sejajar dengan tujuan asal pelaksanaan SPEKS.
- h) Jawatan Pegawai Sistem Maklumat Gred F41 perlu diwujudkan bagi menjamin kelancaran operasi aplikasi SPEKS secara keseluruhannya dan peningkatan kecekapan dan keberkesanannya pengurusan kewangan Kerajaan Negeri secara amnya.
- i) Kelemahan dalam kawalan capaian sistem, kawalan fizikal dan persekitaran aset komputer SPEKS serta proses *hardening* hasil daripada Penilaian Sekuriti *Posture* perlu diambil tindakan untuk memperbaikinya.
- j) Agenda mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Dan Teknikal SPEKS yang diadakan hendaklah membincang butiran lanjut peruntukan yang diluluskan, perbelanjaan yang dibenarkan dan dibayar, tanggungan dan prestasi perbelanjaan serta perkara kewangan lain yang melibatkan pelaksanaan Projek SPEKS.

## **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

### **PENGURUSAN PROGRAM PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH**

#### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pejabat) Perlis bertanggungjawab untuk mengerak, merancang, menyelaras dan mengawal keseluruhan jentera pembangunan ekonomi dan sosial bagi mencapai kemajuan selaras dengan matlamat negeri dan negara. Bagi memastikan matlamatnya tercapai, Pejabat telah mewujudkan beberapa unit yang terdiri daripada Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Pentadbiran YAB Menteri Besar, Unit Pentadbiran Dewan Undangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Unit Pentadbiran Daerah, Unit Majlis Sukan Negeri dan Unit Muzium. Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Unit Perumahan Negeri), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan pelaksanaan perumahan awam kos rendah kepada golongan rakyat berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah. Bersesuaian dengan tanggungjawab yang diberi, maka Unit Perumahan Negeri telah menetapkan objektifnya iaitu untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, sempurna dan mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah, di samping kemudahan asas dan sosial seperti surau, dewan orang ramai dan kawasan permainan untuk kanak-kanak bagi memperbaiki mutu kehidupan golongan berpendapatan rendah sejajar dengan kepesatan pembangunan negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Unit Perumahan Negeri telah ditugaskan untuk merancang, menyelaras, memantau dan mengagihkan rumah awam kos rendah. Manakala Jabatan Perumahan Negara yang bertindak sebagai Agensi pelaksana telah ditugaskan untuk memantau dan menyelia kemajuan projek sehingga siap.

**7.2** Bagi tempoh tahun 1996 hingga 2000 (RMK-7) dan 2001 hingga 2005 (RMK-8), sebanyak 17 projek perumahan telah dirancang yang melibatkan anggaran kos pelaksanaan projek berjumlah RM240.19 juta bagi tempoh RMK-7 dan RM245.77 juta bagi tempoh RMK-8. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 projek merupakan projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan 3 projek adalah projek Program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 6 projek telah disiapkan, 2 projek masih dalam pembinaan, 2 projek telah ditangguhkan pelaksanaannya, 6 projek di peringkat pengambilan balik tanah dan satu projek lagi masih di peringkat mengenal pasti tapak baru setelah diarah pindah tapak projek kerana kawasan tersebut terlibat dengan pembangunan perindustrian.

## **8. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pelaksanaan Pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dijalankan meliputi 14 projek Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara di Negeri Perlis dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8). Pengauditan melibatkan 4 projek yang telah siap di PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Beseri Paya III, PAKR Kangar V dan PAKR Tambun Tulang, 2 projek yang masih dalam pembinaan di PAKR Santan II dan PAKR Wang Kelian, 2 projek yang ditangguh pelaksanaannya di PAKR Simpang Empat III dan PAKR Kuala Perlis IV serta 6 projek yang belum dibina di PAKR Kubang Gajah, PAKR Kuala Perlis V, PAKR Mata Ayer V, PAKR Sena, PAKR Sungai Baru dan PAKR Ulu Pauh. Pemilihan kesemua projek tersebut dibuat kerana ianya melibatkan pelbagai peringkat status pelaksanaan projek iaitu projek siap, dalam pembinaan, ditangguh dan belum dibina. Selain aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan, pengauditan juga meliputi aspek pengagihan dan penyenggaraan rumah. Pengauditan telah dijalankan di Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan dokumen dan rekod seperti Anggaran Peruntukan, Penyata Perbelanjaan, Senarai Permohonan Rumah, Senarai Temu Duga Pemohon, Senarai Tawaran Rumah, fail projek, fail Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan, fail pinjaman PAKR serta fail yang berkaitan di Unit Perumahan Negeri dan Jabatan Perumahan Negara Wilayah Utara. Selanjutnya analisis terhadap pelaksanaan projek PAKR di bawah RMK-7 dan RMK-8 telah dijalankan. Jabatan Audit juga turut menemu bual pegawai yang terlibat bagi mendapatkan maklumat lanjut dan mengadakan lawatan ke tapak projek PAKR Tambun Tulang, PAKR Santan II, PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Beseri Paya III, PAKR Kangar V, PAKR Wang Kelian dan PAKR Simpang Empat III.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

### **10.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan aspek penting yang perlu diambil kira bagi memastikan sesuatu projek yang akan dilaksanakan berjalan lancar. Perancangan Projek Perumahan Awam Kos Rendah di Negeri Perlis adalah untuk menyediakan rumah yang mencukupi kepada golongan berpendapatan rendah yang telah dikenal pasti dengan mengambil kira kualiti binaan dan persekitaran. Bagi menjayakan projek ini, Unit Perumahan Negeri akan membuat perancangan seperti berikut:

#### **10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri menerima pakai Dasar Kerajaan Persekutuan iaitu untuk memenuhi permintaan rumah kediaman yang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah di luar bandar dan pinggir bandar di samping kemudahan-kemudahan asas dan sosial melalui program PAKR. Dengan itu, matlamat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan membasi kemiskinan dapat dicapai. Bagi merealisasikan dasar tersebut, Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar program pembangunan perumahan adalah seperti berikut:

##### **a) Dasar Perumahan Negeri**

Dasar dan strategi Unit Perumahan Negeri mengenai pengurusan projek perumahan awam kos rendah adalah akan berasaskan kepada Dasar Perumahan Negeri yang menetapkan pihak swasta perlu membina rumah kos rendah sebanyak 10% bagi pembangunan kawasan perumahan antara 50 hingga 100 unit, 20% bagi 101 hingga 200 unit dan 30% yang melebihi 200 unit. Pihak swasta juga dikehendaki memperolehi senarai pembeli yang berdaftar dengan Unit Perumahan Negeri bagi tujuan penjualan atau pembahagian rumah kos rendah. Dasar Perumahan Negeri ini telah diguna pakai mulai bulan Ogos 1996 dan akan dijadikan panduan oleh Jawatankuasa Penyelaras Perumahan Negeri bagi menimbang permohonan projek perumahan khususnya mengenai penentuan komponen rumah kos rendah.

##### **b) Dasar Baru Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Bagi memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar yang masih tinggi, Kerajaan telah merangka pendekatan baru untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah iaitu melalui konsep PPR Dasar Baru Disewa dan Dimiliki dalam tempoh RMK-8. Pada bulan Februari 2002,

Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan perubahan dasar dan strategi pelaksanaan program perumahan kos rendah di mana Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang dahulunya merupakan projek-projek negeri yang dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara akan menjadi projek Kerajaan Persekutuan dengan nama Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan diberi tanggungjawab sepenuhnya melaksanakan PPR dimiliki. Manakala Projek PPR disewa akan terus dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara.

**c) Dasar Pemilikan Rumah**

Kerajaan Negeri telah mengamalkan dasar sewa beli rumah awam kos rendah kepada pemohon yang berjaya semasa RMK-6. Namun dasar tersebut telah diubah pada tahun 1998 kepada dasar pemilikan rumah iaitu rumah awam kos rendah yang telah siap dibina akan dijual kepada pemohon yang berjaya. Kaedah jual beli ini dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi masalah jumlah tunggakan bayaran ansuran rumah awam kos rendah yang sentiasa bertambah dari setahun ke setahun. Dengan perubahan dasar ini, pemohon yang berjaya dikehendaki menguruskan sendiri pembiayaan atau pinjaman perumahan sama ada dari bank, institusi kewangan atau Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia. Unit Perumahan Negeri akan menyediakan dokumen tertentu seperti Surat Perjanjian Jual Beli antara pembeli dengan Kerajaan Negeri, Surat Aku Janji, Suratan Hak Milik Tanah sebagai cagaran ketika memohon pinjaman bank dan Borang 14A (Borang Pindah Milik Kanun Tanah Negara) serta Borang PDS 15 (Borang Pejabat Duti Setem) bagi memudahkan urusan jual beli.

**10.1.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Unit Perumahan Negeri menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membuat permohonan pengambilan balik tanah untuk projek perumahan awam. Akta ini memperuntukkan supaya permohonan pengambilan balik tanah disertakan dengan cadangan projek, pelan susun atur, pelan pengambilan tanah, laporan nilaiawal daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, membayar *fee* dan deposit. Bagi reka bentuk perumahan kos rendah, Unit Perumahan Negeri akan memastikan semua kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dipatuhi. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 juga diguna pakai bagi mengesahkan sesuatu bangunan perumahan awam kos rendah yang siap dibina selamat dan selesa untuk diduduki. Unit Perumahan Negeri akan memastikan

Sijil Layak Menduduki diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum bangunan rumah dibenarkan diduduki.

### **10.1.3 Garis Panduan Pengurusan Projek**

Bagi memantapkan pelaksanaan Program Perumahan Awam Kos Rendah, beberapa garis panduan telah dibuat dan diluluskan. Garis panduan ini merangkumi perkara berikut:

#### **a) Perancangan Dan Reka Bentuk Perumahan Kos Rendah**

Garis panduan yang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara telah menggariskan piawaian minimum yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat di dalam pembangunan projek perumahan kos rendah sama ada di sektor awam ataupun sektor swasta. Penekanan adalah diberi kepada keperluan perancangan seperti saiz lot unit kediaman, anjak undur bangunan, kemudahan letak kereta, kemudahan sosial dan kemasyarakatan serta keperluan reka bentuk bangunan dan infrastruktur seperti keluasan lantai, pemasangan elektrik, rizab jalan, sistem saliran dan sistem pembentungan. Garis panduan ini akan dapat mempercepatkan proses perancangan dan penyediaan pelan serta mempercepatkan proses kelulusan pelan bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini telah dipersetujui serta diterima pakai oleh Unit Perumahan Negeri.

#### **b) Penetapan Harga Baru Rumah Kos Rendah**

Syarat harga rumah kos rendah yang ditetapkan pada harga RM25,000 seunit sejak tahun 1982 didapati tidak lagi sesuai serta mencerminkan kos pembiayaan sebenar rumah kos rendah kerana kos pembangunan meningkat terlalu tinggi. Penetapan harga baru rumah kos rendah adalah berdasarkan kepada harga tanah, golongan sasaran dan jenis rumah yang sesuai dibina dan berkuat kuasa mulai pada bulan Jun 1998. Garis panduan ini menetapkan harga rumah kos rendah yang sesuai dibina secara kos efektif adalah antara RM25,000 hingga RM42,000 seunit. Bagaimanapun, penetapan harga rumah kos rendah di Negeri Perlis akan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Harga dan jenis rumah yang dicadangkan mengikut garis panduan adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Harga Baru Rumah Kos Rendah**


Bil.	Lokasi/Kawasan	Harga Tanah Semasa Bagi Kegunaan Rumah Kediaman Semeter Persegi (RM)	Pendapatan Bulanan Golongan Sasaran (RM)	Harga Jualan Rumah (RM/Unit)	Jenis Rumah Sesuai Dibina
1.	Bandaraya dan Bandar Besar	45 dan ke atas	1,200 hingga 1,500	42,000	Pangsa melebihi 5 tingkat
2.	Bandar Besar dan Pinggir Bandar Besar	15 hingga 44	1,000 hingga 1,350	35,000	Pangsa 5 tingkat
3.	Pekan Kecil dan Pinggir Bandar	10 hingga 14	850 hingga 1,200	30,000	Teres dan Kelompok
4.	Luar Bandar	Di bawah 10	750 hingga 1,000	25,000	Teres dan Kelompok

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

**c) Pemilihan Pembeli Dan Penyewaan Rumah Kos Rendah Secara Sistem Pendaftaran Terbuka**

Garis panduan pemilihan pembeli dan penyewaan rumah kos rendah secara Sistem Pendaftaran Terbuka bertujuan memastikan pemilihan dan pengagihan rumah kos rendah dan rumah pangsa awam dilaksanakan dengan adil serta menepati kumpulan sasarnya. Garis panduan ini disediakan khusus untuk menyeragamkan dasar dan kriteria pemilihan rumah kos rendah dan penyewa rumah pangsa awam serta meningkatkan keberkesanannya pelaksanaannya agar manfaat kumpulan yang disasarkan. Garis panduan ini, antara lain menetapkan sistem pemberian markah bagi pemprosesan permohonan membeli rumah kos rendah atau menyewa rumah pangsa awam dan telah dipersetujui oleh Unit Perumahan Negeri. Proses dan carta aliran pemilihan pembeli rumah kos rendah dan penyewaan rumah pangsa awam adalah seperti di **Carta 2**.

**Carta 2**  
**Carta Aliran Proses Pemilihan Pembeli Dan Penyewaan**



Sumber : Garis Panduan Pemilihan Pembeli Rumah Kos Rendah Dan Penyewa Rumah Pangsa Awam,  
 Jabatan Perumahan Negara

#### 10.1.4 Kajian Keperluan Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah

Keperluan pembinaan perumahan awam kos rendah di sesuatu kawasan perlu dikaji oleh Unit Perumahan Negeri semasa perancangan dan ia dapat mengenal pasti sama ada terdapat permintaan terhadap projek yang dilaksanakan bagi mengelakkan rumah yang telah dibina tidak dapat dijual kerana tiada permintaan di kawasan tersebut. Bagi penetapan lokasi di sesebuah kawasan pula, Unit Perumahan Negeri akan mengenal pasti tapak projek berdasarkan kepada keperluan rumah dan jika terdapat tanah yang boleh dibangunkan. Unit Perumahan Negeri dan Jabatan Perumahan Negara akan mengambil kira keluasan tapak dan unit rumah yang wajar dibina bagi setiap tapak perumahan awam kerajaan yang dicadangkan. Pemilihan tapak projek akan dibuat dengan bantuan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dengan mengambil kira kesesuaian tanah, kemudahan infrastruktur sedia ada dan status pemilikan tanah.

Pemilihan lokasi juga perlu mengambil kira pandangan dan ulasan daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat seperti Majlis Perbandaran Kangar, Jabatan Tanah Dan Galian Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri. Kedudukan dan lokasi tapak yang dipilih hendaklah mengambil kira kawasan-kawasan pembangunan dan kemudahan sedia ada di sekitar tapak cadangan. Tapak projek yang dipilih akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Perlis untuk kelulusan bagi pembinaan rumah awam kos rendah. Kajian tanah hendaklah dijalankan terlebih dahulu sebelum lukisan kejuruteraan, kontrak, pelantikan kontraktor dan tawaran tender dibuat. Kajian tanah akan dijalankan sebelum sesuatu projek pembinaan dijalankan untuk menentukan kesesuaian tapak. Sekiranya kajian tanah tidak dijalankan dengan sempurna, berkemungkinan tapak projek akan berlaku mendapan tanah atau perubahan kerja yang berkaitan dengan pembinaan cerucuk bagi pembinaan asas yang lebih kukuh yang memerlukan peruntukan yang tinggi. Masalah tersebut akan menyumbangkan kepada kelewatan penyiapan projek atau penangguhan pelaksanaan projek.

#### **10.1.5 Sasaran Projek**

Perancangan projek Perumahan Awam Kos Rendah adalah dibuat dengan mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan Negeri, pinjaman yang akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan permintaan terhadap rumah awam kos rendah. Berdasarkan kriteria tersebut, Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan 8 projek perumahan yang dapat menyediakan sebanyak 2,303 unit rumah awam kos rendah bagi tempoh RMK-7. Manakala bagi tempoh RMK-8, Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan 6 projek perumahan yang melibatkan pembinaan sebanyak 4,400 unit rumah awam kos rendah. Sasaran bilangan rumah kos rendah yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di 14 kawasan bagi tempoh RMK-7 dan RMK-8 adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Sasaran Bilangan Perumahan Awam Kos Rendah Yang**  
**Dirancang Bagi Tempoh RMK-7 Dan RMK-8**

Bil.	Projek	Unit
<b>RMK-7</b>		
1.	PAKR Chuping II Fasa II	112
2.	PAKR Tambun Tulang	335
3.	PAKR Kangar V	164
4.	PAKR Beseri Paya III	90
5.	PAKR Simpang Empat III	115
6.	PAKR Santan II	339
7.	PAKR Kuala Perlis IV	1,000
8.	PAKR Wang Kelian	148
<b>Jumlah</b>		<b>2,303</b>
<b>RMK-8</b>		
1.	PAKR Kubang Gajah	1,000
2.	PAKR Sena	500
3.	PAKR Sungai Baru	200
4.	PAKR Mata Ayer V	200
5.	PAKR Ulu Pauh	500
6.	PAKR Kuala Perlis V	2,000
<b>Jumlah</b>		<b>4,400</b>

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,*

*Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

#### **10.1.6 Komponen Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Pembangunan sesuatu projek PAKR adalah terdiri daripada 3 komponen iaitu pembinaan bangunan rumah, kemudahan awam dan jalan. Pembangunan komponen ini adalah berdasarkan kepada garis panduan Jabatan Perumahan Negara. Selain itu, iaanya bergantung kepada keupayaan kewangan serta peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Bangunan rumah kos rendah adalah terdiri daripada jenis teres, berkelompok sesebuah, berkembar 2 dan seumpamanya yang tidak melebihi dua tingkat. Bagi bangunan rumah teres 1 tingkat bertaraf kos rendah perlu mempunyai keluasan kasar lantai lebih kurang 56.43 meter persegi merangkumi ruang makan dan tetamu, 3 bilik tidur, dapur, bilik air, tandas dan ruang terbuka/serambi. Bagi menyediakan komponen dan struktur reka bentuk bangunan rumah, pihak kontraktor yang terpilih bertanggungjawab untuk mereka bentuk bangunan rumah supaya pembinaan adalah seragam dan selesa. Selain itu, kemudahan yang akan dibangunkan bagi projek perumahan awam kos rendah antaranya adalah padang permainan kanak-kanak, tadika, surau dan dewan serba guna. Sekiranya kemudahan

sosial telah disediakan di kawasan yang berdekatan maka kemudahan tersebut tidak perlu disediakan lagi untuk projek PAKR yang akan dibina. Susun atur landskap juga diberi perhatian untuk mengindahkan kawasan projek perumahan di mana pokok-pokok akan ditanam supaya dapat mengujudkan persekitaran semula jadi untuk penduduk. Penanaman pokok dan pembangunan kemudahan sosial di kawasan perumahan awam kos rendah yang mana kosnya diambil kira dalam jumlah harga kontrak akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan sesuatu projek PAKR. Bagi mengkaji struktur tanah dan kerja-kerja berkaitan dengannya, Jabatan Perumahan Negara menggunakan khidmat juru perunding.

#### **10.1.7 Kaedah Pelaksanaan Projek**


Projek PAKR akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara sebagai agensi pelaksana. Projek PAKR akan dilaksanakan secara Reka Bentuk dan Bina di mana pihak kontraktor yang dipilih bertanggungjawab terhadap lukisan reka bentuk, penyediaan pelan susun atur, pelan infrastruktur dan sub-struktur berasaskan kepada pelan setara sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan melaksanakan kerja pembinaan. Pemilihan kontraktor bagi projek PAKR adalah sama ada melalui tender terbuka, tender terhad atau rundingan terus. Manakala pelantikan juru perunding bagi mengkaji struktur tanah dan kerja berkaitan dengannya akan dilakukan oleh Jabatan Perumahan Negara. Pelaksanaan bagi setiap projek PAKR yang akan dibuat pada 5 fasa iaitu Fasa I melibatkan kerja awalan seperti mengkaji struktur tanah dan kerja ukur tanah tapak pembinaan. Fasa II melibatkan kerja pembersihan tapak dan kerja tanah. Fasa III melibatkan kerja atas bangunan manakala Fasa IV pula melibatkan kerja binaan bangunan rumah bertaraf kos rendah. Bagi Fasa V adalah berkaitan dengan kerja di sekitar bangunan yang terdiri daripada kerja menanam rumput, membina jalan, pagar dawai, sistem pelupusan kumbahan, kerja bekalan air, kerja landskap, alat permainan kanak-kanak dan pelbagai kerja.

#### **10.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Unit Perumahan Negeri bertanggungjawab merancang dan menyelaras pelaksanaan PAKR serta memantau dan mengagihkan rumah awam kos rendah. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Setiausaha Kerajaan (Pegawai Tadbir dan Diplomatik) Gred M41 yang akan bertanggungjawab kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Beliau akan dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22, seorang Juruteknik Gred J17, 7 orang Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, Pencari Fail Gred N1 dan Pembantu Am Rendah Gred N1. Unit Perumahan Negeri terdiri daripada 4 unit iaitu Unit Perumahan, Unit Teknikal, Unit Kerajaan Tempatan dan Unit Hasil. Unit

Perumahan akan bertanggungjawab untuk mengurus projek perumahan awam kos rendah dari segi pengurusan projek PAKR, urusan pendaftaran pemohon rumah PAKR melalui Sistem Pendaftaran Terbuka Perumahan Awam Kos Rendah, temu duga, tawaran rumah dan urusan penguatkuasaan dari segi penguatkuasaan undang-undang dan tarik balik rumah PAKR. **Carta 3** menunjukkan Carta Organisasi Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis. Dari aspek latihan, Unit Perumahan Negeri merancang menghantar kakitangannya menghadiri pelbagai kursus, seminar dan bengkel bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan. Kursus yang dirancang adalah berkaitan dengan pentadbiran, kewangan dan pengurusan rekod.

**Carta 3**  
**Carta Organisasi Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**



Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

#### 10.1.9 Keperluan Kewangan

Projek PAKR merupakan program yang berterusan sepanjang tahun. Perancangan terhadap keperluan kewangan adalah penting bagi memastikan aktiviti program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar. Projek PAKR adalah dibiayai melalui pinjaman dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Peruntukan ini

disediakan mengikut keperluan negeri berdasarkan kepada jumlah unit rumah yang akan dibina. Kos projek secara keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM195.67 juta bagi melaksanakan 8 projek PAKR di dalam RMK-7 dan 6 projek dalam RMK-8. Butiran anggaran kos projek adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Anggaran Kos Projek**

Bil.	Projek	Bil. (Unit)	Anggaran Kos Projek (RM Juta)
<b>RMK-7</b>			
1.	PAKR Kangar V	164	4.26
2.	PAKR Simpang Empat III	115	3.45
3.	PAKR Tambun Tulang	335	10.05
4.	PAKR Beseri Paya III	90	2.25
5.	PAKR Chuping II Fasa II	112	2.91
6.	PAKR Santan II	339	10.11
7.	PAKR Kuala Perlis IV	1,000	25.00
8.	PAKR Wang Kelian	148	5.64
<b>Jumlah</b>		<b>2,303</b>	<b>63.67</b>
<b>RMK-8</b>			
9.	PAKR Kuala Perlis V	2,000	60.00
10.	PAKR Sungai Baru	200	6.00
11.	PAKR Mata Ayer V	200	6.00
12.	PAKR Kubang Gajah	1,000	30.00
13.	PAKR Ulu Pauh	500	15.00
14.	PAKR Sena	500	15.00
<b>Jumlah</b>		<b>4,400</b>	<b>132.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>6,703</b>	<b>195.67</b>

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

#### 10.1.10 Kaedah Pemantauan

Pemantauan projek akan dijalankan di peringkat Unit Perumahan Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri. Jabatan Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Perumahan Negara pula akan dipertanggungjawab untuk memantau secara keseluruhan projek pembinaan PAKR. Pegawai dan Jurutera Jabatan Perumahan Negara akan membuat lawatan dan semakan ke tapak projek berkenaan. Selain itu, bagi tujuan penyelarasan, penyaluran dan pemantauan projek akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui penubuhan Majlis Tindakan Negeri. Dua jawatankuasa lain turut dibentuk bagi membantu Majlis Tindakan Negeri iaitu Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Penyelaras Penyelaras Projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah Negeri Perlis.

**a) Majlis Tindakan Negeri**

Fungsi Majlis Tindakan Negeri antaranya adalah untuk menentukan dasar dan strategi penyediaan kemudahan perumahan yang mempunyai kemudahan asas dan sosial untuk golongan berpendapatan rendah secara makro selaras dengan agenda Kerajaan Negeri serta menetapkan langkah sokongan dan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan matlamat projek PAKR tercapai. Majlis akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa 6 bulan bagi memantau keberkesanan strategi yang diatur.

**b) Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri**

Jawatankuasa ini berperanan sebagai mekanisme penyelarasan terhadap perancangan yang mempunyai hubung kait mengenai perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah di peringkat negeri. Jawatankuasa ini menetapkan strategi dan keutamaan pelaksanaan projek dan memastikan usaha dijalankan secara bersepada. Selain itu, Jawatankuasa ini akan memastikan kumpulan sasar mendapat faedah daripada projek yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat secara bulanan.

**c) Jawatankuasa Penyelarasan Projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah Negeri**

Jawatankuasa Penyelarasan Projek-projek Perumahan Awam Kos Rendah Negeri merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan menyelaras, mengawasi dan menilai pelaksanaan projek PAKR di Negeri Perlis. Jawatankuasa ini akan menyediakan laporan kemajuan Projek PAKR kepada Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri. Laporan ini akan digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan penempatan penghuni/pembeli di projek PAKR berkenaan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah telah dirancang dengan baik. Unit Perumahan Negeri telah dapat mengenal pasti sumber kewangan, mempunyai garis panduan yang mencukupi untuk membolehkannya berfungsi dengan baik dan kaedah pemantauan yang diwujudkan untuk memantau aktiviti pengurusan perumahan awam kos rendah adalah memadai.**

## **10.2 PELAKSANAAN**

Bagi memastikan rumah yang dibina dapat diagihkan kepada golongan sasar yang ditetapkan, maka Unit Perumahan Negeri perlu memastikan segala perancangan dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

### **10.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Semua projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) yang dilaksanakan perlu menepati Dasar Kerajaan Negeri yang menekankan kepada kualiti rumah yang dibina dan menyediakan lokasi yang sesuai supaya dapat mewujudkan suasana hidup yang selesa. Secara umumnya pelaksanaan projek PAKR adalah selaras dengan agenda pembangunan untuk menyediakan rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah dan bukannya untuk keuntungan semata-mata. Unit Perumahan Negeri ada menjalankan kajian penilaian untuk mengukur pencapaian projek PAKR. Kerajaan Negeri juga mendapati permintaan rumah kos rendah daripada golongan berpendapatan rendah telah meningkat. Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan untuk memperbanyak lagi pembinaan rumah awam kos rendah berasaskan kepada keperluan dan kemampuan rakyat melalui RMK-9.

#### **a) Dasar Perumahan Negeri**

Jawatankuasa Penyelaras Perumahan Negeri Perlis merupakan Jawatan Kuasa yang memastikan Dasar Perumahan Negeri dipatuhi dengan mengawal urusan pembangunan rumah, premis kediaman atau perniagaan Negeri Perlis. Jawatan Kuasa ini juga menimbang dan menyediakan perakuan kepada semua permohonan bagi membina rumah atau premis untuk maksud jualan dan menentukan syarat perumahan dipatuhi oleh pemaju perumahan. Semakan Audit terhadap Fail Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Perumahan Negeri Perlis mendapati sepanjang tahun 2005, Jawatankuasa ini telah menetapkan beberapa tatacara program perumahan dan menimbangkan permohonan pemajuan projek perumahan daripada pemaju perumahan antaranya adalah Dasar Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu, Peraturan Pengurusan Penempatan Semula Setinggan Ke Rumah PPR Disewa, Cadangan Pembangunan Projek Perumahan Awam Guar Sanji dan Cadangan Pembangunan Projek Perumahan Awam Pauh VI.

**Pihak Audit berpendapat, Dasar Perumahan Negeri bagi pengurusan projek perumahan awam kos rendah di Negeri Perlis yang dijadikan dasar tetap Kerajaan Negeri adalah baik memandangkan hasrat Kerajaan bagi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah dapat dilaksanakan.**

**b) Dasar Baru Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Projek PPR dimiliki dilaksanakan sepenuhnya oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Tanggungjawab ini adalah termasuk perancangan awal, pelantikan juru perunding, pengurusan tender dan sebagainya. Kerajaan Negeri pula bertanggungjawab menyediakan tapak yang sesuai dan strategik untuk pembangunan PPR dimiliki di mana kos tanah dan 50% kos infrastruktur ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dalam bentuk geran. Harga jualan rumah PPR dimiliki adalah antara RM25,000 hingga RM35,000 berdasarkan harga tanah dan lokasi projek iaitu di Bandar Raya, Bandar Besar dan Pinggir Bandar, Bandar Kecil atau Luar Bandar. Kelebihan PPR dimiliki Dasar Baru ialah Kerajaan Negeri tidak lagi perlu meminjam dan mengutip bayaran jualan rumah kos rendah kerana semua kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Semakan terhadap Fail Projek Perumahan Awam Kos Rendah mendapati sebanyak 2 projek PAKR yang telah diluluskan untuk dibangunkan bawah RMK-8 iaitu PAKR Kubang Gajah dan PAKR Kuala Perlis V telah diserahkan kepada SPNB untuk pembangunan projek PPR dimiliki. Tapak projek bagi PPR Kubang Gajah telah selesai dibuat pengambilan balik tanah manakala tapak projek bagi PPR Kuala Perlis V masih di peringkat bayaran award pampasan kepada pemilik dan pengusaha tanah.

Projek PPR disewa pula dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang mana keutamaan melaksanakan projek ini diberikan kepada tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kos penyediaan tapak dan pembinaan bangunan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Rumah PPR Disewa adalah disewakan pada kadar harga RM124 sebulan. Projek yang telah siap dibina akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi urusan penyewaan dan kerja-kerja penyelenggaraan. Melalui temu duga rumah yang dijalankan oleh Unit Perumahan Negeri mendapati pemohon rumah di Negeri Perlis kurang berminat untuk menyewa rumah yang dibina kerana mereka lebih berminat untuk memiliki rumah yang dipohonkan. Pada bulan April 2005, Jawatankuasa Penyelaras Perumahan Negeri Perlis telah memutuskan sebanyak 4 projek baru bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa dilaksanakan bawah tempoh RMK-9. Projek yang terlibat adalah PAKR Guar Sanji, PAKR Kuala Sanglang, PPR Kuala Perlis (Seberang Jaya) dan PAKR Behor Empiang.

**Pada pendapat Audit, Unit Perumahan Negeri telah mengambil tindakan sewajarnya untuk mematuhi Dasar yang ditetapkan bagi memperbanyakkan pembinaan perumahan awam kos rendah untuk memberi peluang kepada**

**golongan berpendapatan rendah memiliki atau menyewa rumah yang mampu dimiliki atau disewa.**

**c) Dasar Pemilikan Rumah**

Pada tahun 1998, dasar pemilikan rumah awam kos rendah secara jualan terus telah diperkenalkan bagi menggantikan pemilikan rumah secara sewa beli. Ianya bertujuan untuk mengatasi masalah jumlah tunggakan bayaran ansuran rumah awam kos rendah yang semakin bertambah setiap tahun. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 mendapati kutipan ansuran perumahan awam telah menurun pada setiap tahun kecuali bagi tahun 2002. Manakala kutipan bayaran terus perumahan awam hanya meningkat pada tahun 2004. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri turut menghadapi masalah tunggakan ansuran perumahan awam yang kian meningkat setiap tahun. Kedudukan kutipan ansuran, bayaran terus dan tunggakan perumahan awam kos rendah adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Kutipan Ansuran, Bayaran Terus Dan Tunggakan**  
**Perumahan Awam Kos Rendah**  
**Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005**

Tahun	Ansuran (Sewa Beli) (RM Juta)	Jualan Terus Harga Rumah (RM Juta)	Tunggakan Ansuran (RM Juta)
2001	2.44	0.71	7.41
2002	2.54	0.36	7.57
2003	2.23	0.21	7.82
2004	1.85	1.19	8.25
2005	1.63	0.33	8.59
<b>Jumlah</b>	<b>10.69</b>	<b>2.80</b>	

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

**Pada pendapat Audit, kutipan ansuran perumahan awam dan jualan terus adalah tidak memuaskan kerana tunggakan ansuran masih lagi meningkat setiap tahun.**

**10.2.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Pada keseluruhannya, undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan projek perumahan awam kos rendah seperti mana yang dikehendaki telah dipatuhi oleh Unit Perumahan Negeri semasa menjalankan urusan permohonan pengambilan balik tanah untuk projek perumahan awam, urusan mereka bentuk rumah

dan urusan untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki. Status tanah projek Perumahan Awam Kos Rendah adalah diletak hak kepada Menteri Besar DiPerbadankan (MBI). Oleh itu, permohonan pengambilan balik tanah akan dibuat oleh MBI melalui Unit Perumahan Negeri seperti kehendak Seksyen 3 (1)(c), Akta Pengambilan Tanah 1960. Jabatan Tanah Dan Galian pula akan menguruskan pemberian hak milik tanah projek kepada agensi yang memohon iaitu MBI selepas selesai pengambilan balik tanah. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan bayaran pampasan pengambilan balik tanah. Pihak MBI dikehendaki menyerah balik tanah projek PAKR yang terlibat kepada kerajaan berserta butiran perbelanjaan yang telah dibuat bagi pemajuan tanah tersebut.

**Pada pendapat Audit, Unit Perumahan Negeri telah menjalankan tanggungjawabnya untuk memastikan undang-undang dan peraturan yang berkaitan pengurusan projek perumahan awam kos rendah dipatuhi dengan baik.**

#### **10.2.3 Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Projek**

Garis panduan pengurusan projek telah menggariskan beberapa panduan untuk dilaksanakan oleh Unit Perumahan Negeri. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **a) Perancangan Dan Reka Bentuk Perumahan Kos Rendah**

Unit Perumahan Negeri, Jabatan Perumahan Negara Cawangan Wilayah Utara yang bertindak sebagai wakil Penguasa Projek dan pihak kontraktor telah membuat perancangan dan reka bentuk projek perumahan awam kos rendah seperti yang ditetapkan oleh garis panduan berkaitan. Lawatan Audit pada bulan Disember 2005 ke 6 tapak projek PAKR yang telah disiapkan dan masih dalam pembinaan mendapati keperluan perancangan dan reka bentuk bagi setiap projek PAKR seperti saiz satu unit kediaman dan infrastruktur yang lain seperti air, pembetungan, jalan, padang kanak-kanak dan landskap telah diambil kira mengikut garis panduan dan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati ada perbezaan spesifikasi antara satu projek dengan projek yang lain. PAKR Beseri Paya III, PAKR Wang Kelian dan PAKR Tambun Tulang menggunakan lantai jubin di bahagian dapur manakala 3 projek lagi menggunakan lantai simen sahaja. Selain itu, setiap unit rumah bagi projek PAKR Beseri Paya III dan PAKR Chuping II Fasa II disediakan dengan pagar di bahagian hadapan rumah bersama dengan sebuah pintu logam manakala 4 projek lain iaitu PAKR Tambun Tulang, PAKR Santan II, PAKR Kangar V dan PAKR Wang Kelian tidak disediakan pagar.

**Pada pendapat Audit, perbezaan spesifikasi antara satu projek PAKR dengan projek PAKR yang lain adalah disebabkan reka bentuk projek disediakan oleh pihak kontraktor mengikut konsep reka dan bina.**

**b) Penetapan Harga Baru Rumah Kos Rendah**

Kerajaan Negeri telah memperakarkan harga jualan bagi rumah lot tengah PAKR adalah antara RM29,000 hingga RM40,000. Manakala harga jualan untuk rumah lot tepi pula harganya mengikut harga jualan rumah lot tengah dan harga tanah. Harga jualan rumah lot tepi dikira berasingan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta mengikut keluasan tanah. Semakan Audit terhadap Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mendapati, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan penetapan harga jualan rumah PAKR bagi projek PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Tambun Tulang, PAKR Kangar V, PAKR Beseri Paya III, PAKR Simpang Empat III, PAKR Santan II dan PAKR Wang Kelian. Kedudukan harga jualan seunit rumah PAKR tersebut adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Harga Jualan Rumah PAKR**

Bil.	Projek	Harga Seunit Rumah Tengah	
		Dicadangkan (RM)	Diluluskan (RM)
1.	PAKR Chuping II Fasa II Pekan Kecil	29,000	29,000
2.	PAKR Tambun Tulang Luar Bandar	26,000	30,000
3.	PAKR Kangar V Bandar Utama	35,000	40,000
4.	PAKR Beseri Paya III Pekan Kecil	30,000	35,000
5.	PAKR Santan II Luar Bandar	35,000	35,000
6.	PAKR Wang Kelian Pekan Kecil	27,000 (Kelompok) 32,000 (Kembar 2)	32,000 37,000
7.	PAKR Simpang Empat III Pekan Kecil	31,000	31,000

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha

Kerajaan Perlis

**i) PAKR Kangar V**

PAKR Kangar V terletak di dalam kategori bandar utama yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan. Projek ini mengandungi 164 unit rumah teres jenis kluster. Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Harga Baru Rumah Kos Rendah, harga jualan rumah bagi projek ini ditetapkan pada harga RM35,000 seunit. Semakan Audit terhadap Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mendapati Pihak Berkuasa Negeri telah menaikkan harga rumah kos rendah bagi projek PAKR Kangar V kepada RM40,000 seunit kerana

kedudukannya yang terletak di dalam bandar Kangar dan tidak ekonomik menetapkan harga jualan rumah PAKR tersebut pada harga RM35,000 seunit. Semakan Audit terhadap Laporan Kewangan Projek yang disediakan oleh Unit Perumahan Negeri juga mendapati kos perbelanjaan sebenar bagi projek ini berjumlah RM5.42 juta berbanding dengan kos projek berjumlah RM4.26 juta.

**Pada pendapat Audit, harga jualan rumah yang ditetapkan pada harga RM40,000 seunit adalah memadai kerana ianya dapat menampung kos perbelanjaan sebenar projek berjumlah RM5.42 juta. Hasil jualan rumah yang dianggarkan akan diperolehi adalah berjumlah RM6.56 juta.**

**ii) PAKR Tambun Tulang**

PAKR Tambun Tulang terletak di dalam kategori luar bandar dan berdekatan dengan kawasan perumahan. Projek ini mengandungi 335 unit rumah teres satu tingkat. Harga jualan seunit rumah lot tengah bagi projek ini dicadangkan pada harga RM26,000 seunit. Semakan Audit terhadap Laporan Kewangan Projek yang disediakan oleh Unit Perumahan Negeri mendapati kos perbelanjaan sebenar bagi projek ini adalah berjumlah RM11.05 juta berbanding dengan kos projek berjumlah RM10.05 juta. Projek ini telah disiapkan pada bulan Julai 2001 dan sehingga tahun 2005 belum diduduki menyebabkan kebanyakan bangunan rumah telah mengalami kerosakan akibat daripada perbuatan vandalisme. Unit Perumahan Negeri menganggarkan kos memperbaiki kerosakan tersebut adalah berjumlah RM4,000 bagi seunit rumah. Oleh itu, Unit Perumahan Negeri telah mencadangkan supaya Pihak Berkuasa Negeri menyemak semula harga jualan rumah bagi projek ini dengan mengambil kira kos pembaikan untuk tujuan tawaran kepada pemohon yang berjaya. Harga jualan rumah PAKR Tambun Tulang telah dinaikkan daripada RM26,000 seunit kepada RM30,000 seunit.

**Pada pendapat Audit, harga jualan rumah yang ditetapkan pada harga RM30,000 masih tidak dapat menampung kos perbelanjaan projek sebenar iaitu berjumlah RM11.05 juta kerana hasil jualan rumah yang diperolehi dengan harga jualan tersebut adalah berjumlah RM10.05 juta. Unit Perumahan Negeri terpaksa menjual sebanyak 369 unit rumah berbanding 335 unit rumah yang telah dibina bagi projek ini untuk menampung kos perbelanjaan projek sebenar.**

### **iii) PAKR Beseri Paya III**

Unit Perumahan Negeri telah mencadangkan harga jualan seunit rumah lot tengah bagi PAKR Beseri Paya III pada harga RM30,000 seunit. Semakan Audit terhadap Laporan Kewangan Projek yang disediakan oleh Unit Perumahan Negeri mendapati kos perbelanjaan sebenar projek telah meningkat kepada RM2.34 juta berbanding dengan kos projek asal berjumlah RM2.25 juta. Oleh itu, harga jualan seunit rumah lot tengah bagi projek ini telah dinaikkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada harga RM35,000 seunit. Projek ini juga telah lama disiapkan iaitu pada bulan November 2001. Kelewatan menawarkan rumah yang disebabkan masalah penyediaan hak milik dan penentuan lot rumah untuk kuota bukan bumiputera menyebabkan kebanyakan bangunan rumah di projek ini telah mengalami kerosakan akibat perbuatan vandalisme dan kecurian harta benda. Unit Perumahan Negeri telah menganggarkan kos pembaikan bagi kerosakan tersebut adalah berjumlah RM5,000 seunit rumah.

**Pada pendapat Audit, harga jualan rumah yang ditetapkan pada harga RM35,000 seunit adalah berpatutan kerana ianya dapat menampung kos perbelanjaan projek sebenar berjumlah RM2.34 juta. Hasil jualan rumah bagi 92 unit rumah yang telah siap dibina untuk projek ini dianggarkan berjumlah RM3.22 juta iaitu melebihi RM0.88 juta daripada kos perbelanjaan sebenar.**

### **iv) PAKR Santan II**

Mengikut Garis Panduan Penetapan Harga Baru Rumah Kos Rendah, harga jualan rumah untuk projek PAKR yang berlokasi di luar bandar adalah berjumlah RM25,000 seunit. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2005, kos perbelanjaan sebenar projek telah meningkat kepada RM13.31 juta berbanding dengan harga kontrak berjumlah RM10.11 juta. Oleh itu, harga jualan rumah dengan RM25,000 seunit tidak dapat menampung kos perbelanjaan projek sebenar. Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan harga jualan rumah bagi projek ini adalah pada harga RM35,000 seunit.

**Pada pendapat Audit, sekiranya perumahan di projek PAKR Santan II yang mengandungi 339 unit rumah dijual pada harga jualan RM35,000 maka hasil jualan yang diperolehi adalah berjumlah RM11.86 juta. Jumlah yang diperolehi ini masih tidak dapat menampung kos perbelanjaan projek. Projek PAKR Santan II masih dalam pembinaan yang mana kemajuan**

**fizikal projek adalah 98%. Berkemungkinan kos perbelanjaan projek akan meningkat lagi apabila projek disiapkan kelak.**

v) **PAKR Wang Kelian**

PAKR Wang Kelian terletak di dalam kategori pekan kecil yang berfungsi sebagai pusat perdagangan dan bandar sempadan. Projek ini mengandungi 108 unit rumah kelompok dan 40 unit rumah kembar 2. Harga jualan rumah bagi PAKR Wang Kelian telah dicadangkan pada harga RM27,000 seunit bagi rumah kelompok dan RM32,000 seunit bagi rumah kembar 2. Semakan Audit terhadap Laporan Kewangan Projek mendapati sehingga bulan Disember 2005, kos perbelanjaan sebenar projek adalah berjumlah RM4.74 juta. Bagaimanapun, projek ini masih dalam pembinaan yang mana kemajuan fizikal projek sehingga akhir tahun 2005 adalah 85%. Harga kontrak bagi projek ini adalah berjumlah RM5.63 juta. Projek ini belum dapat disiapkan sepenuhnya walaupun tarikh penyiapan projek yang dijadualkan adalah pada bulan Januari 2002. Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan harga jualan rumah bagi projek ini adalah RM32,000 seunit bagi rumah kelompok dan RM37,000 seunit bagi rumah kembar 2. Hasil jualan rumah pada harga tersebut dianggarkan berjumlah RM3.46 juta bagi rumah kelompok dan RM1.48 juta bagi rumah kembar 2. Keseluruhan jumlah hasil jualan rumah yang diperolehi bagi projek ini adalah berjumlah RM4.94 juta iaitu berkurangan sebanyak RM0.69 juta berbanding dengan harga kontrak.

**Pada pendapat Audit, harga jualan rumah yang ditetapkan pada harga RM32,000 bagi rumah kelompok dan RM37,000 bagi rumah kembar 2 masih tidak dapat menampung harga kontrak berjumlah RM5.63 juta. Unit Perumahan Negeri perlu menjual dengan harga RM39,000 seunit rumah bagi 148 unit untuk menampung kos projek.**

vi) **PAKR Chuping II Fasa II**

PAKR Chuping II Fasa II terletak di dalam kategori pekan kecil yang berfungsi sebagai pusat perindustrian. Projek ini mengandungi 112 unit rumah teres satu tingkat. Harga jualan rumah bagi PAKR ini telah dicadangkan pada harga RM29,000 seunit dan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada harga tersebut tanpa pindaan. Semakan Audit terhadap Laporan Kewangan Projek mendapati kos perbelanjaan sebenar projek sehingga akhir tahun 2005 adalah berjumlah RM2.96 juta berbanding dengan harga kontrak berjumlah RM2.91 juta.

**Pada pendapat Audit, harga jualan rumah yang ditetapkan pada harga RM29,000 seunit bagi PAKR Chuping II Fasa II dapat menampung kos perbelanjaan sebenar projek berjumlah RM2.96 juta.**

**Pada pendapat Audit, penetapan harga rumah PAKR yang dibuat adalah tidak memuaskan kerana ianya tidak menguntungkan Kerajaan Negeri. Namun begitu, projek Perumahan Awam Kos Rendah merupakan tanggungjawab sosial kerajaan kepada rakyat dan pulangan kewangan sukar dinyatakan. Pengukuran daripada segi pulangan sosial dilihat dengan mengambil kira bilangan rakyat yang tidak berharta dan tidak mampu membina rumah sendiri dapat memiliki rumah yang selesa.**

**c) Pemilihan Pembeli Dan Penyewaan Rumah Kos Rendah Secara Sistem Pendaftaran Terbuka**

Unit Perumahan Negeri telah menggunakan Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) mulai akhir tahun 1997 sebagai langkah untuk menyediakan maklumat dan menentukan permohonan, pemilihan, pembahagian, tawaran dan penjualan rumah kos rendah dibuat secara teratur kepada kumpulan sasar yang layak sahaja. Penggunaan SPT juga adalah untuk mengelakkan penyalahgunaan borang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab atau cuba mengambil kesempatan yang tidak sihat terhadap pemohon rumah kos rendah. Unit Perumahan Negeri telah menetapkan proses berikut untuk pemilihan pemohon.

**i) Proses Permohonan Rumah PAKR**

Individu yang berminat untuk memiliki rumah boleh mendapatkan borang permohonan di Unit Perumahan Negeri dengan bayaran RM2 setiap borang permohonan. Setiap permohonan yang lengkap diisi dan diterima didaftarkan ke SPT dengan bayaran RM10 sebagai bayaran proses. Unit Perumahan Negeri telah menetapkan kriteria permohonan perumahan awam kos rendah terhadap golongan yang disasarkan seperti mana dinyatakan dalam borang permohonan rumah. Kriteria penting yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia dan anak watan Negeri Perlis atau telah bermastautin di Negeri Perlis melebihi 5 tahun.
- Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas serta telah berkahwin.

- Warganegara Malaysia yang belum berkahwin hendaklah berumur 30 tahun ke atas pada tarikh permohonan.
- Pendapatan pemohon di antara RM500 hingga RM1,500 sebulan.
- Pemohon atau suami/isteri pemohon yang telah memiliki rumah tidak dibenarkan memohon.

Mengikut kriteria yang ditetapkan dalam borang permohonan, pemohon yang belum berkahwin hendaklah berumur 30 tahun ke atas pada tarikh permohonan. Semakan Audit terhadap borang permohonan PAKR Tambun Tulang mendapat 2 orang pemohon tidak memenuhi kriteria permohonan yang ditetapkan telah ditawarkan untuk membeli rumah di projek tersebut. Kedua pemohon tersebut belum berkahwin dan berumur 21 serta 28 tahun. Kriteria permohonan PAKR juga menghendaki pemohon atau suami/isteri pemohon yang telah memiliki rumah tidak dibenarkan memohon rumah PAKR. Semakan Audit terhadap borang permohonan PAKR Beseri Paya III mendapat seorang pemohon telah ditawarkan untuk membeli rumah di PAKR tersebut walau pun suami pemohon telah memiliki rumah di PAKR Beseri Paya II.

**Pada pendapat Audit, pemilihan pembeli rumah PAKR yang dijalankan adalah tidak memuaskan kerana terdapat pemohon yang tidak memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan telah ditawarkan untuk membeli rumah PAKR.**

#### ii) Proses Temu Duga Pemohon

Unit Perumahan Negeri bertanggungjawab menyenaraikan nama pemohon yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan melalui Sistem Pendaftaran Terbuka mengikut lokasi sesuatu projek yang terlibat. Pemohon yang layak dipanggil temu duga mengikut kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri masing-masing bagi memudahkan pemohon. Pemohon dikehendaki hadir bersama isteri atau suami masing-masing untuk ditemu duga. Dokumen yang perlu dibawa semasa temu duga adalah kad pengenalan, surat beranak, kad pengenalan isteri atau suami, resit sewa rumah jika pemohon tinggal menyewa, senarai ahli keluarga jika pemohon tinggal dengan keluarga sendiri atau mertua dan lain-lain dokumen yang boleh menyokong permohonan rumah.

Bagi memastikan proses temu duga pemohon berjalan dengan sempurna, Jawatankuasa Penemu duga bagi setiap projek PAKR yang terdiri daripada Penolong Setiausaha Kerajaan (Perumahan Dan Kerajaan Tempatan) sebagai

Pengerusi dan Penolong Setiausaha Kerajaan/Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri serta Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan berkenaan sebagai Ahli Jawatankuasa telah dilantik. Setiausaha Politik atau ahli politik selaku pemerhati dan Setiausaha pula adalah seorang Pembantu Tadbir di Unit Perumahan Negeri. Berdasarkan pemarkahan semasa temu duga, Jawatankuasa Pemilih Perumahan Awam Negeri yang dilantik pula bertanggungjawab menyenaraikan nama pemohon yang berkelayakan membeli rumah awam kos rendah dan mengemukakannya kepada Lembaga Perumahan Awam Negeri untuk disediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk perakuan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Selepas itu, senarai nama yang diluluskan dikemukakan untuk mendapatkan pengesahan daripada Pejabat Menteri Besar.

Semakan Audit terhadap Fail Permohonan PAKR mendapati sebanyak 4 projek PAKR telah dijalankan temu uga. Projek PAKR yang terlibat adalah PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Tambun Tulang, PAKR Beseri Paya III dan PAKR Kangar V. Temu duga bagi PAKR Chuping II Fasa II telah dijalankan pada bulan Julai, Oktober dan Disember 1999 serta bulan Februari, Mac dan Jun 2002 iaitu selepas 2 bulan projek PAKR telah disiapkan pada bulan Mei 1999. Manakala temu duga bagi PAKR Tambun Tulang telah dijalankan pada bulan Mei 2002 dan Januari 2003 iaitu 10 bulan selepas projek PAKR tersebut disiapkan pada bulan Julai 2001. Semakan Audit juga mendapati temu duga bagi PAKR Beseri Paya III telah dijalankan pada bulan Julai 1999, Mac dan September 2000. Projek ini telah disiapkan pada bulan November 2001 dan temu duga telah dijalankan sebelum projek disiapkan. Temu duga bagi projek PAKR Kangar V telah dijalankan pada bulan Oktober dan Disember 1999 serta Januari 2000. Projek PAKR Kangar V telah disiapkan pada bulan Februari 2002. Oleh itu, temu duga bagi projek ini juga telah dijalankan sebelum projek PAKR ini disiapkan.

**Pada pendapat Audit, temu duga yang dijalankan adalah memuaskan kerana ianya telah dijalankan sebelum projek disiapkan supaya pengagihan rumah dapat dilakukan dengan segera.**

### **iii) Proses Tawaran Rumah Kepada Pemohon**

Surat tawaran membeli rumah kos rendah dikeluarkan oleh Unit Perumahan Negeri bagi pihak Lembaga Perumahan Awam Negeri kepada pemohon yang berjaya berserta dengan syarat-syarat tawaran permohonan. Sekiranya

pemohon bersetuju menerima tawaran rumah tersebut, beliau dikehendaki hadir ke Unit Perumahan Negeri untuk cabutan undi rumah pada tarikh dan waktu yang ditetapkan dengan membawa bersama kad pengenalan dan Borang Persetujuan Membeli Rumah. Syarat tawaran untuk membeli rumah kos rendah adalah seperti berikut:

- Penjualan rumah adalah secara tunai dan perjanjian jual beli disediakan sekiranya pemohon bersetuju menerima tawaran rumah.
- Mengurus sendiri pembiayaan/pinjaman perumahan dari bank/institusi kewangan/Bahagian Pinjaman Perumahan Perbadanan Malaysia dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat perjanjian jual beli diserahkan dan sekiranya gagal mendapat pinjaman atau menjelaskan semua bayaran harga rumah dalam tempoh berkenaan maka dengan sendirinya tawaran rumah adalah terbatal/mengikut tempoh surat perjanjian jual beli.
- Menguruskan sendiri urusan penyambungan bekalan air dengan Jabatan Kerja Raya Perlis (Bahagian Bekalan Air) dan bekalan elektrik dengan Tenaga Nasional Berhad, Wilayah Perlis.
- Kunci rumah diserahkan setelah semua bayaran harga rumah telah dijelaskan dengan sepenuhnya. Pemohon dikehendaki membeli tong sampah dari Majlis Perbandaran Kangar dan resit pembelian hendaklah ditunjukkan semasa mengambil kunci rumah.
- Bersedia mematuhi arahan/peraturan seperti yang disebutkan di dalam surat perjanjian jual beli dan arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa lain yang berkenaan.

Semakan Audit terhadap Fail Permohonan PAKR mendapati sebanyak 4 projek PAKR telah dikeluarkan surat tawaran rumah kepada pemohon yang berjaya. Projek PAKR yang terlibat adalah PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Tambun Tulang, PAKR Beseri Paya III dan PAKR Kangar V. PAKR Chuping II Fasa II mengandungi 112 unit rumah dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 82 unit rumah telah ditawarkan kepada pemohon yang berjaya manakala bakinya sebanyak 30 unit akan ditawarkan pada peringkat seterusnya. Sebanyak 76 unit rumah telah ditawarkan kepada pemohon yang berjaya untuk membeli rumah di PAKR Tambun Tulang dan bakinya sebanyak 259 akan ditawarkan pada peringkat kedua. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 54 unit rumah telah ditawarkan kepada pemohon yang berjaya untuk membeli rumah di PAKR Beseri Paya III dan bakinya sebanyak 38 unit rumah lagi akan ditawarkan pada

peringkat seterusnya. Manakala sebanyak 127 unit rumah telah ditawarkan kepada pemohon yang berjaya untuk membeli rumah di PAKR Kangar V dan bakinya sebanyak 37 unit rumah lagi akan ditawarkan pada peringkat seterusnya. Secara keseluruhannya sebanyak 339 daripada 703 unit rumah bagi 4 projek tersebut telah ditawarkan kepada pemohon yang berjaya.

**Pada pendapat Audit, prestasi penawaran rumah kepada pemohon yang berjaya adalah tidak memuaskan kerana hanya 339 daripada 703 unit rumah sahaja yang selesai ditawarkan kepada pemohon yang berjaya.**

#### **10.2.4 Kajian Keperluan Pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah**

Unit Perumahan Negeri dengan bantuan Jabatan Perumahan Negara telah menjalankan kajian terhadap beberapa lokasi projek di Negeri Perlis yang sesuai dan berpotensi untuk dimajukan PAKR. Lawatan Audit ke 7 tapak projek PAKR iaitu PAKR Kangar V, PAKR Simpang Empat III, PAKR Tambun Tulang, PAKR Beseri Paya III, PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Santan II dan PAKR Wang Kelian pada bulan Disember 2005 dan Februari 2006 mendapati perkara berikut:

##### **a) Lokasi Projek**

Lokasi projek perlu dikenal pasti bagi memastikan terdapatnya permintaan terhadap rumah PAKR di kawasan yang akan dibangunkan. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati sebanyak 6 lokasi projek PAKR yang dipilih adalah mengikut laporan kajian keperluan iaitu berdekatan dengan kawasan penempatan sedia ada, laluan jalan raya utama, kemudahan infrastruktur dan asas yang mencukupi seperti bekalan air serta elektrik. Bagaimanapun, lokasi projek PAKR Wang Kelian didapati berjauhan daripada kemudahan asas seperti hospital, sekolah dan taman rekreasi. Bagaimanapun, mengikut ulasan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, lokasi tapak projek PAKR Wang Kelian adalah di dalam kawasan zon sensitif pencemaran alam (kawasan tадahan air Empangan Timah Tasoh). Tapak projek ini bersempadan dengan aliran sungai sedia ada yang mengalir ke kawasan rekreasi utama Negeri Perlis iaitu Taman Rekreasi Gua Kelam. Oleh itu, kemajuan kawasan ini hendaklah dipastikan tidak mewujudkan kesan negatif kepada alam sekitar. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Wang Kelian mendapati tapak projek ini berkeluasan 43,208 meter persegi dengan mengambil kira keadaan semula jadi termasuk sebatang anak sungai yang terdapat di tapak projek berkenaan. Tapak tersebut tidak cukup luas setelah mengambil kira penyediaan tapak untuk kemudahan asas yang telah disyaratkan. Di samping itu, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa juga

telah mewajibkan pembinaan kolam takungan bagi menakung air kumbahan domestik sebelum dialirkan ke dalam sungai yang berhampiran. Pembinaan kolam takungan ini telah mengurangkan keluasan tapak projek untuk pembinaan unit rumah bagi projek ini. Projek PAKR Wang Kelian telah menghadapi pelbagai masalah di peringkat awal pembinaan disebabkan pemilihan tapak yang tidak sesuai. Setiap program PAKR yang dibangunkan mempunyai fungsi tertentu, contohnya, berdekatan dengan tempat bekerja supaya rumah kos rendah yang telah dibina mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembeli. Walaupun demikian, pemilihan tapak pembinaan PAKR tidak berdasarkan kepada permintaan daripada pemohon. **Jadual 12** menunjukkan kedudukan kawasan projek PAKR yang dibangunkan.

**Jadual 12**  
**Kawasan Dan Fungsi Lokasi PAKR**

Bil.	Projek	Kawasan	Fungsi
1.	PAKR Kangar V	Bintong	Pusat Pentadbiran dan Perniagaan
2.	PAKR Simpang Empat III	Simpang Empat	Pusat Perkhidmatan
3.	PAKR Tambun Tulang	Tambun Tulang	Kawasan Perumahan
4.	PAKR Beseri Paya III	Beseri	Pusat Perkhidmatan
5.	PAKR Chuping II Fasa II	Bukit Keteri	Pusat Perindustrian
6.	PAKR Santan II	Santan	Kawasan Perumahan
7.	PAKR Kuala Perlis IV	Tok Kuning	Pelaburan, Perikanan & Perniagaan
8.	PAKR Wang Kelian	Wang Kelian	Pusat Perdagangan, Bandar Sempadan
9.	PAKR Kuala Perlis V	Kuala Perlis	Pusat Perindustrian dan Perdagangan
10.	PAKR Sungai Baru	Sungai Baru	Pusat Perkhidmatan
11.	PAKR Mata Ayer V	Mata Ayer	Pusat Perkhidmatan
12.	PAKR Kubang Gajah	Kubang Gajah	Pusat Perindustrian dan Perniagaan
13.	PAKR Ulu Pauh	Pauh	Pusat Perkhidmatan
14	PAKR Sena	Kampung Baru	Pusat Pentadbiran dan Perniagaan

*Sumber : Rekod Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perlis*

**b) Tapak Projek**

Tapak projek PAKR memerlukan urusan pengambilan balik tanah yang luas. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR mendapati seluas 70.99 hektar tanah telah dicadangkan dan diluluskan untuk pembinaan projek PAKR di bawah RMK-7. Daripada jumlah tersebut, seluas 35.05 hektar tanah telah dibangunkan projek perumahan PAKR. Manakala bakinya seluas 35.94 hektar belum dibangunkan projek perumahan iaitu bagi projek PAKR Simpang Empat III dan PAKR Kuala Perlis IV. Di bawah RMK-8 pula, seluas 118.73 hektar telah dicadangkan untuk

pembinaan perumahan PAKR. Daripada jumlah tersebut, seluas 67.37 hektar tanah telah selesai dibuat pengambilan balik tanah. Manakala tanah seluas 51.36 hektar masih di peringkat pengambilan balik tanah dan tapak projek bagi PAKR Ulu Pauh yang terletak bersempadan dengan kuari tanah Bukit Keriang Pulas terpaksa di pindah ke lokasi lain kerana sebahagian daripada tapak projek telah menjadi kawasan pembangunan yang akan dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis. Kedudukan keluasan tanah yang terlibat dengan projek perumahan PAKR adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Kedudukan Keluasan Tanah Yang Terlibat Dengan**  
**Projek Perumahan PAKR**

Bil.	Projek	Lokasi	Unit	Luas Kawasan (Hektar)
<b>RMK-7</b>				
1.	PAKR Chuping II Fasa II	Bukit Keteri	112	2.48
2.	PAKR Tambun Tulang	Tambun Tulang	335	7.88
3.	PAKR Kangar V	Bintong	164	2.79
4.	PAKR Beseri Paya III	Beseri	92	2.31
5.	PAKR Wang Kelian	Wang Kelian	148	4.00
6.	PAKR Santan II	Santan	339	15.59
7.	PAKR Kuala Perlis IV	Tok Kuning	1,000	32.74
8.	PAKR Simpang Empat III	Simpang Empat	283	3.20
<b>RMK-8</b>				
1.	PAKR Kubang Gajah	Kubang Gajah	1,000	54.70
2.	PAKR Sena	Kampung Baru	500	18.62
3.	PAKR Sungai Baru	Sungai Baru	200	7.00
4.	PAKR Mata Ayer V	Mata Ayer	200	5.67
5.	PAKR Ulu Pauh	Pauh	500	Belum Dikenalpasti
6.	PAKR Kuala Perlis V	Kuala Perlis	2,000	32.74

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

### c) Kajian Tanah

Kajian tanah adalah penting dijalankan untuk menentukan kesesuaian tapak bagi pembinaan perumahan awam kos rendah. Semakan Audit terhadap Surat Perjanjian Penamatan Kontrak yang ditandatangani pada bulan Julai 2000 mendapati pembinaan 115 unit rumah di PAKR Simpang Empat III telah ditamatkan secara saling dan kontraktor Syarikat Mat Ishak Dan Keluarga Sdn. Bhd. telah dibayar setakat kerja yang telah dibuat. Penamatan Kontrak ini dibuat kerana tapak

projek PAKR Simpang Empat III telah berlaku mendapan setelah kontraktor menyempurnakan kerja penimbunan tanah pada bulan Disember 1998 sehingga menyebabkan lebihan tanah telah digunakan dan kerja-kerja pembinaan 115 unit rumah teres terpaksa ditamatkan kerana wakil Pengguna Projek bimbang berlaku mendapan berterusan. Pemendapan tanah memerlukan asas (*foundation*) yang kukuh iaitu dengan melaksanakan kerja-kerja cerucuk yang mana kaedah yang digunakan adalah kaedah asas rakit (*raft footing*). Penggunaan cerucuk bagi pembinaan rumah teres kos rendah memerlukan peruntukan yang tinggi dan ianya adalah tidak ekonomik dari segi kos.

Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Simpang Empat III mendapati tapak projek PAKR Simpang Empat III merupakan kawasan sawah padi dan kaedah tertentu bagi penimbunan tanah di kawasan sawah padi atau di tempat yang berair perlu dipatuhi supaya pemendapan tidak berlaku. Kaedah penimbunan tanah yang perlu diikuti adalah dengan membersihkan terlebih dahulu tapak bina yang hendak ditambun. Pembersihan itu meliputi membuang dan mengalihkan semak-samun, tumbuh-tumbuhan, tungkul kayu, akar pokok dan sebarang bahan lain yang terdapat di dalam kawasan berair tersebut. *Unsuitable material* (tanah hitam lumpur yang lembut) hendaklah dikorek dan dibuang ke tempat lain. Setelah bersih, tempat tersebut hendaklah ditambun dengan *granular material* (pasir atau batu-batan kuari) ditimbas ke tempat yang berair sehinggalah ke permukaannya. Kemudian tapak bina tersebut bolehlah dikambus dengan tanah yang diluluskan.

**Pihak Audit berpendapat, pemilihan tapak projek adalah tidak memuaskan kerana projek PAKR Wang Kelian menghadapi masalah di peringkat awal pelaksanaan projek disebabkan pemilihan lokasi yang tidak sesuai. Kaedah penimbunan tanah di tapak projek PAKR Simpang Empat III pula tidak dipatuhi oleh pihak kontraktor sehingga berlakunya mendapan tanah dan terbengkalai serta peruntukan asal projek berjumlah RM3.45 juta untuk pembinaan 115 unit rumah teres kos rendah tidak digunakan.**

#### **10.2.5 Sasaran Projek**

Penetapan sasaran projek adalah penting untuk memastikan pelaksanaan pembinaan perumahan awam kos rendah dapat dilakukan dengan lebih tersusun mengikut tempoh dan peruntukan kewangan yang disediakan. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Fizikal Projek yang disediakan oleh Unit Perumahan Negeri mendapati sebanyak 703 unit rumah atau 31% daripada 2,305 unit rumah yang dilaksanakan di bawah RMK-7 telah dapat disiapkan. Manakala sebanyak 487 unit rumah atau 21% masih dalam

pembinaan dan sebanyak 1,115 unit rumah lagi atau 48% pula telah ditangguhkan pelaksanaannya. Selanjutnya, Unit Perumahan Negeri menasarkan pembinaan sebanyak 4,400 unit rumah kos rendah di 6 kawasan di bawah RMK-8. Bagaimanapun, kerja pembinaan bagi kesemua unit rumah tersebut tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang oleh kerana projek yang terlibat masih di peringkat pengambilan balik tanah. Memandangkan tempoh RMK-8 berakhir pada penghujung bulan Disember 2005 maka Kerajaan Negeri telah bercadang projek tersebut disambungkan ke RMK-9. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Fizikal Projek di bawah RMK-7 dan RMK-8 adalah seperti berikut:

**a) Prestasi Pelaksanaan Projek Di Bawah RMK-7**

Prestasi pelaksanaan projek PAKR yang dilaksanakan semasa RMK-7 adalah kurang memuaskan. Daripada 8 projek yang dirancang, hanya satu projek berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan 3 projek lewat disiapkan dalam tempoh 2 hingga 25 bulan daripada jadual. Manakala 2 projek PAKR masih belum disiapkan sehingga bulan Disember 2005 dengan kelewatan antara 19 hingga 47 bulan dan 2 projek lagi telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Jabatan Perumahan Negara Wilayah Utara kerana peruntukan kewangan tidak mencukupi. Kedudukan prestasi pelaksanaan projek PAKR di bawah RMK-7 adalah seperti di **Jadual 14.**

**Jadual 14**  
**Prestasi Pelaksanaan Projek PAKR Di Bawah RMK-7**

Bil.	Projek PAKR	Bilangan Unit Rumah		Tarikh Patut Siap	Tarikh Sebenar Siap	Tempoh Kelewatan Sehingga Tahun 2005 (Bulan)
		Dirancang	Dilaksana			
1.	Kangar V	164	164	18.1.2000	28.2.2002	25
2.	Tambun Tulang	335	335	2.7.2001	2.7.2001	-
3.	Beseri Paya III	90	92	26.1.2000	30.11.2001	22
4.	Chuping II Fasa II	112	112	19.3.1999	20.5.1999	2
5.	Santan II	339	339	9.5.2004	Peringkat Pembinaan	19
6.	Wang Kelian	148	148	28.1.2002	Peringkat Pembinaan	47
7.	Simpang Empat III	115	Ditangguhkan Pelaksanaan Oleh JPN			
8.	Kuala Perlis IV	1,000	Ditangguhkan Pelaksanaan Oleh JPN			
<b>Jumlah</b>		<b>2,303</b>	<b>1,190</b>			

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

### i) Projek Siap Mengikut Jadual

Hanya satu projek PAKR iaitu projek PAKR Tambun Tulang telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan tanpa kelewatan. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Tambun Tulang mendapati projek ini telah dimulakan pada bulan Februari 1998 dan dijadualkan siap pada bulan Julai 2001. Projek ini telah dilaksanakan oleh kontraktor Bintong Construction Sdn. Bhd. Tempoh penyiapan bagi projek ini adalah selama 176 minggu dan telah dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelaksanaan projek PAKR Tambun Tulang melibatkan 335 unit rumah atau 14.5% daripada 2,303 unit rumah yang dirancang semasa RMK-7. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 projek ini belum mendapat Sijil Layak Menduduki. **Foto 3** menunjukkan perumahan projek PAKR Tambun Tulang yang belum diduduki walaupun 4 tahun telah disiap.

**Foto 3**  
**Perumahan PAKR Tambun Tulang Yang Belum Diduduki**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Tambun Tulang

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PAKR Tambun Tulang adalah memuaskan kerana projek dapat disiapkan mengikut jadual.**

### ii) Projek Lewat Disiapkan

Sebanyak 3 projek telah lewat disiapkan dalam tempoh antara 2 hingga 25 bulan selepas tempoh yang ditetapkan. Projek PAKR tersebut adalah PAKR

Chuping II Fasa II, PAKR Beseri Paya III dan PAKR Kangar V yang melibatkan sebanyak 368 unit rumah atau 16% daripada 2,303 unit rumah yang dirancang semasa RMK-7. Kedudukan tarikh milik tapak, tarikh siap ikut jadual dan tarikh sebenar siap projek adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Kedudukan Tarikh Milik Tapak, Tarikh Siap Ikut Jadual Dan**  
**Tarikh Sebenar Siap Projek**

Bil.	Projek	Tarikh		
		Milik Tapak	Sepatu Siap Mengikut Jadual	Sebenar Siap
1.	PAKR Chuping II Fasa II	23.1.1997	19.3.1999	20.5.1999
2.	PAKR Kangar V	2.9.1998	18.1.2000	28.2.2002
3.	PAKR Beseri Paya III	16.7.1998	26.1.2000	30.11.2001

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

- **Projek PAKR Chuping II Fasa II**

PAKR Chuping II Fasa II mula dilaksanakan pada bulan Januari 1997 dan siap dibina pada bulan Mei 1999. Pada bulan September 1999, projek ini telah mendapat Sijil Layak Menduduki. PAKR Chuping II Fasa II telah dilaksanakan oleh kontraktor Syarikat Abani @ Abd. Ghani Bin Saad Sdn. Bhd. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Chuping II Fasa II mendapati projek ini hanya lewat disiapkan selama 2 bulan sahaja daripada tarikh yang dijadualkan iaitu pada bulan Mac 1999. Kelewatan penyiapan projek selama 62 hari ini adalah disebabkan keadaan cuaca buruk yang luar biasa dan perubahan kerja yang perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Oleh itu, hanya sekali sahaja Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara bagi kegagalan pihak kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Lawatan Audit pada bulan Februari 2006 mendapati sistem rangkaian jalan yang disediakan dalam kawasan perumahan adalah luas dan memudahkan pergerakan kenderaan dengan memberi keutamaan kepada keselamatan penduduk terutamanya kanak-kanak. Bagaimanapun, satu baris rumah yang siap dibina telah dibuat secara *split level* (aras tidak rata). Pembinaan rumah tersebut secara aras tidak rata adalah kerana terdapat sebuah batu besar yang keras (boulder) di bawah tapak rumah tersebut. Oleh itu, beberapa unit rumah yang terlibat telah dibina bawah aras jalan sedalam lebih kurang 4 kaki daripada aras lantai dan laluan masuk ke rumah berkenaan terlalu curam. Kecuraman tersebut membahayakan penghuni

rumah berkenaan dan kemungkinan akan berlaku limpahan hujan daripada jalan dan akan masuk ke kawasan perumahan mereka. **Foto 4** menunjukkan kedudukan rumah yang telah dibina bawah aras jalan daripada aras lantai rumah.

**Foto 4**  
**Kedudukan Rumah Dibina Bawah Aras Jalan**  
**Daripada Aras Lantai Rumah**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Chuping II Fasa II

Lawatan Audit ke tapak projek juga mendapati bekalan air telah dimasukkan ke setiap unit rumah yang belum diduduki oleh penghuni. Bagaimanapun, meter air bagi unit rumah tersebut belum dipasang lagi. Ketiadaan meter air akan menyebabkan pembaziran air yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri dan kemungkinan berlaku kecurian air yang banyak dan kerugian kepada Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air). Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Chuping II Fasa II mendapati tiada sebarang pemberitahu secara bertulis telah dikeluarkan kepada Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) supaya pemotongan atau penutupan laluan paip air utama dilakukan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PAKR Chuping II Fasa II adalah tidak memuaskan kerana tapak perumahan PAKR Chuping II Fasa II yang terlibat dengan pembinaan secara aras tidak rata**

**hendaklah ditambun dengan tanah sehingga ke paras yang sama dengan permukaan jalan raya sebelum pembinaan rumah dijalankan.**

- **Projek PAKR Kangar V**

Projek PAKR Kangar V telah dilaksanakan bawah RMK-7 iaitu pada bulan September 1998 dan telah disiapkan bawah RMK-8 iaitu pada bulan Februari 2002. Mengikut kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan dalam tempoh 18 bulan yang bermula pada bulan September 1998 dan dijadualkan siap pada bulan Januari 2000. Bagaimanapun, kontraktor projek ini iaitu Gunong Medan Construction Sdn. Bhd. telah gagal menyiapkannya mengikut tempoh yang ditetapkan dan lanjutan masa sebanyak 4 kali telah dikeluarkan. Semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara mendapati tempoh lanjutan masa pertama diberi pada bulan Januari 2000 hingga Mei 2000 iaitu selama 108 hari. Lanjutan kali kedua pula ialah pada bulan Mei 2000 hingga Ogos 2000 selama 90 hari. Lanjutan kali ketiga adalah pada bulan Ogos 2000 hingga Disember 2000 selama 135 hari dan lanjutan masa kali yang keempat pula mulai pertengahan bulan Disember 2000 hingga Februari 2002 iaitu selama 574 hari. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 PAKR Kangar V belum diduduki walaupun telah mendapat Sijil Layak Menduduki pada bulan April 2002. **Foto 5** dan **6** adalah perumahan PAKR Kangar V yang belum diduduki walau pun 3 tahun telah disiapkan.

#### **Rumah Kluster PAKR Kangar V Yang Belum Diduduki**

**Foto 5**



**Foto 6**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Kangar V

Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Kangar V

**Pihak Audit berpendapat, pelaksanaan projek PAKR Kangar V adalah tidak memuaskan kerana lewat disiapkan daripada tempoh yang ditetapkan selama 2 tahun.**

- **Projek PAKR Beseri Paya III**

PAKR Beseri Paya III dimulakan pada bulan Julai 1999 dan sepatutnya disiapkan pada bulan Januari 2000. Bagaimanapun, projek ini telah disiapkan pada bulan November 2001 iaitu lewat daripada tempoh yang ditetapkan selama 22 bulan. PAKR Beseri Paya III telah dilaksanakan oleh kontraktor Syarikat Pembinaan A. Aziz (Perlis) Sdn. Bhd. Semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara mendapati kelewatan menyiapkan projek ini adalah disebabkan kelewatan meluluskan pelan teknikal oleh Jabatan Teknikal, kekurangan bekalan kayu di pasaran, penggunaan kawasan tapak bina oleh pihak lain dan kelewatan mengubah tiang dan kabel elektrik. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 PAKR ini belum diduduki walau pun 4 tahun telah disiapkan. **Foto 7** adalah perumahan PAKR Beseri Paya III yang belum diduduki.

**Foto 7**  
**Perumahan PAKR Beseri Paya III Yang Belum Didiami**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Beseri Paya III

PAKR Beseri Paya III telah mendapat Sijil Layak Menduduki pada bulan Mei 2003. Lawatan ke tapak projek pada bulan Februari 2006 mendapati tiada

kawalan keselamatan disediakan di tapak projek menyebabkan berlakunya pencerobohan rumah PAKR dan kesan-kesan pencerobohan telah berlaku terhadap bangunan rumah yang telah siap. Kesan pencerobohan oleh orang tertentu seperti penagih dadah dapat dilihat pada pintu belakang rumah yang telah dipotong di bahagian bawah pintu. **Foto 8** menunjukkan pintu belakang rumah yang telah dipotong.

**Foto 8**  
**Kerosakan Pintu Belakang Yang Berlaku**  
**Di PAKR Beseri Paya III**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 7 Disember 2005*

*Lokasi : PAKR Beseri Paya III*

Pihak Audit berpendapat, pelaksanaan projek PAKR Beseri Paya III adalah tidak memuaskan kerana lewat daripada tempoh yang ditetapkan selama 22 bulan. Rumah yang telah siap dibina tetapi belum diduduki menyebabkan berlakunya pencerobohan dan kerosakan pada bangunan rumah. Penasihat Teknikal Jabatan Perumahan Negara menganggarkan tambahan kos sebanyak 10% bagi membaiki segala kerosakan yang dialami.

### iii) Projek Belum Siap

Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 2 projek PAKR masih gagal disiapkan. Projek yang terlibat adalah PAKR Santan II dan PAKR Wang Kelian. Tempoh kelewatan adalah antara 19 hingga 47 bulan. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Fizikal Projek yang disediakan oleh Unit Perumahan Negeri mendapat

sehingga akhir tahun 2005, kemajuan projek kedua projek tersebut masing-masing adalah 98% dan 85%.

- **Projek PAKR Wang Kelian**

PAKR Wang Kelian telah dilaksanakan oleh Repoh Bina (M) Sdn. Bhd. PAKR ini telah dilaksanakan pada bulan Ogos 2000 dan sepatutnya disiapkan pada bulan Januari 2002. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 belum disiapkan dan kemajuan projek adalah 85%. Kelewatan menyiapkan projek daripada tempoh yang ditetapkan adalah selama 47 bulan. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Wang Kelian mendapati kelewatan menyiapkan projek adalah disebabkan pelan kebenaran merancang daripada Arkitek Pemaju tidak dapat memenuhi syarat teknikal yang diwajibkan oleh Jabatan Kerja Raya iaitu sebahagian daripada kawasan projek tersebut terletak di atas rizab jalan raya Persekutuan. Bangunan yang terlibat dengan rizab jalan ialah deretan rumah kluster sebanyak 18 unit seperti **Foto 9** dan **10** dan rumah berkembar 14 unit seperti **Foto 11** dan **12**. Bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri yang bersidang pada Disember 2001 telah memutuskan supaya projek PAKR Wang Kelian diteruskan dengan diberikan sedikit kelonggaran syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya supaya jajaran baru bagi jalan raya Persekutuan dikenal pasti bagi memberi ruang kepada pelaksanaan projek ini. Di samping itu, pihak kontraktor juga menghadapi masalah kewangan yang menyebabkan kelewatan menerima bekalan bahan binaan dan masalah mendapatkan pekerja dan pekerja mahir.

**Foto 9 Dan Foto 10**  
**Perumahan PAKR Wang Kelian Yang Siap 85%**  
**(Teres Jenis Kluster)**

**Foto 9**



**Foto 10**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 14 Februari 2006*

*Lokasi : PAKR Wang Kelian*

*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 14 Februari 2006*

*Lokasi : PAKR Wang Kelian*

**Foto 11 Dan Foto 12**  
**Perumahan PAKR Wang Kelian Yang Siap 85%**  
**(Rumah Berkembar Dua)**

**Foto 11**



**Foto 12**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 14 Februari 2006*

*Lokasi : PAKR Wang Kelian*

*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 14 Februari 2006*

*Lokasi : PAKR Wang Kelian*

**• Projek PAKR Santan II**

PAKR Wang Kelian telah dilaksanakan oleh Syarikat Mat Ishak Dan Keluarga Sdn. Bhd. Projek ini mula dilaksanakan pada bulan Disember 2002 dan dijadualkan siap pada bulan Mei 2004. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 projek ini belum siap dilaksanakan dan kemajuan projek adalah 98%. Kelewatan menyiapkan projek adalah selama 19 bulan. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Santan II mendapati projek ini

lewat dilaksanakan kerana tapak projek lewat dimasuki akibat bayaran pampasan kepada penduduk setinggan dan pengusaha tanah Kerajaan di tapak projek bagi pengambilan balik tanah mengambil masa yang lama untuk diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Pada asalnya tarikh milik tapak projek ini adalah pada Disember 2000. Bagaimanapun, disebabkan masalah bayaran pampasan yang belum selesai maka tapak projek ini boleh dimasuki oleh pihak kontraktor pada Disember 2002. Projek ini juga telah gagal disiapkan oleh pihak kontraktor mengikut tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, pihak kontraktor telah memohon Lanjutan Masa dan Perakuan Kelambatan dan ianya telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara. Semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara mendapati sebab kelewatan ialah kelewatan mendapat kelulusan pelan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, kelewatan beberapa penghuni berpindah keluar daripada tapak bina dan kelewatan mendapat kelulusan kerja-kerja tambahan untuk pembinaan lorong belakang dan pembinaan dinding penahan. **Foto 13** dan **14** menunjukkan kawasan perumahan PAKR Santan II.

**Foto 13 Dan Foto 14  
Perumahan PAKR Santan II Yang Siap 98%**

**Foto 13**



**Foto 14**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Santan II

Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 13 Februari 2006

Lokasi : PAKR Santan II

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan PAKR Wang Kelian dan PAKR Santan II adalah memuaskan.**

#### **iv) Projek Yang Ditangguh**

Sebanyak 2 projek PAKR bawah RMK-7 telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Jabatan Perumahan Negara. Projek PAKR yang terlibat adalah PAKR Simpang Empat III dan PAKR Kuala Perlis IV.

- Projek PAKR Simpang Empat III**

PAKR Simpang Empat III telah dilaksanakan oleh Syarikat Mat Ishak Dan Keluarga Sdn. Bhd. Tarikh milik tapak projek ini adalah pada bulan September 1998 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2000. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Simpang Empat III mendapati projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana tapak projek ini telah menghadapi masalah struktur bawah tanah di mana setelah 6 bulan kerja-kerja penimbunan tanah dilakukan oleh kontraktor dan uji kaji tanah yang dijalankan mendapati berlakunya pemendapan tanah yang terlalu cepat. Akibat daripada keadaan tersebut, tapak projek ini memerlukan penggunaan cerucuk konkrit di mana pembinaan rumah kos rendah adalah tidak ekonomik dari segi kos. Ianya lebih ekonomik jika dibina rumah pangsa 5 tingkat. Oleh kerana skop projek terpaksa ditukar oleh Jabatan Perumahan Negara daripada rumah teres kepada rumah pangsa jenis 5 tingkat, Pihak Berkuasa Negeri yang bersidang pada Oktober 2000 telah meluluskan projek ini dibina dengan rumah pangsa 5 tingkat yang mengandungi 283 unit berbanding unit asal berjumlah 115 unit. Perubahan skop ini telah mengakibatkan projek ini tertangguh dan lewat pelaksanaannya. Ia menyebabkan kos pembinaan meningkat kerana perancangan dan reka bentuk telah berubah.

- Projek PAKR Kuala Perlis IV**

Projek PAKR Kuala Perlis IV mempunyai keluasan tapak seluas 32.74 hektar. Tapak projek ini merupakan kawasan sawah padi, penempatan penduduk di atas tanah bermilik dan tanah kerajaan. Bilangan rumah yang dirancang untuk dibina adalah sebanyak 1,000 unit. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR Kuala Perlis IV mendapati tapak projek ini menghadapi masalah pengambilan balik tanah yang mana melibatkan tanah bermilik dan tanah Kerajaan serta pemindahan setinggan yang mengusahakan sebahagian tanah tapak projek. Oleh kerana proses pengambilan balik tanah mengambil masa yang lama, projek ini terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya di bawah RMK-7 oleh Jabatan Perumahan Negara.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PAKR Simpang Empat III dan PAKR Kuala Perlis IV adalah tidak memuaskan kerana perubahan skop pada projek PAKR Simpang Empat III yang mengakibatkan kos pembinaan meningkat dan masalah pengambilan balik tanah yang lama di projek PAKR Kuala Perlis IV telah menyebabkan projek tertangguh pelaksanaannya.**

**b) Prestasi Pelaksanaan Projek Di Bawah RMK-8**

Mengikut perancangan, sebanyak 6 projek PAKR sepatutnya dilaksanakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR mendapati daripada jumlah tersebut sebanyak 3 projek telah selesai pengambilan balik tanah iaitu projek PAKR Sungai Baru, PAKR Kubang Gajah dan PAKR Mata Ayer V. Manakala 2 projek lagi masih di peringkat pengambilan balik tanah iaitu projek PAKR Sena dan PAKR Kuala Perlis V. Tapak projek bagi PAKR Ulu Pauh pula terpaksa dipindahkan ke lokasi lain yang lebih sesuai tetapi masih berdekatan dengan tapak asal kerana tapak asal projek menjadi sebahagian daripada kawasan pembangunan yang akan dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Perumahan Rakyat Dasar Baru Disewa dan Dimiliki untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah di bawah RMK-8 di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah diberi tanggungjawab sepenuhnya melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR mendapati sebanyak 2 projek PAKR iaitu PAKR Kubang Gajah dan PAKR Kuala Perlis V yang melibatkan 3,000 unit rumah telah menjadi projek PPR Dimiliki yang dilaksanakan oleh SPNB. Kedudukan prestasi pelaksanaan projek PAKR di bawah RMK-8 adalah seperti di **Jadual 16.**

**Jadual 16**  
**Prestasi Pelaksanaan Projek PAKR Di Bawah RMK-8**

Bil.	Projek PAKR	Bil. Unit Dirancang	Catatan
1.	PAKR Sungai Baru	200	Pengambilan balik tanah telah selesai.
2.	PAKR Mata Ayer V	200	Pengambilan balik tanah telah selesai.
3.	PAKR Sena	500	Pengambilan balik tanah belum selesai.
4.	PAKR Kubang Gajah	1,000	Pengambilan balik tanah telah selesai.
5.	PAKR Kuala Perlis V	2,000	Pengambilan balik tanah belum selesai.
6.	PAKR Ulu Pauh	500	Diarah pindah tapak dan peringkat mengenal pasti tapak baru.
<b>Jumlah</b>		<b>4,400</b>	

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PAKR di bawah RMK-8 adalah tidak memuaskan kerana masalah pengambilan balik tanah yang lama sehingga pelaksanaan projek terpaksa disambung ke RMK-9.**

**c) Pengeluaran Sijil Layak Menduduki**

Projek PAKR Kangar V dan PAKR Beseri Paya III merupakan projek *turnkey* di mana segala urusan yang bersangkutan dengan Jabatan Teknikal adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sehingga ke proses permohonan Sijil Layak Menduduki yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala proses permohonan Sijil Layak Menduduki bagi projek PAKR Chuping II Fasa II dan PAKR Tambun Tulang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 3 projek PAKR yang telah siap dibina iaitu PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Kangar V dan PAKR Beseri Paya III telah memperolehi Sijil Layak Menduduki. Manakala Sijil Layak Menduduki bagi projek PAKR Tambun Tulang belum dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana surat sokongan dari Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat belum diperolehi walaupun selama 4 tahun projek ini telah disiapkan iaitu pada bulan Julai 2001. Kegagalan mendapatkan Sijil Layak Menduduki bagi projek PAKR Tambun Tulang telah menjelaskan penempatan penghuni ke 335 unit rumah awam kos rendah tersebut. Kelewatan memperolehi Sijil Layak Menduduki telah menyebabkan bangunan rumah projek yang telah lama siap rosak kerana berlaku kecurian dan vandalisme. Kedudukan pengeluaran Sijil Layak Menduduki projek PAKR yang telah siap dibina adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Kedudukan Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) Bangunan**  
**Projek PAKR Yang Telah Siap Dibina**

Bil.	Projek	Tarikh Siap	Tarikh CFO Diluluskan Oleh MPK	Tarikh Perakuan CFO Ditandatangani
1.	PAKR Kangar V	28.2.2002	29.11.1999	11.4.2002
2.	PAKR Tambun Tulang	2.7.2001	Belum Diperolehi	
3.	PAKR Beseri Paya III	30.11.2001	3.5.2003	14.7.2003
4.	PAKR Chuping II Fasa II	20.5.1999	27.9.1999	22.1.2001

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

Pada pendapat Audit, urusan mendapatkan Sijil Layak Menduduki adalah tidak memuaskan. Kelewatan memperolehi Sijil Layak Menduduki telah menyebabkan pengagihan rumah tidak dapat dibuat dengan segera. Bangunan rumah projek yang telah lama siap juga telah mengalami kerosakan kerana berlaku kecurian dan vandalisme.

**d) Penyerahan Projek Kepada Kerajaan Negeri**

Projek Perumahan Awam Kos Rendah yang telah siap dibina diserahkan oleh Jabatan Perumahan Negara kepada Kerajaan Negeri selepas Sijil Layak Menduduki diterima. Bagaimanapun, selepas sistem reka dan bina diperkenalkan, kaedah penyerahan ini tidak diamalkan. Apa yang berlaku ialah Jabatan Perumahan Negara akan mengambil alih projek daripada kontraktor sebaik sahaja Sijil Siap Kerja dikeluarkan dan kemudiannya akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri secara rasmi sebelum Sijil Layak Menduduki diperolehi. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati 4 projek yang telah siap telah diserahkan oleh Jabatan Perumahan Negara kepada Kerajaan Negeri. Penyerahan rumah ini dibuat atas dasar persefahaman antara Jabatan Perumahan Negara dengan Unit Perumahan Negeri mewakili Kerajaan Negeri walaupun Sijil Layak Menduduki bagi projek PAKR Tambun Tulang belum dikeluarkan sehingga akhir tahun 2005. Semakan Audit juga mendapati 4 projek tersebut telah diserah antara 7 hingga 27 bulan daripada tarikh Sijil Siap Kerja dikeluarkan dan 2 projek telah diserah antara 2 hingga 21 bulan tanpa Sijil Layak Menduduki. Kedudukan projek PAKR yang telah diserah kepada Kerajaan Negeri oleh Jabatan Perumahan Negara adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kedudukan Projek PAKR Yang Telah Diserah Kepada Kerajaan Negeri**

Bil.	Projek	Tarikh Siap	Tarikh Serah	Tempoh Penyerahan (Bulan)
1.	PAKR Kangar V	28.2.2002	21.10.2002	8
2.	PAKR Tambun Tulang	2.7.2001	21.3.2004	32
3.	PAKR Beseri Paya III	30.11.2001	2.12.2002	13
4.	PAKR Chuping II Fasa II	20.5.1999	13.12.1999	7

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

**Pada pendapat Audit, penyerahan projek PAKR kepada Kerajaan Negeri adalah tidak memuaskan kerana tempoh penyerahan projek PAKR Tambun Tulang mengambil masa selama 32 bulan.**

#### **10.2.6 Komponen Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Pembangunan perumahan awam kos rendah di Negeri Perlis merangkumi rumah jenis teres, berkembar 2 dan berkelompok. Lawatan Audit ke 6 tapak projek pada bulan Disember 2005 mendapati kediaman rumah PAKR yang dibina mempunyai ruang tamu, 3 bilik tidur, ruang makan, dapur, bilik air dan tandas. Selain itu, didapati juga kemudahan sosial seperti kawasan lapang, surau, tadika, padang permainan dan dewan serba guna telah siap dibina bagi projek perumahan awam kos rendah. Lawatan Audit susulan pada bulan Februari 2006 dan semakan terhadap Fail Projek PAKR mendapati perkara berikut:

##### **a) Jenis Rumah**

Kerajaan Negeri telah merancang untuk membina sebanyak 2,303 unit rumah kos rendah di bawah RMK-7. Daripada jumlah tersebut 1,991 unit merupakan rumah jenis teres setingkat iaitu bagi projek PAKR Chuping II Fasa II, PAKR Tambun Tulang, PAKR Beseri Paya III, PAKR Santan II, PAKR Kuala Perlis IV dan PAKR Simpang Empat III. Bagaimanapun bilangan unit rumah yang dirancang telah bertambah untuk pelaksanaan bagi projek PAKR Simpang Empat III yang mana telah diubah daripada 115 unit kepada 283 unit rumah setelah jenis pembinaan rumah telah ditukar daripada jenis teres setingkat kepada jenis pangsa 5 tingkat dan tambahan sebanyak 2 unit rumah bagi projek PAKR Beseri Paya III. Manakala sebanyak 272 unit adalah rumah jenis kluster bagi projek PAKR Kangar V sebanyak 164 unit dan PAKR Wang Kelian sebanyak 108 unit serta 40 unit rumah jenis berkembar 2 bagi projek PAKR Wang Kelian. Kedudukan jenis rumah yang dirancang dan dilaksanakan bawah RMK-7 adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Kedudukan Jenis Rumah Yang Dirancang Dan Dilaksanakan Di Bawah RMK-7**

Bil.	Projek	Bilangan Unit Rumah		Jenis Rumah
		Dirancang	Dilaksanakan	
1.	PAKR Chuping II Fasa II	112	112	Teres 1 tingkat
2.	PAKR Tambun Tulang	335	335	Teres 1 tingkat
3.	PAKR Beseri Paya III	90	92	Teres 1 tingkat
4.	PAKR Kuala Perlis IV	1,000	0	Teres 1 tingkat
5.	PAKR Simpang Empat III	115	0	Teres 1 tingkat
6.	PAKR Santan II	339	339	Teres 1 tingkat
7.	PAKR Kangar V	164	164	Teres jenis kluster
8.	PAKR Wang Kelian	148	40 108	Berkembar 2 Teres jenis kluster
<b>Jumlah</b>		<b>2,303</b>	<b>1,190</b>	

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

Di bawah RMK-8, Kerajaan Negeri telah merancang untuk membina sebanyak 4,400 unit rumah kos rendah. Kesemua unit rumah tersebut merupakan rumah jenis teres satu tingkat iaitu bagi projek PAKR Kubang Gajah, PAKR Sena, PAKR Sungai Baru, PAKR Mata Ayer V, PAKR Ulu Pauh dan PAKR Kuala Perlis V. Bagaimanapun kesemua projek tersebut belum dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

**Pada pendapat Audit, jenis rumah yang ditetapkan untuk projek PAKR adalah memuaskan. Projek PAKR Simpang Empat III dibangunkan bawah projek PPR kerana jenis rumah telah dipinda daripada jenis teres satu tingkat kepada rumah pangsa lima tingkat yang mana mengikut Garis Panduan Am kepada Garis Panduan Perancangan Perumahan Awam Kos Rendah, perumahan awam kos rendah hendaklah tidak melebihi dua tingkat.**

**b) Kemudahan Sosial Yang Dibangunkan**

Mengikut garis panduan Perumahan Awam Kos Rendah, setiap PAKR hendaklah disediakan dengan pelbagai kemudahan sosial dan kemasyarakatan seperti taman permainan, tadika, surau dan dewan orang ramai. Di samping itu, tanaman seperti pokok-pokok yang bersesuaian haruslah ditanam di sepanjang jalan utama dan tempat rekreasi seperti padang permainan kanak-kanak. Lawatan Audit ke tapak projek pada awal Disember 2005 mendapati perkara seperti berikut:

**i) PAKR Kangar V**

Unit Perumahan Negeri telah merancang untuk menyediakan kemudahan dewan orang ramai di projek ini. Bagaimanapun, kemudahan ini telah ditukar

kepada pembinaan tangki air junjung disebabkan tekanan air di kawasan tersebut amat rendah. Kemudahan surau tidak disediakan kerana tapak surau telah terdapat dalam kawasan perumahan PAKR Kangar fasa yang terdahulu iaitu PAKR Taman Bunga Padi. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati penanaman pokok di sekitar kawasan perumahan PAKR Kangar V telah dilakukan oleh pihak kontraktor dengan memuaskan di mana pokok yang ditanam telah tumbuh dengan subur.

#### ii) **PAKR Tambun Tulang**

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati kemudahan tadika akan dibangunkan di tapak projek ini. Bagaimanapun, lawatan Audit yang dilakukan pada bulan Disember 2005 mendapati bangunan dewan orang ramai dan tadika telah dibina secara berkembar 2. Oleh kerana projek ini telah lama disiapkan iaitu pada bulan Julai 2001, dewan orang ramai dan tadika telah mengalami keretakan. Wakil Unit Perumahan Negeri telah menjelaskan bahawa pembaikan akan dilakukan sebelum bangunan tersebut digunakan oleh penduduk PAKR Tambun Tulang. Selain itu, lawatan yang dijalankan juga mendapati peralatan taman permainan telah dipasang di kawasan lapang tapak projek. Bagaimanapun, peralatan taman permainan tersebut telah rosak akibat vandalisme. **Foto 15** dan **16** menunjukkan peralatan taman permainan yang telah dirosak. **Foto 17** pula menunjukkan keretakan dinding bangunan dewan orang ramai dan tadika di PAKR Tambun Tulang.

**Foto 15 Dan Foto 16**  
**Kemudahan Taman Permainan Kanak-Kanak Yang Rosak**  
**Di PAKR Tambun Tulang**

**Foto 15**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 7 Disember 2005  
Lokasi : PAKR Tambun Tulang

**Foto 16**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 7 Disember 2005  
Lokasi : PAKR Tambun Tulang

**Foto 17**  
**Keretakan Dinding Di Dewan Orang Ramai Dan Tadika**  
**Di PAKR Tambun Tulang**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 Disember 2005

Lokasi : PAKR Tambun Tulang

**iii) PAKR Beseri Paya III**

PAKR Beseri Paya III telah dibangunkan bersebelahan dengan projek PAKR Beseri Paya II yang telah sedia dibangunkan. Oleh itu, kemudahan seperti peralatan permainan kanak-kanak, dewan orang ramai dan tadika telah disediakan di kawasan perumahan projek PAKR Beseri Paya fasa yang terdahulu dan kemudahan tersebut tidak dibangunkan lagi di kawasan perumahan PAKR Beseri Paya III. Semasa lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Februari 2006 mendapati tiada sebarang pokok kelihatan di sekitar kawasan perumahan PAKR Beseri Paya III. Bagaimanapun, penanaman pokok di sekitar kawasan perumahan projek ini perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor seperti perjanjian kontrak. Wakil Unit Perumahan Negeri telah menjelaskan bahawa penanaman pokok telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor setelah projek disiapkan pada bulan November 2001.

**iv) PAKR Chuping II Fasa II**

Kemudahan sosial seperti surau dan dewan orang ramai di tapak projek PAKR Chuping II Fasa II tidak disediakan kerana kemudahan tersebut telah disediakan di kawasan perumahan projek PAKR Chuping II Fasa I yang merupakan projek di bawah RMK-6. Tinjauan yang dijalankan di tapak projek mendapati kemudahan taman permainan telah disediakan seperti yang

dikehendaki dalam dokumen kontrak. Penanaman pokok di sekitar kawasan perumahan juga telah dilakukan oleh pihak kontraktor.

v) **PAKR Santan II**

Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kemudahan sosial seperti tadika, dewan orang ramai dan surau telah dibangunkan oleh pihak kontraktor. Bangunan tadika dan surau telah dibina secara berkembar 2 untuk menjimatkan penggunaan ruang tapak projek dan kos pembinaan. Pada awalnya, kemudahan tadika tidak dirancang untuk disediakan untuk projek ini. Bagaimanapun, kos yang dianggarkan untuk pembinaan surau berjumlah RM50,000 telah mencukupi untuk menampung kedua kemudahan tersebut. Kemudahan dewan orang ramai dengan anggaran berjumlah RM60,000 telah dibangunkan di tapak projek ini. Lawatan Audit juga mendapati peralatan taman permainan dan penanaman pokok belum dibuat oleh pihak kontraktor kerana pelaksanaan projek belum siap sepenuhnya lagi. **Foto 18** menunjukkan kemudahan dewan orang ramai dan **Foto 19** pula menunjukkan kemudahan tadika dan surau di projek PAKR Santan II.

**Foto 18**  
**Kemudahan Sosial Dewan Orang Ramai Di PAKR Santan II**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 7 Disember 2005*

*Lokasi : PAKR Santan II*

**Foto 19**  
**Kemudahan Sosial Tadika Dan Surau Di PAKR Santan II**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 7 Disember 2005*

*Lokasi : PAKR Santan II*

**Pada pendapat Audit, kemudahan sosial yang dibangunkan di semua projek PAKR adalah memuaskan dan mencukupi untuk keselesaan penduduk PAKR berkenaan.**

#### **10.2.7 Kaedah Pelaksanaan Projek**

Projek Perumahan Awam Kos Rendah di Negeri Perlis telah dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Projek PAKR di bawah RMK-7 telah dilaksanakan secara Reka bentuk dan Bina dan tawaran kepada kontraktor telah dibuat melalui tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus. Hasil semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **a) Pemilihan Dan Pelantikan Kontraktor**

Pemilihan kontraktor telah dibuat oleh Lembaga Tawaran Tender Negeri Perlis yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Tender Negeri Perumahan Awam Kos Rendah mendapati daripada 14 projek yang telah diaudit, hanya 6 projek telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 1997 hingga 2002 yang mana sebanyak 4 projek telah ditawarkan secara rundingan terus, satu projek telah ditawarkan secara tender terbuka iaitu bagi projek PAKR Santan II dan satu projek telah ditawarkan secara tender terhad iaitu bagi projek PAKR Wang Kelian. Faktor pertimbangan diberi untuk pemilihan kontraktor adalah kedudukan kewangan, pengalaman, prestasi

kerja sebelumnya, tenaga kerja dan peralatan yang dimiliki oleh kontraktor. Kedudukan kaedah pelantikan kontraktor bagi projek PAKR yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**

**Kedudukan Kaedah Pelantikan Kontraktor Projek PAKR Yang Dilaksanakan**

Bil.	Projek	Harga Kontrak (RM)	Tarikh Setuju Terima Tender	Kaedah Pelantikan Kontraktor	Tempoh Penyiapan Projek (Minggu)
1.	Chuping II Fasa II	2,912,000	10.6.1998	Rundingan Terus	60
2.	Tambun Tulang	10,050,000	13.2.1998	Rundingan Terus	176
3.	Kangar V	4,264,000	28.8.1998	Rundingan Terus	72
4.	Beseri Paya III	2,250,000	16.7.1998	Rundingan Terus	80
5.	Santan II	10,107,390	20.9.2000	Tender Terbuka	72
6.	Wang Kelian	5,635,000	12.7.2000	Tender Terhad	78

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor telah dilakukan dengan memuaskan kerana ia mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemilihan kontraktor secara rundingan terus hanya wajar dilakukan apabila projek yang hendak dilaksanakan memerlukan kepakaran khas di mana tiada pihak lain yang dapat melaksanakannya tetapi bagi pelaksanaan projek pembinaan rumah ianya tidak memerlukan kepakaran sedemikian.

**b) Pematuhan Syarat Kontrak Perjanjian**

Pengurusan dan pembinaan yang dijalankan hendaklah mematuhi syarat kontrak yang telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan pihak kontraktor. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati sebanyak 7 perjanjian kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan pihak kontraktor. Semakan Audit juga mendapati kesemua perjanjian kontrak telah menggunakan format kontrak yang seragam dan syarat perjanjian tersebut didapati telah dipatuhi dan mengambil kira kepentingan Kerajaan. Pada umumnya, perjanjian bagi kontrak kerja mengandungi beberapa syarat seperti berikut:

- i) Kontraktor dikehendaki menyerahkan Bon Pelaksanaan bernilai 5% daripada harga kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan insurans yang diluluskan.

- ii) Kontraktor dikehendaki menyerahkan polisi insurans tanggungan awam dan polisi insurans kerja yang mana nilainya tidak kurang daripada harga kontrak.
- iii) Kerja pembinaan perlu dimula dan disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dengan sebab yang munasabah, Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa boleh dikeluarkan atau sebaliknya suatu notis penamatan kontrak boleh dikeluarkan.
- iv) Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak atau dalam tempoh sesuatu lanjutan masa, Perakuan Kerja Tidak Siap boleh dikeluarkan dan ganti rugi tertentu dengan kadar yang ditetapkan akan dikenakan terhadap kontraktor.
- v) Tempoh tanggungan kecacatan adalah 18 bulan daripada tarikh projek disiapkan.

Bagaimanapun, satu kontrak yang telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan pihak kontraktor pada bulan Ogos 1998 bagi projek PAKR Simpang Empat III telah ditamatkan secara saling (*mutual determination*). Perjanjian Penamatan Kontrak secara saling ini telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dan pihak kontraktor pada bulan Julai 2000. Ini adalah kerana pembinaan 115 unit rumah teres satu tingkat serta kerja lain yang berkaitan bagi PAKR Simpang Empat III tidak dapat diteruskan dan disiapkan dengan sempurnanya oleh pihak kontraktor kerana berlakunya mendapan tanah yang terlalu cepat dan perlu menggunakan cerucuk konkrit. Ini menyebabkan pembinaan rumah teres satu tingkat di tapak projek adalah tidak ekonomik dari segi kos projek. Melalui perjanjian penamatan kontrak secara saling ini Kerajaan Negeri dan pihak kontraktor telah bersetuju untuk tidak membuat apa-apa tuntutan atau pampasan di antara satu sama lain. Pihak kontraktor hanya boleh menuntut baki bayaran bagi segala kerja yang telah dibuat daripada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri hanya membuat pembayaran tersebut kepada kontraktor selepas perjanjian penamatan kontrak dibuat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah melepaskan Jaminan Bank untuk Bon Pelaksanaan bagi kontrak berkenaan selepas perjanjian berkaitan dibuat.

**Pada pendapat Audit, syarat perjanjian yang ditetapkan adalah mencukupi dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri.**

#### **10.2.8 Penyenggaraan**

Semakan Audit terhadap rekod yang berkaitan mendapati perbelanjaan penyenggaraan adalah melibatkan perbelanjaan kerana membersihkan kawasan

perumahan dan membaiki kerosakan/kehilangan barang dalam rumah yang telah siap tetapi masih belum diagihkan kepada pembeli yang layak. Ini adalah kerana pihak Unit Perumahan Negeri terpaksa membaiki dan menggantikan barang tersebut sebelum rumah berkenaan didiami oleh pemohon yang berjaya. **Foto 20, 21** dan **22** menunjukkan kerosakan pada rumah yang telah siap dibina.

**Foto 20**  
**Kecurian Cermin Tingkap Yang Berlaku**  
**Di PAKR Tambun Tulang**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 7 Disember 2005*

*Lokasi : PAKR Tambun Tulang*

**Foto 21**  
**Kerosakan Pada Bumbung Rumah Disebabkan**  
**Tiupan Angin Kencang Di PAKR Beseri Paya III**



Sumber :Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 7 Disember 2005  
Lokasi : PAKR Beseri Paya III

**Foto 22**  
**Kerosakan Paip Air Yang Disebabkan Oleh**  
**Perbuatan Vandalsma Di PAKR Beseri Paya III**



Sumber :Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 7 Disember 2005  
Lokasi : PAKR Beseri Paya III

**Pada pendapat Audit, kerosakan pada rumah yang disiapkan memerlukan kerja dan kos penyenggaraan yang tinggi.**

#### **10.2.9 Pengagihan Rumah**

Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 339 unit rumah atau 48.2% daripada 703 unit rumah yang telah disiapkan telah ditawarkan kepada pembeli rumah awam kos rendah. Manakala baki kekosongan rumah sebanyak 364 unit rumah atau 51.8% belum diagihkan kepada pemohon. Sejumlah 335 unit rumah di PAKR Tambun Tulang tidak dapat diduduki lagi walau pun tawaran telah dibuat. Ini adalah kerana Sijil Layak Menduduki belum diperolehi. Kedudukan pengagihan rumah PAKR adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Kedudukan Pengagihan Rumah PAKR Yang Telah Siap**

Bil.	Projek	Bil. Unit Rumah	Jumlah Ditawarkan	Kekosongan Unit Rumah
1.	PAKR Kangar V	164	127	37
2.	PAKR Tambun Tulang	335	76	259
3.	PAKR Beseri Paya III	92	54	38
4.	PAKR Chuping II Fasa II	112	82	30
<b>Jumlah</b>		<b>703</b>	<b>339</b>	<b>364</b>

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

Berikut adalah hasil semakan Audit terhadap pengagihan rumah bagi perumahan awam kos rendah yang telah disiapkan:

##### **a) PAKR Kangar V**

Projek ini mengandungi 164 unit rumah yang telah siap sepenuhnya pada Februari 2002. Permohonan bagi projek ini telah ditawarkan kepada orang ramai pada Mei 2005. Jumlah permohonan yang diterima oleh Unit Perumahan Negeri ialah sebanyak 566 permohonan. Seramai 127 orang pemohon telah ditawarkan, baki 37 unit masih kosong. Tawaran bagi peringkat kedua telah pun selesai di peringkat pemilihan dan senarai nama tersebut telah pun dikemukakan ke peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan mendapat kelulusan. Pemohon yang berjaya di peringkat pertama hanya menunggu kelulusan pinjaman daripada institusi kewangan sebelum mula menduduki rumah tersebut.

**b) PAKR Tambun Tulang**

Projek ini mengandungi 335 unit rumah teres dan telah disiapkan sepenuhnya pada Julai 2001. Semakan Audit terhadap fail permohonan rumah awam kos rendah mendapati sebanyak 466 permohonan telah diterima bagi projek ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 110 orang pemohon telah dipanggil menghadiri temu duga untuk peringkat pertama. Proses temu duga tersebut telah dijalankan pada Mei 2002 dan Januari 2003. Susulan daripada proses temu duga itu, seramai 76 orang pemohon telah ditawarkan untuk peringkat pertama pada November 2004. Manakala baki kekosongan rumah sebanyak 259 unit lagi akan ditawarkan secara berperingkat.

**c) PAKR Beseri Paya III**

PAKR Beseri Paya III mengandungi 92 unit rumah teres satu tingkat dan telah disiapkan sepenuhnya pada bulan November 2001. Semakan Audit terhadap fail permohonan rumah awam kos rendah mendapati, Unit Perumahan Negeri telah menerima sebanyak 78 permohonan bagi projek ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 76 orang pemohon telah dipanggil untuk menghadiri temu duga pada bulan Julai 1999, Mac dan September 2000. Seramai 70 orang pemohon telah menghadiri temu duga yang telah diadakan dan seramai 54 orang pemohon telah berjaya untuk ditawarkan rumah awam kos rendah bagi projek ini. Cabutan undi rumah telah diadakan pada bulan Disember 2004 oleh Unit Perumahan Negeri untuk menentukan kedudukan rumah yang dimiliki oleh pemohon yang telah ditawarkan rumah. Semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2005 mendapati sebanyak 29 unit rumah telah disewakan kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi Islam Perlis yang mana penyewaan rumah tersebut adalah bagi tempoh selama 2 tahun. Bagaimanapun sehingga tarikh audit dilakukan, kutipan bulanan sewa rumah bagi 29 unit rumah tersebut belum dibuat kerana surat perjanjian penyewaan belum disediakan. Baki kekosongan sebanyak 9 unit rumah lagi akan ditawarkan pada peringkat seterusnya.

**d) PAKR Chuping II Fasa II**

Projek PAKR Chuping II Fasa II mengandungi 112 unit rumah teres dan telah disiapkan pada bulan Mei 1999. Semakan Audit terhadap fail permohonan rumah awam kos rendah mendapati sebanyak 103 permohonan telah diterima bagi projek ini dan kesemuanya telah dijemput untuk menghadiri temu duga yang diadakan pada bulan Julai, Oktober dan Disember 1999. Daripada jumlah tersebut, seramai 76 orang pemohon telah menghadiri temu duga yang telah diadakan. Keputusan temu duga telah dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih

Perumahan Awam pada bulan Januari 2000 dan seterusnya telah diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Februari 2000. Seramai 71 orang telah ditawarkan rumah untuk projek ini, bagaimanapun hanya seramai 58 orang pemohon sahaja yang telah hadir untuk cabutan undi rumah pada bulan November 2000. Oleh itu, masih terdapat kekosongan rumah berjumlah 54 unit untuk projek ini. Pada bulan Februari, Mac dan Jun 2002, temu duga peringkat kedua telah diadakan bagi mengisi kekosongan rumah di projek PAKR ini. Sebanyak 64 permohonan telah diterima oleh Unit Perumahan Negeri dan kesemua pemohon telah dipanggil untuk menghadiri temu duga. Daripada jumlah tersebut, seramai 52 orang pemohon telah menghadiri temu duga yang telah diadakan. Keputusan temu duga peringkat kedua telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilih Perumahan Awam pada bulan Januari 2003 dan seterusnya telah diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk kelulusan pada bulan September 2003. Pada peringkat kedua ini, Majlis telah memutuskan untuk menawarkan pembelian rumah di Perumahan Awam Kos Rendah Chuping II Fasa II kepada 24 pemohon yang berjaya. Baki kekosongan rumah sebanyak 30 unit akan diagihkan pada peringkat seterusnya.

**Pada pendapat Audit, pengagihan rumah hendaklah dibuat dengan segera bagi mengelakkan pencerobohan dan kerosakan pada bangunan rumah yang telah disiapkan.**

#### **10.2.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

##### **a) Guna Tenaga**

Semakan Audit terhadap Senarai Perjawatan Unit Perumahan Negeri yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mendapati daripada 15 perjawatan yang telah diluluskan, sebanyak 13 perjawatan telah diisi manakala 2 perjawatan lagi masih kosong. Kekosongan perjawatan adalah bagi jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas penguatkuasaan dan tugas Kerajaan Tempatan. Tugas yang dijalankan oleh Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Penguatkuasaan adalah menguatkuasakan undang-undang dan menarik balik rumah yang terlibat dengan tunggakan ansuran rumah mengikut prosedur yang ditetapkan, memastikan pembeli rumah melalui sewa beli tidak menyewa rumah mereka kepada orang lain dan mengesan bekas pembeli rumah melalui sewa beli untuk mendapatkan baki hutang yang belum dijelaskan. Manakala Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Kerajaan Tempatan pula menjalankan tugas mengurus perbelanjaan projek

peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

**b) Latihan**

Kursus dan latihan kepada kakitangan perlu diberi keutamaan bagi melicinkan lagi aktiviti pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2005, kursus dan latihan yang telah diberikan adalah Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dan kursus pengurusan kewangan untuk kakitangan Unit Hasil dan Pentadbiran. Bengkel Keperluan Pengguna Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer pula telah diberikan kepada kakitangan Unit Perumahan bagi memastikan urusan Sistem Pendaftaran Terbuka Berkomputer di peringkat negeri berjalan dengan lancar dan sempurna. Selain itu, kursus teknikal iaitu Kursus Penyelaras Projek PBT, Kursus Pegawai-Pegawai Teknikal dan Kursus Sistem Pematuhan Projek telah diberikan kepada Juruteknik di Unit Teknikal.

**Pada pendapat Audit, pengisian perjawatan adalah tidak memuaskan kerana kekosongan perjawatan yang berlaku melibatkan tugas penguatkuasaan undang-undang perumahan awam kos rendah.**

**10.2.11 Prestasi Kewangan**

Keperluan kewangan adalah penting untuk memastikan pengurusan projek perumahan awam kos rendah dapat dilaksanakan dengan lancar dan baik. Peruntukan kewangan yang tidak mencukupi akan menyebabkan projek terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya.

**a) Pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah**

Projek Perumahan Awam Kos Rendah telah dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan. Tapak projek PAKR dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Pusingan Rancangan Perumahan Awam (RPA). Jumlah pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mengikut sesuatu projek yang hendak dilaksanakan. Keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan bagi membiayai 8 projek bagi tempoh RMK-7 adalah berjumlah RM65.02 juta. Kedudukan pinjaman yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Pinjaman Yang Diluluskan**  
**Bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah Di Bawah RMK-7**

Bil.	Projek	Tarikh Perjanjian Pinjaman	Pinjaman Diluluskan (RM Juta)
1.	PAKR Beseri Paya III	13.9.1997	2.87
2.	PAKR Tambun Tulang	13.9.1997	7.70
		29.1.2000	0.67
3.	PAKR Chuping II Fasa II	1.10.1997	3.68
4.	PAKR Kangar V	1.10.1997	5.10
5.	PAKR Kuala Perlis IV	29.1.2000	25.00
6.	PAKR Santan II	29.1.2000	9.23
7.	PAKR Simpang Empat III	2.10.2000	7.08
8.	PAKR Wang Kelian	29.1.2000	3.70
<b>Jumlah</b>			<b>65.03</b>

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

Sementara itu, Kerajaan Negeri juga telah menerima geran infrastruktur berjumlah RM5.77 juta bagi semua projek RMK-7 daripada Kerajaan Persekutuan bagi menampung kos infrastruktur projek PAKR yang telah dilaksanakan. Geran ini bertujuan untuk membantu meringankan bebanan kewangan Kerajaan Negeri dan seterusnya sebagai galakan dalam usaha mempercepatkan dan meningkatkan pembangunan perumahan kos rendah. Sejumlah RM1.56 juta telah diterima pada tahun 2000, sejumlah RM3.04 juta pada tahun 2002 dan sejumlah RM1.17 juta pada tahun 2003. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak menghadapi masalah dalam membiayai kos pelaksanaan projek berjumlah RM67.29 juta.

Sehingga akhir tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menerima pengeluaran pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.45 juta atau 43.8% daripada keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan. Baki pinjaman berjumlah RM36.57 juta atau 56.2% belum diterima oleh Kerajaan Negeri. Baki pinjaman yang belum diterima tersebut adalah bagi projek PAKR Simpang Empat III dan PAKR Kuala Perlis IV. Ini adalah kerana 2 projek tersebut telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh Jabatan Perumahan Negara.

**Pada pendapat Audit, pembiayaan projek perumahan awam kos rendah telah diuruskan dengan baik.**

**b) Prestasi Perbelanjaan Projek**

Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak RM68.13 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek PAKR bawah RMK-7 dan RMK-8. Perbelanjaan tersebut adalah bagi bayaran pengambilan balik tanah dan kos projek. Kedudukan perbelanjaan projek PAKR adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Perbelanjaan Projek PAKR**  
**Di Bawah RMK-7 Dan RMK-8**

Bil.	Projek	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)
1.	PAKR Kangar V	5.42
2.	PAKR Tambun Tulang	11.05
3.	PAKR Beseri Paya III	2.34
4.	PAKR Chuping II Fasa II	2.96
5.	PAKR Wang Kelian	4.74
6.	PAKR Santan II	13.31
7.	PAKR Simpang Empat III	0.76
8.	PAKR Kuala Perlis IV	6.31
9.	PAKR Sungai Baru	1.32
10.	PAKR Mata Ayer V	0.73
11.	PAKR Kubang Gajah	7.83
12.	PAKR Ulu Pauh	1.02
13.	PAKR Sena	1.27
14.	PAKR Kuala Perlis V	9.06
<b>Jumlah</b>		<b>68.13</b>

*Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis*

**Pada pendapat Audit, perbelanjaan projek perumahan awam kos rendah telah diuruskan dengan memuaskan.**

**c) Arahan Perubahan Kerja Dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak**

Jabatan Perumahan Negara telah membuat beberapa perubahan kerja yang menyebabkan berlakunya perubahan kepada harga kontrak. Beberapa Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak telah dikeluarkan oleh Pegawai Pengguna Projek semasa projek dilaksanakan untuk membuat pelarasan tertentu kepada 4 projek PAKR iaitu PAKR Kangar V, PAKR Tambun Tulang, PAKR Beseri Paya III dan PAKR Chuping II Fasa II seperti di **Jadual 24**. Arahan Perubahan Kerja dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak telah dikeluarkan seperti berikut:

**i) PAKR Kangar V**

Semakan Audit mendapati 1 arahan perubahan harga dan 1 arahan perubahan kerja bagi projek PAKR Kangar V yang melibatkan pertambahan kos bagi arahan perubahan berjumlah RM316,500. Pelarasian ini adalah disebabkan perubahan kerja yang melibatkan pembinaan tangki air junjung dan kerja-kerja berkaitan dengannya. Perubahan kerja ini dibuat bagi mematuhi kehendak Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bekalan Air) Perlis memandangkan tekanan air di kawasan perumahan tersebut adalah rendah.

**ii) PAKR Tambun Tulang**

Bagi projek PAKR Tambun Tulang pula, ia melibatkan 3 arahan perubahan harga dan 1 arahan perubahan kerja. Tiga arahan perubahan harga yang berjumlah RM474,477 adalah kerja-kerja menambah tiang berserta dengan tetulang keluli kepada tembok penahan di sisi kiri dan kanan tapak projek, pengukuran semula kuantiti sementara untuk kerja tanah dan perubahan harga bahan mengikut peruntukan khas kepada syarat kontrak. Satu arahan perubahan kerja pula ialah melibatkan kerja-kerja menambah tiang berserta dengan tetulang keluli kepada tembok penahan di sisi kiri dan kanan tapak projek.

**iii) PAKR Beseri Paya III**

Projek PAKR Beseri Paya III terlibat dengan 2 arahan perubahan harga dan 1 arahan perubahan kerja. Arahan perubahan harga untuk 2 unit rumah adalah berjumlah RM56,088 dan jumlah *Provisional Sum* yang tidak dibelanjakan adalah RM66,000 dan tambahan 2 unit rumah ini dilaksanakan adalah atas arahan Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagi arahan perubahan kerja ia melibatkan tambahan 2 unit rumah. Bagaimanapun, perubahan kerja tersebut tidak melibatkan tambahan harga kontrak asal iaitu berjumlah RM2.25 juta malahan ia mengurangkan lagi harga kontrak sebenar iaitu berjumlah RM2.24 juta.

**iv) PAKR Chuping II Fasa II**

Semakan Audit terhadap Perakuan Perubahan Kerja mendapati 3 arahan perubahan kerja telah dilakukan bagi PAKR Chuping II Fasa II yang menyebabkan perubahan harga kontrak.

- **Arahan Perubahan No. 1**

Arahan perubahan kerja bagi projek ini melibatkan tambahan harga sebanyak RM25,912 menjadikan harga kontrak sebenar berjumlah RM2.94 juta. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh pemasangan 1 unit *Non-return valve*, pindaan kerja pada *tibar layar*, ceper jalan, sangga tong sampah dan nombor rumah. Bagi arahan perubahan harga pula, ia melibatkan pengurangan harga iaitu berjumlah RM38,940 kerana penukaran bingkai pintu dan tingkap dari jenis besi kepada kayu untuk semua unit rumah serta pengukuran semula kuantiti sementara untuk kerja-kerja tanah.

- **Arahan Perubahan No. 2**

Arahan perubahan kerja melibatkan penukaran bahan binaan yang lebih murah harganya daripada harga asal. Contohnya penukaran bingkai pintu dan tingkap dari jenis besi kepada kayu untuk semua unit rumah. Pertukaran bahan binaan ini melibatkan pengurangan harga berjumlah RM43,949. Arahan perubahan harga pula menambahkan harga kontrak berjumlah RM19,114 dengan menambah 2 unit pili bomba, merobohkan parit 600mm. sedia ada serta membina semula parit 600mm. di hadapan blok A dan B, menambah 7 unit lurang pembetung kumbahan dan mendalamkan lurang-lurang pembetung kumbahan.

- **Arahan Perubahan No. 3**

Arahan perubahan kerja melibatkan pertambahan 2 unit pili bomba, merobohkan parit 600mm. sedia ada serta membina semula parit 600mm. di hadapan blok A dan B, menambah 7 unit lurang pembetung kumbahan dan mendalamkan lurang-lurang pembetung kumbahan dengan pertambahan harga kontrak sebanyak RM43,496. Ringkasan Arahan Perubahan Harga dan Kerja adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Ringkasan Arah Perubahan Harga Dan Kerja**

Bil.	Projek	Harga Kontrak Asal (RM Juta)	Harga Kontrak Sebenar (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	Butiran Perubahan Kerja
1.	PAKR Kangar V	4.26	4.58	0.32	Membina tangki air junjung & kerja berkaitan
2.	PAKR Tambun Tulang	10.05	10.52	0.47	Menambah tiang(Stiftener) berserta dengan tetulang keluli kepada tembok penahan di sisi kiri dan kanan tapak projek.
3.	PAKR Beseri Paya III	2.25	2.24	-	Tambah 2 unit rumah (Lot 39 & 59)
4.	PAKR Chuping II Fasa II	2.91	2.89	(0.02)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memasang 1 unit <i>Non-return Valve</i></li> <li>• Pindaan kerja pada tibar layar</li> <li>• Ceper jalan</li> <li>• Sangga tong sampah</li> <li>• Nombor rumah</li> <li>• Menukar bingkai pintu dan tingkap dari jenis besi kepada kayu.</li> <li>• Menambah 2 unit pili bomba</li> <li>• Merobohkan parit 600mm sedia ada serta membina semula parit 600mm</li> <li>• Menambah 7 unit lurang pembetung kumbahan</li> <li>• Mendalamkan lurang pembetung kumbahan</li> </ul>

Sumber : Rekod Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perlis

**Pada pendapat Audit, perubahan kerja dan harga tidak sewajarnya dibuat kerana ianya sepatutnya telah diambil kira semasa kerja reka bentuk dijalankan.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah tidak memuaskan yang diharapkan kerana terdapat projek yang belum siap dan belum dilaksanakan lagi. Manakala rumah yang telah siap belum diagihkan kesemuanya. Oleh itu, program ini tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh golongan berpendapatan rendah.

### 10.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan aspek penting bagi memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan Program Perumahan Awam Kos Rendah di Negeri Perlis dapat mencapai

matlamat program yang ditetapkan. Pemantauan terhadap pelaksanaan projek Perumahan Awam Kos Rendah telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perumahan Negeri dan Jabatan Perumahan Negara selaku agensi pelaksana. Pemantauan Program Perumahan Awam Kos Rendah telah dilakukan melalui peringkat berikut:

#### **10.3.1 Unit Perumahan Negeri**

Unit Perumahan Negeri telah terlibat secara langsung dari peringkat awal bermula dengan mengenal pasti tapak projek sehingga peringkat pengagihan rumah. Semakan Audit terhadap fail mesyuarat Jawatankuasa mendapati Unit Perumahan Negeri telah terlibat dalam semua Jawatankuasa yang berkaitan dengan perumahan awam kos rendah seperti Jawatankuasa Penyelaras Dasar Perumahan Negeri, Jawatankuasa Perancang Negeri, Jawatankuasa Lembaga Tender Negeri dan Jawatankuasa Penemu duga. Unit ini juga dikehendaki menyediakan Laporan Prestasi Fizikal Dan Kewangan Projek untuk tujuan pemantauan di peringkat Kerajaan Negeri. Unit ini juga turut mengadakan lawatan ke tapak projek semasa pembinaan dijalankan sebelum bayaran kemajuan projek dibuat.

#### **10.3.2 Jabatan Perumahan Negara**

Jabatan Perumahan Negara bertindak sebagai penasihat teknikal dan agensi pelaksana kepada Kerajaan Negeri. Pemantauan pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah yang dilakukan oleh Jabatan Perumahan Negara telah dilaksanakan dari peringkat mengenal pasti tapak yang sesuai sehingga projek siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Jabatan Perumahan Negara yang bertindak sebagai Pegawai Pengguna Projek telah menjalankan pemantauan pelaksanaan projek khususnya yang melibatkan aspek teknikal dan spesifikasi kontrak seperti kualiti bahan binaan yang digunakan. Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR mendapati penyeliaan melalui mesyuarat tapak, laporan kemajuan kerja yang dikemukakan oleh pihak kontraktor kepada Jabatan Perumahan Negara telah diadakan secara bulanan supaya pihak Jabatan Perumahan Negara dapat mengambil tindakan terhadap masalah di tapak projek. Jabatan Perumahan Negara juga turut mengadakan lawatan ke tapak projek secara berkala untuk semakan fizikal projek.

##### **a) Mesyuarat Tapak**

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tapak projek PARK mendapati mesyuarat tapak telah dijalankan di setiap bulan untuk semua projek yang dilaksanakan. Antara perkara yang dibincangkan atau pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Perumahan Negara adalah pihak kontraktor dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Teknikal seperti Majlis Perbendaharaan Negeri,

Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Jabatan Kerja Raya serta pembentangan laporan kemajuan oleh pihak kontraktor. Bagi projek PAKR yang mengalami kelewatan kemajuan kerja pembinaan iaitu projek PAKR Kangar V maka pihak Jabatan Perumahan Negara telah memperingatkan pihak kontraktor melalui mesyuarat tapak bilangan 10 dan 11 supaya mempergiatkan aktiviti di tapak projek untuk memulakan kerja-kerja pemasangan paip air kumbahan dan juga paip bekalan air yang telah mendapat kelulusan pelan dari pihak berkuasa tempatan. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Jabatan Perumahan Negara dan telah dihadiri oleh wakil dari Jabatan Kerja Raya, wakil dari Unit Perumahan Negeri dan pihak kontraktor.

**b) Laporan Kemajuan**

Semakan Audit terhadap Fail Projek PAKR mendapati Laporan Kemajuan telah disediakan oleh pihak kontraktor dan telah dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara setiap bulan dan disalinkan kepada Unit Perumahan Negeri. Laporan ini memberi gambaran sebenar status kemajuan projek pembinaan yang sedang dijalankan dengan melapor perkara seperti status kemajuan kerja, status kemajuan kewangan dan maklumat bergambar kemajuan fizikal projek.

**10.3.3 Peranan Jawatankuasa Yang Ditubuhkan**

Bagi memperkuatkan mekanisme pemantauan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Tindakan Negeri serta 2 jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Penyelaras Projek Perumahan Negeri. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa tersebut telah memainkan peranan masing-masing bagi menjayakan program perumahan awam kos rendah di Negeri Perlis. Kekerapan mesyuarat yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

**a) Majlis Tindakan Negeri**

Pada tahun 2005, hanya 2 kali sahaja mesyuarat Majlis Tindakan Negeri telah diadakan iaitu pada bulan Mei dan Jun 2005.

**b) Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri**

Sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2005, sebanyak 13 kali mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri telah diadakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3 kali mesyuarat telah diadakan pada tahun 2005 iaitu pada September, November dan Disember 2005. Mesyuarat ini telah membincangkan Laporan Bulanan projek RMK-8 dan projek sambungan dari RMK-7 yang telah dikemukakan

oleh Unit Perumahan Negeri setiap bulan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Perlis. Maklumat yang dilaporkan adalah jumlah perbelanjaan projek, status fizikal dan maklumat projek serta maklumat kontraktor. Mesyuarat tersebut sepatutnya diadakan setiap bulan tetapi disebabkan terdapat beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan maka mesyuarat hanya dapat diadakan beberapa kali sahaja. Melalui mesyuarat ini, Seksyen Pemantauan dan Penilaian Pejabat Pembangunan Negeri Perlis berpendapat prestasi pelaksanaan projek PAKR di bawah RMK-7 dan RMK-8 di Negeri Perlis masih tidak memuaskan kerana terdapat lagi projek PAKR di bawah RMK-7 disambung di bawah RMK-8 tidak dapat diselesaikan dan projek PAKR di bawah RMK-8 pula tidak dapat dilaksanakan terpaksa disambung ke RMK-9. Masalah ini timbul disebabkan proses pengambilan balik tanah menghadapi masalah kerana tanah yang terlibat adalah hak milik perseorangan.

**c) Jawatankuasa Penyelaras Projek Perumahan Negeri**

Sepanjang tempoh tahun 2005, hanya 2 kali sahaja telah diadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Projek Perumahan iaitu pada bulan Mac dan April 2005.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang telah dibuat oleh pihak yang terlibat terhadap pelaksanaan dan pengurusan Projek Perumahan Awam Kos Rendah ini adalah kurang memuaskan.**

## **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya perancangan pengurusan Program Perumahan Awam Kos Rendah adalah baik. Namun pelaksanaan projek ini kurang memuaskan di mana projek PAKR yang dilaksanakan telah lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan disebabkan masalah yang dihadapi oleh kontraktor, arahan perubahan kerja dan Lanjutan Masa. Projek PAKR yang telah siap dibina belum diagihkan kepada pembeli sehingga menyebabkan kerosakan bangunan rumah yang dibina. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung kos penyelenggaraan rumah yang tinggi. Berikut adalah syor Audit bagi membantu Unit Perumahan Negeri menguruskan projek PAKR dengan lebih cekap dan berkesan:

- a)** Jabatan Perumahan Negara hendaklah melantik kontraktor yang lebih berwibawa dan mengeluarkan arahan perubahan kerja dengan lebih cepat bagi mengelakkan projek lewat disiapkan.

- b) Unit Perumahan Negeri perlu mengambil tindakan untuk menjual rumah yang telah siap dibina dengan kadar segera bagi mengelak rumah tersebut mengalami kerosakan sehingga tidak dapat dijual dan selamat diduduki.
- c) Unit Perumahan Negeri perlu memastikan pengambilan tanah dilaksanakan dengan cepat dan teratur supaya projek PAKR dapat dilaksanakan serta disiapkan mengikut jadual yang dirancang.
- d) Penentuan tapak dan kajian tanah dibuat lebih awal iaitu semasa projek dirancang dan bukannya semasa projek hendak dilaksana supaya masalah tapak seperti masalah mendapan tanah dapat dikenal pasti lebih awal. Kesesuaian tapak amat penting dititikberatkan kerana ia boleh mempengaruhi faktor kos pembinaan.

## **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS**

### **PENGURUSAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS**

#### **12. LATAR BELAKANG**

**12.1** Perpustakaan pertama yang didirikan di Negeri Perlis ialah pada bulan Disember 1969. Ia dikenali sebagai Kutub Khanah Negeri Perlis dan bertempat di Bilik Pertahanan Awam, Bangunan Mahkamah Lama, Jalan Kelab Indera Kayangan, Kangar. Pada bulan November 1973, nama Kutub Khanah Negeri Perlis ini telah ditukar kepada Perpustakaan Umum Negeri Perlis dan seterusnya kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (Perbadanan) pada tahun 1977. Penubuhan Perbadanan adalah tertakluk kepada Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984 yang telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri pada bulan Disember 1984 dan diwartakan pada bulan Julai 1985. Dengan daya usaha Lembaga Pengarah, Perbadanan kini beroperasi di bangunannya sendiri, terletak di Jalan Pegawai, Kangar dan mula beroperasi pada bulan April 1988. Pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis pada bulan November 1988.

**12.2** Matlamat penubuhan Perbadanan adalah untuk menyediakan bahan bacaan untuk tujuan pinjaman, rujukan dan penyelidikan oleh rakyat Negeri Perlis, merancang program/aktiviti ke arah menambahkan rangkaian perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negeri, menganjur serta menggalakkan pembacaan di kalangan masyarakat dan memberikan khidmat nasihat kepada pihak yang memerlukan bimbingan/latihan dalam bidang ilmu perpustakaan. Perbadanan kemudiannya mengembangkan perpustakaan ke seluruh Negeri Perlis secara berperingkat mulai tahun 1988 dengan menubahkan beberapa Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Bergerak. Sehingga bulan Disember 2005, Perbadanan mempunyai 32 buah rangkaian perpustakaan yang terdiri daripada sebuah Perpustakaan Pusat, tiga buah Perpustakaan Cawangan, sebuah Perpustakaan Pekan, 16 buah Perpustakaan Desa, enam buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu, empat buah Perpustakaan Bergerak dan sebuah Perpustakaan Bergerak Multimedia. Kos keseluruhan pembinaan dan penyediaan perpustakaan ini berjumlah RM10.80 juta.

**12.3** Perpustakaan yang disediakan ini memberikan perkhidmatan meliputi semua keperluan pembacaan, pembelajaran dan rekreasi. Koleksi buku yang dimiliki oleh Perbadanan sehingga bulan Disember 2005 berjumlah kira-kira 369,000 buah. Selain mempunyai laman webnya sendiri iaitu di [www.lib-perlis.org.my](http://www.lib-perlis.org.my), Perbadanan telah juga

berjaya melancarkan laman web Raja Perlis iaitu di [www.perlisroyalty.gov.my](http://www.perlisroyalty.gov.my) pada tahun 2003 dan merupakan laman web pertama yang dilancarkan secara rasminya di Malaysia. Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perpustakaan Negara Malaysia di bawah Projek Pendigitan Sumber Ilmu Negeri.

### **13. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

### **14. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pengurusan aktiviti perpustakaan yang merangkumi program perkhidmatan dan maklumat, perolehan, kawalan dan pelupusan buku serta pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan Perpustakaan Awam Negeri Perlis bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Pengauditan dijalankan dengan menyemak akta, enakmen, undang-undang, rekod, fail, minit mesyuarat Lembaga, dokumen yang berkaitan serta temu bual dengan pegawai Perbadanan dan pengunjung perpustakaan. Selain itu, lawatan Audit ke Perpustakaan Pusat, dua buah Perpustakaan Cawangan, sebuah Perpustakaan Pekan, 6 buah Perpustakaan Desa dan 4 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu dilakukan untuk melihat pengurusan serta keadaannya secara fizikal. Analisis perbandingan juga dibuat berdasarkan data dan statistik yang diperoleh hasil daripada pengauditan yang dijalankan.

### **15. PENEMUAN AUDIT**

#### **15.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan perkara penting yang perlu disediakan sebelum sesuatu program dilaksanakan. Perancangan yang baik dapat membantu kelancaran pelaksanaan dan pencapaian matlamat sesuatu program atau aktiviti. Aspek perancangan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

##### **15.1.1 Dasar Perbadanan**

Perbadanan menerima pakai dasar Perpustakaan Negara Malaysia mengenai perpustakaan dan perkhidmatan maklumat memberi penekanan kepada semua perancangan terhadap pengurusan perpustakaan awam Negeri. Dasar ini bertujuan

untuk meningkatkan lagi peruntukan dan perkembangan secara berperingkat, sumber-sumber, kemudahan, perkhidmatan dan matlamat perpustakaan supaya dapat memberikan sumbangan berkesan kepada pembangunan Negara. Perbadanan sebagai Agensi Kerajaan Negeri berperanan menjadi pusat maklumat kepada Negeri Perlis ke arah membentuk rakyat yang berbudaya membaca dan berilmu dan akan memastikan peranan yang dimainkan adalah relevan dan berterusan. Perbadanan berperanan menyediakan sumber dan kemudahan infrastruktur serta memastikan perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dapat disediakan secara lebih efektif dan terancang.

#### **15.1.2 Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan**

Undang-undang, peraturan dan garis panduan perlu ada bagi memastikan setiap program dan aktiviti yang dijalankan adalah dibenarkan serta diselenggarakan dengan baik.

##### **a) Undang-undang**

Penubuhan Perbadanan adalah berdasarkan kepada Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984. Berikut adalah kuasa dan tanggungjawab Perbadanan sebagai sebuah Agensi yang akan bertanggungjawab mengurus Perpustakaan Awam Negeri Perlis iaitu:

- i) Mengikut Seksyen 4(1), Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984, Perbadanan hendaklah ditadbirkan oleh satu Lembaga yang ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan dibantu oleh 14 orang ahli.
- ii) Mengikut Seksyen 9, Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984 telah memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan, melengkapai, mengurus dan menyelenggarakan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Selain itu, Perbadanan juga diberi kuasa untuk menganjur dan menggalakkan penggunaan buku-buku untuk tujuan rujukan dan pinjaman.
- iii) Mengikut Seksyen 10, Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984, Perbadanan dibenarkan untuk menubuhkan, mengurus dan menyelenggarakan cawangan Perpustakaan Awam di mana-mana bahagian dalam Negeri selain menyedia dan menyelenggarakan perpustakaan-perpustakaan bergerak.
- iv) Perbadanan menerusi Seksyen 20, Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984 dikehendaki menyimpan dengan sepatutnya akaun dan rekod lain berkenaan dengan urus niaga dan hal ehwalnya mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah mengambil tindakan perlu bagi

memastikan bahawa semua pendapatan di masuk kira dengan sepatutnya. Perbadanan juga dikehendaki dalam tempoh 6 bulan selepas berakhirnya tiap-tiap tahun kewangan mengaudit akaunnya dan menghantar kepada Menteri Besar dan Perpustakaan Negara bersama dengan satu salinan apa-apa laporan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara.

**b) Peraturan**

Perbadanan akan memastikan bahawa pengurusan kewangan dan kakitangan pegawainya akan diuruskan berpandukan kepada arahan serta pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa.

**c) Garis Panduan**

Bagi memastikan bahan bacaan disusun dengan kemas dan teratur, Perbadanan akan menggunakan perisian *Soft Trade Library System* jenis *Anglo American Cataloguing Rules 2* untuk merekodkan semua perolehan buku miliknya. Setelah buku dikatalogkan, ia akan dikelaskan mengikut *Dewey Decimal Classification System* atau Sistem Pengelasan Perpuluhan Dewey.

**15.1.3 Sasaran Pengurusan Dan Perkhidmatan**

Perbadanan menyediakan perkhidmatan bagi semua lapisan masyarakat. Berikut adalah beberapa sasaran yang telah dirancang oleh Perbadanan untuk dilaksanakan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005:

**a) Pemilikan Buku**

Bagi memastikan pengunjung perpustakaan mendapat bekalan koleksi buku yang mencukupi, Perbadanan merancang membeli 10,000 buah buku pada tahun 2003, sebanyak 12,000 buah buku pada tahun 2004 dan 13,000 buah buku pada tahun 2005.

**b) Pengunjung**

Perbadanan mensasarkan seramai 55,000 orang akan mengunjungi Perbadanan pada tahun 2003, seramai 60,000 orang pada tahun 2004 dan 65,000 orang pada tahun 2005.

**c) Aktiviti Luar**

Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia, Perbadanan merancang sebanyak 57 aktiviti luar bagi tempoh tahun

2003 hingga 2005 seperti di **Lampiran III**. Aktiviti yang akan dijalankan ini difokuskan kepada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

**d) Pinjaman**

Perbadanan menjangkakan sebanyak 9,000 buah buku akan dipinjam oleh ahli perpustakaan pada tahun 2003, 14,400 buah buku pada tahun 2004 dan 20,000 buah buku pada tahun 2005.

**e) Keahlian**

Perbadanan membuat sasaran seramai 1,200 orang akan mendaftar sebagai ahli baru perpustakaan pada tahun 2005, 1,000 orang pada tahun 2004 dan 900 orang pada tahun 2003.

**f) Peralatan Dan Susun Atur**

Perbadanan akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM0.95 juta bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Peruntukan tersebut diperlukan untuk membeli kelengkapan perabot seperti rak buku, meja, kerusi, kaunter dan rak akhbar, kemudahan perhubungan untuk talian internet, 10 buah komputer, sebuah televisyen, sebuah pemain video, sebuah *scanner*, sebuah *printer*, empat buah mesin fotostat, satu unit Sistem Keselamatan Koleksi Perpustakaan dan satu unit Sistem Perpustakaan Berkomputer Bayaran. Kemudahan ini akan ditempatkan di Perpustakaan Pusat dan cawangannya. Peralatan seperti rak penyimpanan buku, kerusi, meja serta peralatan komputer akan disusun mengikut kesesuaian dan keluasan lantai di setiap perpustakaan.

**15.1.4 Komponen Pengurusan Perkhidmatan**

Komponen pengurusan perkhidmatan Perbadanan akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

**a) Bahagian Khidmat Pengurusan**

Bahagian Khidmat Pengurusan akan bertanggungjawab menentukan pengurusan pentadbiran dan hal ehwal kewangan Perbadanan berjalan dengan lancar, cekap dan teratur berdasarkan pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa. Bahagian pentadbiran akan bertanggungjawab memastikan segala urusan yang berkaitan dengan perjawatan, pentadbiran dan keselamatan dilakukan dengan sempurna. Ia juga akan berperanan memastikan segala rekod Perbadanan sentiasa dikemas kini dan tersimpan dengan baik. Bahagian kewangan pula akan bertanggungjawab memastikan perjalanan urusan kewangan berjalan dengan lancar dan teratur serta

menepati vot Perbadanan. Bahagian ini juga akan bertanggungjawab menyediakan maklumat terperinci bagi merangka penyediaan bajet tahunan.

**b) Bahagian Perkhidmatan Maklumat Dan Pendokumentasian**

Bahagian ini akan bertanggungjawab mengesan, memperoleh serta memproses bahan-bahan tambahan kepada koleksi perpustakaan mengikut peruntukan yang diluluskan termasuk membina Koleksi Khas mengenai Negeri Perlis. Bahagian ini juga akan bertanggungjawab terhadap pemulihan bahan-bahan yang terdapat dalam koleksi perpustakaan iaitu penjilidan dan pemberian bahan. Unit yang terdapat di bahagian ini ialah:

**i) Unit Perolehan**

Unit ini akan bertanggungjawab mengesan, memperoleh serta memproses bahan-bahan untuk dijadikan koleksi perpustakaan. Pembelian bahan koleksi adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan.

**ii) Unit Khidmat Teknik**

Unit ini akan berfungsi sebagai pengelasan dan mengkatalogkan buku bacaan perpustakaan. Perbadanan akan mengkatalogkan buku bacaan dengan menggunakan *Soft Trade Library System* iaitu *Anglo American Cataloguing Rules* 2 dan dikelaskan mengikut *Dewey Decimal Classification* (DDC) atau Sistem Pengelasan Perpuluhan Dewey. Bagi mengakses katalog perpustakaan, pengguna akan dibekalkan dengan sistem OPAC (*Online Public Access Catalogue*).

**iii) Unit Sirkulasi Dan Khidmat Pelanggan**

Unit Sirkulasi (*Circulation Unit*) akan bertanggungjawab menyelenggarakan hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat. Perkhidmatan yang akan disediakan oleh Unit ini ialah pendaftaran ahli, tempahan pinjaman dan pemulangan bahan, mengendalikan urusan tempahan buku serta menjalankan aktiviti dalam usaha menggalakkan penggunaan perpustakaan. Perkhidmatan yang akan disediakan oleh Unit ini ialah:

**• Pendaftaran Dan Pembaharuan Keahlian**

Setiap pengguna yang hendak menjadi ahli dikehendaki mengisi dan melengkapkan borang keahlian yang disediakan di kaunter utama. Bayaran pendaftaran keahlian yang akan dikenakan adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Anggaran Bayaran Pendaftaran Keahlian Perpustakaan**

Kategori Ahli	Yuran Tahunan (RM)	Kad Ahli (RM)
<b>Warganegara Malaysia</b>		
Kanak-kanak (6 hingga 12 tahun)	2	4
Remaja (13 hingga 18 tahun)	2	4
Dewasa (19 tahun ke atas)	6	4
Keahlian Seumur Hidup	18	4
<b>Bukan Warganegara Malaysia</b>		
7 hingga 18 tahun	20	4
19 tahun ke atas	50	4

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Setiap ahli perpustakaan selain keahlian seumur hidup, dikehendaki memperbaharui keahlian setiap tahun dengan dikenakan bayaran seperti yang ditetapkan di atas.

- **Pinjaman Dan Pemulangan Buku**

Ahli berdaftar dibenarkan meminjam sehingga 2 buah buku dalam satu masa selama 2 minggu. Sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan buku yang dipinjam, peminjam akan dikehendaki membayar harga buku serta kos proses buku (RM1). Denda 5 sen sehari akan dikenakan bagi setiap buku yang lewat dipulangkan, tidak termasuk hari Ahad dan cuti umum. Pembaharuan boleh dibuat dengan datang sendiri atau melalui telefon dengan syarat ia tidak ditempah oleh pengguna lain.

#### iv) Unit Koleksi Negeri Perlis

Unit ini berfungsi mengumpul bahan-bahan mengenai Negeri Perlis dan juga bahan hasil karya penulis Negeri Perlis. Bahan yang akan dikumpulkan di dalam koleksinya ialah koleksi monograf, bibliografi, pendokumentasian dan penyelidikan, artikel, kertas kerja, tesis, jurnal, album gambar, manuskrip, buku nadir, pelan bangunan, peta, bahan pameran, koleksi peribadi, majalah, keratan akhbar, penyata rasmi mesyuarat, teks ucapan dan poster. Bahan-bahan di dalam koleksi ini tidak boleh dipinjam tetapi pengguna dibenarkan membuat salinan fotostat bagi bahan yang diperlukan sahaja.

v) **Perpustakaan Kanak-Kanak Dan Pusat Hipermedia Kanak-Kanak**

Unit Perpustakaan Kanak-kanak ini akan bertanggungjawab menyediakan pendaftaran ahli, pinjaman dan pemulangan bahan, perkhidmatan rujukan dan perkhidmatan sumber media kepada kanak-kanak. Unit ini juga akan turut menyediakan pelbagai aktiviti tambahan dalam usaha untuk menarik minat kanak-kanak mengunjungi perpustakaan. Melalui Kelab Kawanku Buku yang terdiri daripada kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun, pelbagai aktiviti akan disediakan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 seperti di **Lampiran IV**. Aktiviti ini akan dijalankan pada setiap hari Jumaat pada minggu ke-2 dan ke-4 mulai jam 3.00 hingga 5.00 petang. Yuran pendaftaran RM1 setahun akan dikenakan kepada mereka yang ingin menyertai kelab ini.

Perbadanan juga akan menyediakan bahagian khas kanak-kanak bagi menempatkan mereka yang berusia bawah 12 tahun dan ke atas. Tujuannya ialah untuk memberi keselesaan kepada kanak-kanak tanpa mengganggu pengguna dewasa yang membaca dan membuat rujukan di perpustakaan. Antara koleksi yang akan disediakan kepada kanak-kanak ialah:

- **Koleksi Pinjaman Kanak-Kanak**

Koleksi ini akan terdiri daripada buku fiksyen dan bukan fiksyen dalam bidang sains, teknologi, sejarah, agama, sukan dan sebagainya. Buku-buku ini boleh dipinjam oleh ahli.

- **Koleksi Buku Rujukan Kanak-Kanak**

Koleksi ini akan meliputi semua bidang perkara dan sesuai untuk pengetahuan kanak-kanak. Bahan koleksi ini tidak boleh dipinjam dan hanya untuk rujukan di perpustakaan sahaja. Ia akan diletakkan di dalam bilik khas dan diasingkan daripada buku pinjaman. Koleksi buku rujukan peperiksaan UPSR, kamus dan ensiklopedia akan merupakan koleksi utama di Unit ini untuk rujukan kanak-kanak.

- **Koleksi Bersiri Kanak-Kanak**

Koleksi bersiri kanak-kanak ini akan menyediakan majalah tempatan yang bersesuaian seperti majalah Bintang Kecil, Kuntum, Kawan, Asuh, *Mickey Mouse* dan Komik Anak-anak Sidik. Di samping itu, majalah berjilid dan akhbar pendidikan akan turut disediakan.

- **Koleksi CD, VCD, Pita Video VHS dan Kaset**

Koleksi ini akan ditempatkan di bilik Hipermedia kanak-kanak. Peralatan yang disediakan terdiri daripada alat pembelajaran interaksi multimedia terkini yang sesuai untuk kegunaan kanak-kanak. Bahan-bahan ini tidak boleh diberi pinjam.

**c) Bahagian Pembangunan Dan Rangkaian Perpustakaan**

Bahagian ini diwujudkan bagi merancang dan menyelaras pembangunan fizikal dan perkhidmatan perpustakaan di peringkat Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Bergerak di seluruh Negeri Perlis. Bahagian ini akan memastikan bangunan dan peralatan di semua rangkaian perpustakaan berada dalam keadaan baik dan memuaskan. Di samping itu, ia akan bertanggungjawab menyediakan kemudahan perkhidmatan perpustakaan kepada semua penduduk Negeri Perlis terutama penduduk luar bandar agar mereka tidak ketinggalan dalam era ledakan maklumat. Unit yang akan ditubuhkan bagi memastikan bahagian ini dapat beroperasi dengan lancar adalah seperti berikut:

**i) Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat**

Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat akan bertanggungjawab membuat promosi dan hebahan tentang aktiviti yang berlaku di Perbadanan. Unit ini akan menyediakan pamflet bagi tujuan berkenaan. Unit ini juga akan menyediakan koleksi buku rujukan dengan tujuan memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat penyelidikan. Khidmat nasihat akan diberikan kepada pengguna yang menghadapi masalah terutamanya dalam mendapatkan maklumat dan bahan rujukan sama ada secara lisan atau melalui telefon. Unit ini juga akan bertanggungjawab mengendalikan pinjaman antara perpustakaan di Malaysia melalui perkhidmatan Sistem Perbekalan Penerbitan. Koleksi yang boleh dipinjam ialah koleksi pinjaman, koleksi monograf umum, koleksi rujukan umum dan koleksi rujukan Malaysiana.

**ii) Unit Rangkaian Perpustakaan Dan Sumber Media**

Unit Rangkaian Perpustakaan akan ditubuhkan bagi memastikan operasi setiap perpustakaan di seluruh Negeri Perlis beroperasi dengan lancar. Unit Sumber Media pula akan bertanggungjawab menyediakan kemudahan peralatan sumber media dan menggalakkan penggunaan peralatan pandang dengar.

**iii) Unit Teknologi Maklumat**

Unit ini akan bertanggungjawab dalam menyediakan prasarana kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada pengguna serta membantu Jabatan dalam pembangunan ICT semasa.

**d) Kemudahan Lain**

Kemudahan lain yang akan disediakan adalah perkhidmatan sewa dewan syarahan. Kadar bayaran sewa dewan syarahan sehari yang akan dikenakan adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Kadar Bayaran Sewa Dewan Syarahan Sehari**

Penyewa	Hari	Jumlah (RM)
Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun	Bekerja	120
	Cuti	150
Swasta/Individu	Bekerja	150
	Cuti	200

*Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis*

**15.1.5 Waktu Perkhidmatan**

Perbadanan merancang akan membuka waktu operasi bagi Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Pekan, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Desa Siber Ilmu seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Waktu Perkhidmatan Perpustakaan**

Hari	Waktu
<b>Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan dan Perpustakaan Pekan</b>	
Isnin hingga Jumaat Sabtu (Minggu kedua & keempat)	9.00 pagi hingga 5.30 petang
<b>Perpustakaan Desa</b>	
Isnin hingga Jumaat	2.30 petang hingga 5.30 petang
Isnin – Jumaat (cuti sekolah)	9.00 pagi hingga 1.15 petang 2.30 petang hingga 5.30 petang
Sabtu (Minggu kedua & keempat)	8.30 pagi hingga 1.15 petang
<b>Perpustakaan Desa Siber Ilmu</b>	
Isnin – Khamis	9.00 pagi hingga 5.30 petang
Jumaat	9.00 pagi hingga 12.00 tengahhari 2.45 petang hingga 5.30 petang
Sabtu (Minggu kedua & keempat)	8.30 pagi hingga 1.15 petang

*Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis*

Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Desa Siber Ilmu akan beroperasi pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat walaupun ia adalah cuti am bagi Agensi Kerajaan. Perbadanan juga merancang untuk memberi perkhidmatan melalui Perpustakaan Bergerak. Perbadanan merancang mengadakan lawatan Perpustakaan Bergeraknya seperti di **Lampiran V**.

#### **15.1.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Perancangan keperluan guna tenaga dan latihan perbadanan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti berikut:

##### **a) Guna Tenaga**

Pada bulan Mei 2000, Kementerian Kewangan Malaysia menerusi Waran Peruntukan Kelulusan Perjawatan Badan-badan Berkanun Bil. 27 Tahun 2000 telah meluluskan sejumlah 31 perjawatan untuk diisi oleh Perbadanan. Ia melibatkan 2 jawatan, Kumpulan Pengurusan Dan Profesional; 21 jawatan, Kumpulan Sokongan I dan 8 jawatan, Kumpulan Sokongan II. Pada bulan Februari 2005, Perbadanan

menerusi Perpustakaan Negara Malaysia telah membuat permohonan pertambahan 33 jawatan baru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatan ini akan di tempatkan di Perpustakaan Desa di bawah Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Ia melibatkan 3 jawatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29, 15 jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S17 dan 15 jawatan Pembantu Am Rendah Gred N1. Mereka akan berkhidmat di 15 buah Perpustakaan Desa yang sedia ada.

**b) Latihan**

Latihan dan kursus berkaitan pengurusan kewangan serta pengurusan perpustakaan perlu dirancang dan diberikan kepada kakitangan Perbadanan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan supaya berkeupayaan menjalankan tugas harian dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati Perbadanan tidak menyediakan sebarang rancangan latihan kepada kakitangan Perbadanan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005.

**15.1.7 Program Promosi**

Promosi perlu diadakan bagi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan. Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat, Bahagian Pembangunan Dan Rangkaian Perpustakaan telah ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja promosi. Antara promosi yang akan dijalankan oleh Unit ini ialah melalui pameran, hebahan radio, pengeluaran brosur dan *booklets* serta pembinaan laman web. Selain itu, aktiviti seperti Pertandingan Perpustakaan Keluarga, Pesta Buku Perlis, Pertandingan Sahibba, Kuiz Ilmu dan skrip Khutbah Jumaat juga akan disediakan dan dijalankan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005.

**15.1.8 Pengurusan Pelupusan**

Pengurusan pelupusan bagi buku yang tidak boleh digunakan akan dibuat oleh Unit Pembinaan Dan Koleksi manakala bagi peralatan pula akan dibuat oleh Unit Pentadbiran Perbadanan. Tata cara pelupusan aset Perbadanan akan berpandukan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997.

**15.1.9 Keselamatan**

Bagi menjamin keselamatan kepentingan dan harta benda Perbadanan daripada dicerobohi dan dicuri, semua bangunan perpustakaan akan dipasang jeriji besi di setiap tingkap dan pintu. Sebuah alat pengimbas akan diletakkan di pintu keluar/masuk di Perpustakaan Pusat bagi mengelakkan koleksi bukunya dicuri atau dibawa keluar tanpa kebenaran. Khidmat kawalan keselamatan juga akan disediakan

di Perpustakaan Pusat, 2 buah Perpustakaan Cawangan dan sebuah Perpustakaan Pekan. Perlaksanaannya akan berdasarkan kepada Arahan Keselamatan dan Peraturan Perkhidmatan Bomba, 1988 yang berkuat kuasa.

#### **15.1.10 Keperluan Kemudahan, Peralatan Dan Logistik**

Berikut adalah kemudahan, peralatan dan logistik yang akan disediakan oleh Perbadanan di bawah RMK-8 terutamanya bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005.

- a) Di bawah RMK-8, Perbadanan merancang membina sebuah Perpustakaan Cawangan di Jalan Bukit Kubu, Kuala Perlis dengan anggaran kos berjumlah RM1.50 juta. Tapak tersebut akan dipilih kerana lokasinya bersesuaian serta berdekatan dengan kawasan perumahan, sekolah, Taman Rekreasi Bukit Kubu, Pusat Kegiatan KEMAS, Institut Kemahiran Belia Negara dan laluan utama cadangan jalan ke Bukit Putih di sempadan Wilayah Satun, Thailand. Kos pembinaan akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Apabila siap nanti, perpustakaan tersebut akan dilengkapi dengan perabot dan koleksi asas bahan bacaan. Anggaran kos pada tahun 2000 untuk membina perpustakaan tersebut seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Anggaran Kos Pembinaan Perpustakaan**  
**Cawangan Kuala Perlis**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Perbelanjaan</b>	<b>Kos (RM Juta)</b>
1.	Pengambilan balik tanah	0.20
2.	Menambun dan penyediaan tapak	0.20
3.	Pembinaan bangunan	0.90
4.	Koleksi asas perpustakaan	0.10
5.	Kelengkapan dan perabot	0.10
<b>Jumlah</b>		<b>1.50</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

- b) Sebanyak 5 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu dirancang akan dibina semasa RMK-8 iaitu di Kampung Wang Kelian, Masjid Bohor Empiang, Kampung Paya Kelubi, Kampung Tebing Tinggi dan Kampung Jejawi Dalam. Setiap perpustakaan akan dilengkapi dengan perabot, koleksi bahan bacaan dan kemudahan komputer multimedia. Pembinaannya akan menggunakan peruntukan pembangunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan dianggarkan berjumlah RM0.50 juta.

- c) Di bawah RMK-8 juga, Perbadanan bercadang membeli sebuah bas untuk dijadikan Perpustakaan Bergerak Multimedia. Bas tersebut akan dilengkapi dengan kelengkapan komputer riba termasuk kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi. Kos penyediaannya dianggarkan berjumlah RM0.30 juta.
- d) Selain itu, Perbadanan telah mengenal pasti 10 tempat untuk dijadikan Perpustakaan Desa di bawah peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan Tahun 2005. Objektif projek ini adalah untuk menambah rangkaian perpustakaan di luar bandar dengan mengubahsuai bangunan awam sedia ada, menyediakan koleksi buku yang sesuai dan berkualiti, melengkapkan perpustakaan dengan perabot serta kelengkapan, mengenal pasti perkhidmatan perpustakaan dan aktiviti galakan membaca dan menentukan kaedah pengurusannya. Lokasi dan bangunan yang telah dikenal pasti oleh Perbadanan untuk diubahsuai seterusnya dijadikan sebuah perpustakaan adalah seperti berikut:
  - i) Masjid Kampung Santan,
  - ii) Masjid Kampung Behor Empiang,
  - iii) Masjid Kampung Binjal, Utan Aji,
  - iv) Masjid Jamek Beseri,
  - v) Dewan Orang Ramai Kampung Wang Kelian,
  - vi) Dewan Orang Ramai Kampung Sanglang,
  - vii) Dewan Orang Ramai FELDA Chuping,
  - viii) Dewan Orang Ramai FELCRA Lubuk Sireh,
  - ix) Dewan Orang Ramai Kampung Serdang, dan
  - x) Dewan Orang Ramai Kampung Panggas Besar.
- e) Bagi memudahkan pegawai Perbadanan membuat lawatan dan pemantauan ke semua perpustakaan, Perbadanan akan menyediakan sebuah van dan sebuah kenderaan pacuan 4 roda untuk kegunaan kakitangannya menjalankan tugas.

#### **15.1.11 Keperluan Kewangan**

Pada setiap tahun, peruntukan perbelanjaan mengurus akan dibiayai menerusi caruman tahunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada kadar nisbah 50:50. Mengikut Seksyen 19 (1), Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984, Perbadanan dikehendaki menghantar kepada Menteri Besar suatu anggaran perbelanjaan mengurus sebelum bermula bulan Julai bagi tahun berikutnya untuk kelulusan. Anggaran perbelanjaan mengurus Perbadanan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Anggaran Perbelanjaan Mengurus**  
**Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005**

Bil.	Jenis Perbelanjaan	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
1.	Emolumen	678,798	690,195	728,731
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	1,005,578	1,299,839	1,324,710
3.	Aset	729,510	954,500	914,500
4.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	47,600	52,600	52,600
5.	Lain-lain Perbelanjaan	30,000	37,800	37,800
<b>Jumlah</b>		<b>2,491,486</b>	<b>3,034,934</b>	<b>3,058,341</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Pada bulan Jun 2004, Perpustakaan Negara Malaysia telah menetapkan supaya peruntukan yang diperoleh oleh Perbadanan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi Pemberian Bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan dibelanjakan berdasarkan kepada kriteria seperti berikut:

- a) Memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan dibelanjakan untuk pembinaan koleksi Negeri, Malaysiana dan buku Bahasa Inggeris,
- b) Memastikan tidak lebih daripada 20% jumlah peruntukan adalah untuk bayaran elauan staf sambilan untuk projek pembiayaan Kerajaan Persekutuan,
- c) Memastikan tidak lebih daripada 10% jumlah peruntukan adalah untuk penyelenggara bangunan pembiayaan Kerajaan Persekutuan,
- d) Memastikan tidak lebih daripada 10% jumlah peruntukan adalah untuk latihan bagi staf menyertai kursus, bengkel, persidangan dalam bidang perpustakaan dan Teknologi Maklumat di dalam Negeri, dan
- e) Memastikan tidak lebih daripada 10% jumlah peruntukan adalah untuk promosi perkhidmatan dan pendidikan pengguna.

#### 15.1.12 Kepuasan Pelanggan

Unit Khidmat Pelanggan dan Unit Khidmat Nasihat akan bertanggungjawab memastikan pelanggan Perbadanan mendapat perkhidmatan yang terbaik. Sebuah peti aduan pelanggan akan disediakan bagi menerima aduan bertulis daripada pelanggan. Semua aduan tersebut akan direkodkan ke dalam buku khas yang disediakan.

#### **15.1.13 Kaedah Pemantauan**

Mengikut Seksyen 4(1), Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984, Perbadanan hendaklah diterajui oleh sebuah Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio Kebudayaan, Belia Dan Sukan. Timbalan Pengerusi yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri, empat orang wakil daripada Kerajaan Negeri, seorang wakil daripada Perpustakaan Negara dan 8 orang ahli yang dilantik oleh Raja Perlis dalam mesyuarat. Mesyuarat Lembaga Pengarah dikehendaki diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setiap tahun. Antara perkara yang akan dibincangkan ialah berkenaan belanjawan mengurus, prestasi projek pembangunan, aktiviti semasa, perjawatan kakitangan dan prestasi kewangan.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah membuat perancangan dengan baik terutamanya berkenaan pertambahan jumlah perpustakaan dan kakitangan serta perkhidmatan yang akan disediakan kepada penduduk Negeri Perlis. Rancangan aktiviti yang akan dijalankan dapat meningkatkan minat penduduk tempatan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan. Secara tidak langsung ia dapat memupuk minat membaca di kalangan mereka.**

### **15.2 PELAKSANAAN**

#### **15.2.1 Dasar Perbadanan**

Semakan Audit mendapati Perbadanan telah membangunkan perpustakaan mengikut dasar Kerajaan Pusat iaitu menyediakan perkhidmatan dan kemudahan maklumat kepada rakyat. Kemudahan infrastruktur ICT yang disediakan oleh Perbadanan melalui Perpustakaan Bergerak Multimedia dan Perpustakaan Desa Siber Ilmu telah membantu penduduk setempat mengenali lebih mendalam tentang teknologi maklumat terkini. Pembinaan beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Cawangan Kuala Perlis, Perpustakaan Desa Siber Ilmu dan Perpustakaan Bergerak Multimedia telah membantu menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Negeri Perlis.

**Pada pendapat Audit, aktiviti Perbadanan adalah berlandaskan kepada dasar yang telah ditetapkan. Penyediaan dan pembinaan perpustakaan baru berserta dengan koleksi buku dan komputer multimedia telah memberi peluang kepada penduduk Negeri Perlis menggunakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan.**

### **15.2.2 Undang-undang, Peraturan Dan Garis Panduan**

Semakan Audit terhadap undang-undang, peraturan dan garis panduan yang diterima pakai oleh Perbadanan mendapati perkara berikut:

**a) Undang-undang**

- i) Semakan Audit terhadap pengurusan organisasi Perbadanan mendapati ia ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Perlis manakala jawatan Timbalan Pengerusi disandang oleh Setiausaha Kerajaan Perlis. Mereka dibantu oleh 6 orang kakitangan kerajaan dan 8 orang yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat termasuk wakil-wakil Persatuan Penulis, Majlis Perbandaran Kangar, Majlis Belia dan Persatuan Ibu bapa Dan Guru. Penubuhan Lembaga Pengarah ini adalah selari dengan kehendak Seksyen 4, Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984.
- ii) Perbadanan juga didapati telah mematuhi kehendak Seksyen 9, Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984 berhubung:
  - Menubuhkan, melengkapinya, mengurus dan menyelenggarakan perpustakaan dengan sebaik mungkin,
  - Menganjur dan menggalakkan aktiviti membaca,
  - Menganjur dan menggalakkan penggunaan buku dengan meningkatnya jumlah buku yang dipinjam, dan
  - Membantu peminjam membuat pinjaman buku di perpustakaan lain.
- iii) Berdasarkan kehendak Seksyen 10, Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984, Perbadanan didapati telah mematuhi dengan baik iaitu:
  - Menubuhkan, mengurus dan menyelenggarakan cawangan perpustakaan dengan baik,
  - Menyedia dan menyelenggarakan perpustakaan bergerak, dan
  - Menyediakan latihan kepada pegawai dan kakitangannya dalam kerja-kerja perpustakaan.
- iv) Semakan Audit di Bahagian Kewangan Perbadanan mendapati semua akaun dan rekod berkenaan urus niaga serta hal ehwal kewangan seperti Buku Tunai, Baukar Bayaran, Baukar Jurnal dan Buku Lejar telah disimpan dan diselenggarakan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum. Penyata kewangan tahun 2003 dan 2004 Perbadanan telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk tujuan pengesahan pada bulan Ogos 2004 dan Oktober 2005. Sijil Ketua Audit Negara bagi kedua-dua akaun tersebut telah dikeluarkan dan ditandatangani pada akhir bulan Oktober 2004 dan pertengahan bulan Disember 2005. Ia selaras dengan Seksyen 20, Enakmen Perbadanan

Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1984 yang menghendaki Perbadanan menyimpan dengan sepatutnya akaun dan rekod lain berkenaan dengan urus niaga dan hal ehwalnya mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum.

**b) Peraturan**

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan dan kakitangan Perbadanan mendapati ia telah diselenggarakan selari dengan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa.

**c) Garis Panduan**

Bagi memastikan bahan bacaan disusun dengan kemas dan teratur, semakan Audit mendapati Perbadanan menggunakan perisian *Soft Trade Library System* jenis *Anglo American Cataloguing Rules* 2 untuk merekodkan semua perolehan buku miliknya. Setelah buku dikatalogkan, ia telah dikelaskan mengikut *Dewey Decimal Classification* atau Sistem Pengelasan Perpuluhan Dewey.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah mengurus Perpustakaan Awam Negeri dengan baik dengan mematuhi undang-undang, peraturan dan panduan pengurusan yang diterima pakai.**

**15.2.3 Pencapaian Sasaran Pengurusan Dan Perkhidmatan**

Pada keseluruhannya, Perbadanan telah berjaya mencapai sasaran pengurusan dan perkhidmatan seperti yang dirancang. Sasaran Perbadanan yang telah dilaksanakan berdasarkan rancangan tahunannya adalah seperti berikut:

**a) Pemilikan Buku**

Pada tahun 2005, Perbadanan telah membeli sebanyak 13,358 buah buku bernilai RM417,902 berbanding 13,000 buah yang dirancang. Jumlah tersebut lebih tinggi daripada jumlah yang dibeli pada tahun 2004 iaitu 2,229 buah buku yang bernilai RM94,786 berbanding 12,000 buah yang dirancang. Perbadanan kurang membeli buku pada tahun 2004 disebabkan peruntukan yang dikhaskan untuk membeli koleksi buku telah digunakan bagi membiayai perbelanjaan elauan kakitangan dan penyelenggaraan. Pada tahun 2003, sebanyak 14,375 buah buku bernilai RM274,565 telah dibeli berbanding 10,000 buah buku seperti yang dirancang. Semua buku dibeli dengan menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

**b) Pengunjung**

Mengikut statistik yang disediakan oleh Perbadanan, seramai 333,193 orang telah mengunjungi perpustakaan pada tahun 2005 berbanding 438,854 orang pada tahun 2004 dan 435,526 orang pada tahun 2003. Jumlah sebenar pengunjung adalah lebih tinggi daripada yang dijangkakan oleh Perbadanan iaitu 65,000 orang pada tahun 2005, 60,000 orang pada tahun 2004 dan 55,000 orang pada tahun 2003. Berlaku pengurangan pengunjung pada tahun 2005 berbanding tahun 2003 dan 2004 disebabkan Perbadanan mengurangkan waktu perkhidmatannya di semua perpustakaan cawangan kerana masalah kewangan. Statistik pengunjung mengikut kategori perpustakaan pada tahun 2005 seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Statistik Pengunjung Perpustakaan Pada Tahun 2005**

Bil.	Kategori Perpustakaan	Bilangan Pengunjung (Orang)		
		Kanak-kanak	Remaja dan Dewasa	Jumlah
1.	Pusat	31,275	98,497	129,772
2.	Cawangan	38,658	28,577	67,235
3.	Pekan	15,840	10,387	26,227
4.	Desa	5,972	2,944	8,916
5.	Desa Siber Ilmu	26,125	19,619	45,744
6.	Bas Bergerak	50,454	3,725	54,179
7.	Bas ePustaka	800	320	1,120
<b>Jumlah</b>		<b>169,124</b>	<b>164,069</b>	<b>333,193</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

**c) Aktiviti Luar**

Semakan Audit terhadap aktiviti luar Perbadanan mendapati kebanyakan daripadanya telah dijalankan pada bulan Julai disebabkan ia adalah Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan. Aktiviti yang dirancang oleh Perbadanan telah dapat dijalankan dan dilaksanakan dengan baik. Aktiviti yang telah dijalankan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 seperti di **Lampiran VI**.

**d) Pinjaman**

Semakan Audit terhadap rekod pinjaman buku Perbadanan mendapati, pada tahun 2003, sebanyak 45,832 buah naskhah buku telah dipinjam berbanding 9,000 setahun yang dianggarkan oleh Perbadanan. Jumlah tersebut telah meningkat kepada 67,233 buah naskhah pada tahun 2004 berbanding anggaran 14,400 setahun. Pada tahun 2005, jumlah buku yang dipinjam ahli perpustakaan meningkat kepada 82,171 buah naskhah buku berbanding 20,000 buah yang dianggarkan oleh Perbadanan.

Peratusan peningkatan jumlah buku yang dipinjam pada tahun 2005 ialah 22.2% berbanding 46.7% pada tahun 2004.

**e) Keahlian**

Mengikut rekod Perbadanan, sehingga bulan Disember 2005, seramai 93,658 orang telah mendaftar sebagai ahli perpustakaan. Seramai 1,611 orang telah diterima untuk menjadi ahli baru perpustakaan pada tahun 2005 berbanding 3,404 orang pada tahun 2004 dan 3,301 orang pada tahun 2003. Pecahan keahlian perpustakaan mengikut kategori dan jenis perpustakaan sehingga bulan Disember 2005 seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Keahlian Perpustakaan Mengikut Kategori**  
**Dan Jenis Perpustakaan Sehingga Tahun 2005**

Bil.	Kategori Perpustakaan	Bilangan Keahlian Perpustakaan (Orang)			
		Kanak-kanak	Remaja	Dewasa	Jumlah
1.	Pusat	6,583	12,628	6,515	25,726
2.	Cawangan Padang Besar	725	401	428	1,554
3.	Cawangan Simpang Empat	195	201	239	635
4.	Pekan Arau	307	331	289	924
5.	Perpustakaan Desa	5,686	3,345	1,609	10,640
6.	Perpustakaan Bergerak	49,333	3,279	1,567	54,179
<b>Jumlah</b>		<b>62,829</b>	<b>20,185</b>	<b>10,644</b>	<b>93,658</b>


Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

**f) Peralatan Dan Susun Atur**

Pada tahun 2003 hingga 2005, Perbadanan menghadapi masalah kewangan kerana Kerajaan Negeri tidak meluluskan peruntukan yang mencukupi untuk membeli peralatan dan kemudahan perpustakaan seperti yang dirancang. Pada tahun 2003, Perbadanan membeli 3 unit komputer dan sebuah papan tanda yang kos keseluruhannya berjumlah RM12,502 berbanding RM0.26 juta yang dipohon. Tidak ada sebarang peralatan dan kemudahan dibeli oleh Perbadanan pada tahun 2004. Pada tahun 2005, sejumlah RM36,948 telah dibelanjakan Perbadanan membeli perabot dan komputer berbanding RM0.43 juta permohonan peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Susun atur peralatan dan kemudahan perpustakaan yang selesa dan sesuai dengan objektif Perbadanan merupakan satu faktor yang penting dalam menyumbang kepada perkhidmatan yang diberikan. Lawatan Audit ke Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan Simpang Empat, Perpustakaan Pekan Arau, lima buah Perpustakaan Desa dan 3 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu mendapati peralatan komputer, perabot dan buku telah disusun dengan baik. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Perpustakaan Desa Siber Kampung Sentua, Utan Aji dan Perpustakaan Desa Kampung Balik Bukit, Chuping pada akhir bulan Mei 2005 mendapati susun atur buku serta perabotnya tidak kemas dan teratur. Ia ditunjukkan di **Foto 23**.

**Foto 23**  
**Susun Atur Perabot Dan Buku Yang Tidak Kemas Dan Teratur**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 27 Mei 2005*

*Lokasi : Perpustakaan Desa Kampung Balik Bukit, Chuping, Perlis*

Pada pendapat Audit, Perbadanan telah berjaya mencapai sasaran pengurusan dan perkhidmatan seperti yang dirancang dengan baik. Aktiviti yang dijalankan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Negeri Perlis dan mendorong kepada meningkatnya jumlah keahlian perpustakaan pada setiap tahun. Peruntukan kewangan yang terhad daripada Kerajaan Negeri menyebabkan Perbadanan tidak membeli kelengkapan perabot, kemudahan perhubungan untuk talian internet, komputer, Sistem Keselamatan Koleksi Perpustakaan dan Sistem Perpustakaan Berkomputer Bayaran seperti yang dirancang.

#### **15.2.4 Komponen Pengurusan Perkhidmatan**

Pada keseluruhannya, semua komponen pengurusan perkhidmatan Perbadanan telah melaksanakan program dan aktiviti seperti yang dirancang. Semakan Audit terhadap pengurusan komponen tersebut mendapatkan perkara berikut:

##### **a) Bahagian Khidmat Pengurusan**

Pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan adalah berdasarkan kepada arahan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap pengurusan hasil Perbadanan mendapatkan penyelenggaraan Daftar Borang Hasil, Daftar Mel dan kawalan terhadap terimaan wang tunai tidak mematuhi arahan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan tidak dibuat semakan oleh pegawai yang diberi kuasa pada setiap bulan. Semua Baucar Bayaran bulan Julai hingga Disember 2004 tidak di cop JELAS.

Buku Perkhidmatan kakitangan didapati tidak diselenggarakan dengan kemas kini terutamanya berkenaan dengan cuti. Catatan di buku tersebut juga didapati tidak dibuat pengesahan oleh Ketua Jabatan. Aset Perbadanan seperti televisyen, perakam video dan 9 buah kenderaan tidak direkodkan ke Daftar Harta Modal. Semua aset Perbadanan kecuali koleksi buku juga tidak diletakkan tanda pengenal. Ia tidak selari dengan kehendak Tatacara Pengurusan Stor serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan Perbadanan kurang memuaskan. Daftar Bil, Daftar Mel, Baucar Bayaran dan Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan mengikut arahan serta pekeliling yang berkuat kuasa.**

##### **b) Bahagian Perkhidmatan Maklumat Dan Pendokumentasian**

Bahagian ini bertanggungjawab mengesan, memperoleh serta memproses bahan-bahan tambahan kepada koleksi perpustakaan mengikut peruntukan yang diluluskan termasuk membina Koleksi Khas mengenai Negeri Perlis. Semakan Audit terhadap perkhidmatan yang disediakan di Bahagian ini mendapatkan perkara berikut:

###### **i) Unit Perolehan**

Semua pembelian buku baru serta pendokumentasian dijalankan di perpustakaan pusat. Semakan Audit terhadap dokumen kewangan mendapatkan Perbadanan hanya menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membeli koleksi buku, peralatan dan kelengkapan asas perpustakaan. Sehingga bulan Disember 2005, Perbadanan memiliki 369,071 buah koleksi buku

atau 4 buah buku bagi setiap ahli perpustakaan (ahli berdaftar seramai 93,658 orang). Jumlah koleksi buku Perbadanan sehingga tahun 2005 seperti di **Jadual 32.**

**Jadual 32**  
**Koleksi Buku Perbadanan Sehingga Tahun 2005**

Bil.	Kategori Perpustakaan	Bilangan Koleksi Buku (Buah)			
		Buku Kanak-kanak	Buku Dewasa	Buku Rujukan	Jumlah
1.	Perpustakaan Pusat	48,318	36,165	35,268	119,751
2.	Perpustakaan Cawangan Padang Besar	10,196	5,426	3,785	19,407
3.	Perpustakaan Cawangan Simpang Empat	6,806	6,685	3,618	17,109
4.	Perpustakaan Pekan Arau	7,218	4,824	2,710	14,752
5.	Perpustakaan Desa	56,393	21,065	13,925	91,383
6.	Perpustakaan Bergerak	82,288	24,284	-	106,572
7.	Perpustakaan ePustaka	17	80	-	97
<b>Jumlah</b>		<b>211,236</b>	<b>98,529</b>	<b>59,306</b>	<b>369,071</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Semakan Audit mendapati peruntukan pembelian buku baru perpustakaan telah berkurangan pada tahun 2004. Mengikut rekod, buku yang dibeli pada tahun 2003 berjumlah 14,375 buah, tahun 2004 berjumlah 2,229 manakala tahun 2005 berjumlah 13,358 buah buku. Pengurangan yang ketara pada tahun 2004 disebabkan Perbadanan telah membelanjakan sebahagian besar peruntukan yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan untuk membayar elauan kakitangan dan bil penyelenggaraan perpustakaan. Peruntukan yang diterima Perbadanan daripada Kerajaan Persekutuan khas untuk pembinaan koleksi buku pada tahun 2003 berjumlah RM475,000, tahun 2004 berjumlah RM312,375 dan tahun 2005 berjumlah RM450,000. Bagaimanapun, Perbadanan hanya membelanjakan sejumlah RM274,565 pada tahun 2003, RM94,786 pada tahun 2004 dan RM417,902 pada tahun 2005. Bilangan buku yang dibeli mengikut jenis perpustakaan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 33.**

**Jadual 33**  
**Bilangan Buku Yang Dibeli Bagi Tempoh Tahun 2003 hingga 2005**

Bil.	Perpustakaan	Bil. Buku (Buah)/Tahun		
		2003	2004	2005
1.	Perpustakaan Pusat	3,839	1,585	2,227
2.	Perpustakaan Cawangan	2,147	237	6,974
3.	Perpustakaan Pekan	1,374	94	629
4.	Perpustakaan Desa	5,820	233	2,336
5.	Perpustakaan Bergerak	1,195	80	1,192
<b>Jumlah</b>		<b>14,375</b>	<b>2,229</b>	<b>13,358</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Perbadanan juga mengumpul koleksi bukunya melalui sumbangan yang diterima daripada Agensi Kerajaan dan swasta seperti Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Bank Negara Malaysia.

**Pada pendapat Audit, Unit Perolehan Perbadanan telah diuruskan dengan baik. Semua perolehan buku, peralatan dan kelengkapan perpustakaan telah dibeli mengikut peraturan yang ditetapkan.**

#### **ii) Unit Khidmat Teknik**

Semakan Audit terhadap 50 buah sampel buku di Perpustakaan Pusat mendapati kesemuanya telah dikelaskan dengan menggunakan sistem *Dewey Decimal Classification*. Perbadanan telah mengelaskan dan dikatalogkan sebanyak 15,259 buah buku pada tahun 2003, 2,229 buah buku pada tahun 2004 dan 13,358 buah buku pada tahun 2005. Purata masa yang diambil oleh Unit Khidmat Teknik untuk mengelas dan mengkatalogkan buku dari tarikh ia diterima hingga dihantar ke rak pinjaman ialah selama 12 hari.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah mengelas dan mengkatalogkan koleksi bukunya mengikut sistem *Dewey Decimal Classification* dengan baik.**

#### **iii) Unit Sirkulasi Dan Khidmat Pelanggan**

Unit ini pada keseluruhannya bertanggungjawab lebih kepada pelanggan terutamanya berkenaan pendaftaran keahlian, proses pinjaman dan pemulangan

buku serta khidmat pelanggan. Semakan Audit terhadap pengurusan yang dijalankan oleh Unit ini mendapati perkara berikut:

- **Pendaftaran Keahlian**

Sehingga bulan Disember 2005, seramai 93,658 orang telah mendaftar sebagai ahli perpustakaan di Negeri Perlis. Perbadanan telah merekodkan pendaftaran ahli baru perpustakaan seramai 3,301 orang pada tahun 2003, 3,404 orang pada tahun 2004 dan 1,611 orang pada tahun 2005. Semakan Audit terhadap rekod kewangan mendapati Perbadanan telah mengutip yuran tahunan dan bayaran kad keahlian seperti yang ditetapkan. Yuran keahlian yang dikutip oleh Perbadanan pada tahun 2005 berjumlah RM5,972 berbanding RM7,985 pada tahun 2004 dan RM8,933 pada tahun 2003. Semua kutipan yuran telah direkodkan dan diklasifikasikan sebagai hasil Perbadanan.

- **Pinjaman Dan Pemulangan Buku**

Pada tahun 2005, sebanyak 82,171 buah buku telah dipinjam oleh ahli perpustakaan. Jumlah tersebut meningkat 14,938 buah atau 22.21% berbanding 67,233 buah pada tahun 2004. Pada tahun 2003, hanya 45,832 buah buku telah dipinjam ahli. Perbandingan antara pengunjung dengan jumlah buku yang dipinjam ialah 4 orang bagi setiap buku (jumlah pengunjung pada tahun 2005 seramai 333,193 orang). Mengikut rekor Perbadanan, buku yang kerap dipinjam oleh ahli ialah dari jenis koleksi agama, fiksyen dan sain sosial.

- **Denda**

Perbadanan telah mengenakan denda kepada ahli yang lewat memulangkan buku pada kadar 5 sen sehari. Bagi mereka yang menghilangkan atau merosakkan buku, mereka didenda dengan harga kos buku ditambah RM1 bagi bayaran pemprosesan. Semakan Audit terhadap rekod kewangan Perbadanan mendapati pada tahun 2005, sejumlah RM2,634 telah dikutip daripada ahli sebagai denda kerana lewat memulangkan buku pinjaman berbanding RM3,135 pada tahun 2004 dan RM1,422 pada tahun 2003.

- **Khidmat Bantuan**

Perbadanan ada memberikan khidmat bantuan kepada pengguna perpustakaan. Sebuah kaunter menempatkan seorang pegawai telah disediakan untuk memberi perkhidmatan kepada pelanggan yang

memerlukan bantuan. Bantuan yang diberikan ialah berkenaan untuk mendapatkan buku di rak, khidmat nasihat untuk mendapatkan bahan maklumat serta khidmat nasihat untuk menubuhkan Pusat Sumber Sekolah.

**Pada pendapat Audit, Unit Sirkulasi Dan Khidmat Pelanggan telah diurus dengan baik. Yuran tahunan dan denda telah dikenakan kepada ahli mengikut kadar yang ditetapkan.**

**iv) Unit Koleksi Perlis**

Unit Koleksi Negeri Perlis telah ditubuhkan pada bulan Mac 1989 bagi mengumpul dan memelihara warisan dan khazanah Negeri Perlis. Koleksi yang terdapat di unit ini ialah Album Di Raja Tuanku Syed Putra, Buku Biografi Tuanku Syed Sirajuddin, Kamus Dialek Perlis, Jurnal Warisan Indera Kayangan dan Sejarah Pembentukan Negeri Perlis. Selain itu, koleksi kertas kerja, laporan Jabatan Kerajaan dan swasta, tesis, manuskrip, kaset, pita video, bibliografi dan rakaman temu bual bersama tokoh-tokoh tertentu ada disediakan. Koleksi yang disediakan hanyalah untuk tujuan rujukan dan tidak dibenarkan dibawa keluar kecuali dengan kebenaran pegawai bertugas. Bagaimanapun, pengguna boleh membuat salinan fotostat. Seramai 750 orang telah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit ini pada tahun 2003, 842 orang pada tahun 2004 dan 825 orang pada tahun 2005.

**Pada pendapat Audit, Unit Koleksi Perlis telah diurus dengan baik. Perkhidmatan dan koleksi bahan yang disediakan sesuai kepada individu dan pelajar yang melakukan penyelidikan.**

**v) Perpustakaan Kanak-kanak**

Perpustakaan Kanak-kanak mula beroperasi pada tahun 2003 dan di tempatkan di tingkat bawah Perpustakaan Pusat supaya tidak mengganggu Bahagian lain. Bahagian ini menyediakan perkhidmatan pendaftaran ahli kanak-kanak, pinjaman dan pemulangan buku serta menyelenggarakan perkhidmatan rujukan untuk kanak-kanak seperti yang dirancang. Selain daripada koleksi buku dan majalah, Perpustakaan Kanak-kanak ini juga turut menyelenggarakan Bahagian Hipermédia khusus untuk kanak-kanak dengan menyenaraikan koleksi sumber media seperti CDROM, kaset serta VCD untuk tujuan rujukan. Bahagian ini juga mengendali aktiviti tambahan untuk kanak-kanak melalui Kelab Kawanku Buku. Semakan Audit terhadap rekod Perbadanan mendapat, sehingga bulan Disember 2005, seramai 536 orang kanak-kanak telah menjadi ahli kelab ini

berbanding 427 orang pada tahun 2004 dan 350 orang pada tahun 2003. Untuk menjadi ahli kelab, kanak-kanak dikenakan yuran tahunan RM1. Kelab ini juga ada menjalankan pelbagai aktiviti pada setiap hari Jumaat minggu kedua dan keempat mulai jam 3.00 hingga 5.00 petang. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Lampiran VII**.

**Pada pendapat Audit, Perpustakaan Kanak-kanak telah diuruskan dengan baik. Koleksi buku kanak-kanak dan aktiviti tahunan telah disediakan dan dijalankan seperti dirancang.**

**c) Bahagian Pembangunan Dan Rangkaian Perpustakaan**

Pembinaan sebuah Perpustakaan Cawangan, 5 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu dan penyediaan sebuah Perpustakaan Bergerak Multimedia sepanjang RMK-8 menunjukkan Bahagian ini telah berjaya membangunkan rangkaian perpustakaan di Negeri Perlis. Perbadanan sentiasa berusaha memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan ke seluruh Negeri Perlis khususnya di kawasan luar bandar. Tumpuan telah diberikan ke arah penyediaan prasarana iaitu di 3 kawasan Parlimen di Negeri Perlis. Sehingga Disember 2005, sebanyak 32 buah perpustakaan yang kos pembinaan dan penyediaannya berjumlah kira-kira RM10.80 juta. Lokasi setiap perpustakaan mengikut kawasan Parlimen adalah seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Lokasi Perpustakaan Mengikut Kawasan Parlimen**

Bil.	Jenis Perpustakaan	Kawasan Parlimen		
		Kangar	Padang Besar	Arau
1.	Perpustakaan Pusat	1	-	-
2.	Perpustakaan Cawangan	1	1	1
3.	Perpustakaan Pekan	-	-	1
4.	Perpustakaan Desa	3	10	3
5.	Perpustakaan Desa Siber Ilmu	1	1	4
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>12</b>	<b>9</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Semakan Audit terhadap setiap Unit yang ditubuhkan di Bahagian ini mendapati perkara berikut:

**i) Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat**

Bagi meningkatkan lagi penggunaan perpustakaan oleh penduduk Negeri Perlis, Perbadanan telah mempergiatkan strategi mempromosikan perkhidmatan perpustakaan melalui:

- Pameran dan hebahan melalui radio,
- Bahan bacaan seperti brosur dan *booklets*, dan
- Laman web seperti [www.lib.perlis.org.my](http://www.lib.perlis.org.my), [www.perlisroyalty.org.my](http://www.perlisroyalty.org.my), [www.virtualperlis.gov.my](http://www.virtualperlis.gov.my) dan [www.myperlis.com](http://www.myperlis.com).

Brosur yang disediakan oleh Perbadanan ditunjukkan di **Foto 24**.

**Foto 24**  
**Brosur Yang Disediakan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 18 Oktober 2005

Lokasi : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Semakan Audit mendapati Perbadanan telah menganjurkan berbagai aktiviti bagi mempromosikan Perpustakaan Awam Negeri Perlis seperti Bulan Membaca dan Pertandingan Perpustakaan Keluarga pada tahun 2004 manakala Pesta Buku Perlis, Khutbah Jumaat Berkaitan Ilmu Dan Pembacaan, Pameran Hari Ini Dalam Sejarah serta Bengkel Dan Pameran Perpustakaan Keluarga pada tahun 2005.

Perbadanan juga telah menubuhkan Kelab Kawanku Buku (KKB) bagi menggalakkan penyertaan dari golongan kanak-kanak. Pada tahun 2003, keahlian KKB berjumlah 350 orang dan telah meningkat kepada 536 orang pada tahun 2005 yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah di sekitar Negeri Perlis. Mereka telah diberikan penerangan mengenai sejarah perpustakaan, perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak, lokasi setiap bahagian, peraturan

perpustakaan dan aktiviti KKB. Aktiviti yang telah diadakan pada tahun 2003 dan 2004 ialah kuiz tayangan VCD *Peter Pan*, membaca dengan nahu yang betul, pop kuiz berorama, pertandingan futsal di antara ahli kelab Perpustakaan Kangar dengan Ahli Kelab Simpang Empat dan sebagainya. Pada tahun 2005, KKB telah berjaya menjalankan aktiviti seperti sukaneka, pertandingan batik idol, kuiz, mewarna, pertandingan futsal dan pencarian harta karun.

Selain itu, Perbadanan juga menyediakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan. Peminjam boleh meminjam koleksi buku di perpustakaan lain melalui perkhidmatan yang disediakan. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Perbadanan tidak menerima sebarang permintaan untuk meminjam buku di perpustakaan lain melalui Perkhidmatan Sistem Perbekalan Penerbitan ini.

**Pada pendapat Audit, Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat telah menjalankan aktiviti promosi dengan baik seperti yang dirancang walaupun dengan peruntukan kewangan yang terhad.**

**ii) Unit Rangkaian Perpustakaan Dan Sumber Media**

Unit Sumber Media beroperasi di tingkat atas Perbadanan dan berfungsi menyediakan kemudahan alatan sumber media dan menggalakkan penggunaan alatan pandang dengar. Untuk itu, sejumlah 2 bilik iaitu Bilik Media dan Bilik Tayangan telah disediakan untuk kegunaan pengguna. Mengikut rekod, Perbadanan menerima 2 permohonan untuk menjadi ahli sumber media pada tahun 2005 berbanding 13 orang pada tahun 2004 dan 12 orang pada tahun 2003. Jumlah dan jenis bahan yang dipinjam bagi tempoh tahun 2003 dan 2005 ditunjukkan di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Koleksi Bahan Yang Dipinjam**  
**Bagi Tempoh Tahun 2003 hingga 2005**

Bil.	Jenis Bahan	Bilangan/Tahun		
		2003	2004	2005
1.	VCD	95	28	46
2.	CD	3	-	10
3.	Video	18	-	20
4.	Kaset	2	14	16
5.	CD ROM	6	15	13
<b>Jumlah</b>		<b>124</b>	<b>57</b>	<b>105</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis*

Pada tahun 2004 dan 2005, semakan Audit mendapati Perbadanan tidak banyak membuat pertambahan dan penyediaan koleksi baru di Unit ini disebabkan masalah kewangan. Ia merupakan antara faktor menyebabkan bilangan bahan yang dipinjam telah menurun dari 124 unit pada tahun 2003 kepada 57 unit pada tahun 2004 dan 105 unit pada tahun 2005. Selain itu, faktor pengguna dan kesesuaian bahan turut menyumbang kepada penurunan bilangan pinjaman.

**Pada pendapat Audit, Unit Rangkaian Perpustakaan Dan Sumber Media telah menyediakan bahan untuk rujukan pengguna perpustakaan seperti yang dirancang dengan baik. Masalah kewangan menyebabkan Perbadanan tidak dapat menambah bilangan bahan untuk tujuan rujukan pengguna.**

### **iii) Unit Teknologi Maklumat**

Unit ini telah ditubuhkan bagi memenuhi tuntutan semasa dalam usaha ke arah pembangunan pengetahuan ICT bagi seluruh rakyat Negeri Perlis. Sehingga bulan Disember 2005, Perbadanan telah melengkapkan 7 buah perpustakaannya dengan kemudahan komputer yang boleh melayari internet selain yang disediakan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Desa Siber Ilmu. Mengikut rekod kewangan, Perbadanan mengutip sejumlah RM3,962 daripada sewaan penggunaan komputer/internet pada tahun 2005 berbanding RM19,058 pada tahun 2004 dan RM16,251 pada tahun 2003. Caj penggunaan komputer untuk melayari internet adalah seperti yang ditetapkan iaitu RM1.50 sejam untuk ahli manakala RM2 sejam untuk bukan ahli.

Lawatan Audit ke Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Sentua, Utan Aji pada akhir bulan Mei 2005 mendapati unit servernya telah rosak. Penyelenggaraan dan pembaikan tidak dilakukan disebabkan Perbadanan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi. Akibatnya, kemudahan internet tidak boleh digunakan.

Di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat, sebanyak 12 buah Perpustakaan Desa dan 3 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu telah dibekalkan dengan kemudahan komputer dan internet. Kemudahan ini disediakan di bawah kelolaan Kementerian Air, Tenaga Dan Komunikasi, hasil kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya, Maxis Berhad dan Telekom Malaysia. Perkakasan yang disediakan ialah pemasangan alat VSAT (Sistem Komunikasi Satelit MEASAT), komputer, pencetak, *scanner*, telefon pejabat dan telefon awam seperti di **Foto**

**25 dan 26.** Penduduk tempatan boleh menggunakan kemudahan ini secara percuma, kecuali telefon awam yang perlu dibayar penggunaannya.

**Foto 25**  
**Kemudahan Komputer, Pencetak Dan Scanner**  
**Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 25 Mei 2005  
Lokasi : Perpustakaan Desa Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis

**Foto 26**  
**Sistem Komunikasi Satelit MEASAT**  
**Di bawah Projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat**  
**Kerajaan Persekutuan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 25 Mei 2005  
Lokasi : Perpustakaan Desa Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis

**Pada pendapat Audit, Unit Teknologi Maklumat telah diurus dengan baik. Semua perpustakaan telah dibekalkan dengan komputer, pencetak, scanner dan perkhidmatan internet untuk kegunaan pengguna. Bagaimanapun, sebuah server yang rosak tidak dibuat pumbaikan dengan segera kerana Perbadanan menghadapi masalah kewangan.**

**d) Kemudahan Lain**

Perbadanan ada menyediakan perkhidmatan sewa dewan syarahan kepada Jabatan Kerajaan mahupun pihak swasta. Semakan Audit terhadap rekod kewangan Perbadanan mendapati sejumlah RM8,925 dikutip hasil daripada sewaan dewan syarahan pada tahun 2005 berbanding RM10,058 pada tahun 2004 dan RM10,890 pada tahun 2003. Sewa dewan syarahan dikutip mengikut kadar yang telah ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah memberi perkhidmatan sewa dewan syarahan mengikut kadar bayaran yang ditetapkan dengan baik. Hasil kutipan tersebut sedikit sebanyak membantu meringankan beban Perbadanan mengimbangi kurangan peruntukan kewangan yang dihadapinya selama ini. Kesemua kutipan telah diakaunkan sebagai hasil Perbadanan.**

Pada keseluruhannya, perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan adalah baik. Ia berdasarkan daripada maklum balas yang diterima oleh Perbadanan daripada pengguna dan ahli perpustakaan melalui surat selain semakan, lawatan fizikal serta temu bual yang dibuat sendiri oleh pihak Audit. Berkenaan dengan aduan yang diterima pula, kebanyakan pengadu tidak berpuas hati berkenaan buku-buku yang disediakan tidak terkini, terutamanya bahagian pendidikan. Perbadanan tidak dapat menyediakan buku-buku berunsurkan ilmiah sejak kebelakangan ini kerana kekurangan peruntukan kewangan.

**15.2.5 Waktu Perkhidmatan**

Semakan Audit mendapati, waktu perkhidmatan Perpustakaan Pusat dan Perpustakaan Cawangan pada hari Isnin hingga Jumaat serta hari Sabtu minggu kedua dan keempat ialah dari jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang. Mulai bulan Disember 2005, waktu operasinya telah dilanjutkan sehingga jam 6.15 petang. Waktu operasi Perpustakaan Desa ialah dari jam 2.30 petang hingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat manakala pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat dari jam 8.30 pagi hingga 1.15 petang. Pada musim cuti sekolah, waktu operasi pada hari Isnin hingga Jumaat ialah dari jam 9.00 pagi hingga 1.15 petang dan 2.30 petang hingga 5.30 petang. Bagi

Perpustakaan Desa Siber Ilmu pula, waktu operasi pada hari Isnin hingga Jumaat ialah dari jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang manakala pada hari Jumaat pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.45 petang hingga 5.30 petang. Pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat, perpustakaan ini dibuka dari jam 8.30 pagi hingga 1.15 petang.

Pada tahun 2005, empat buah Perpustakaan Bergerak dan sebuah Perpustakaan Bergerak Multimedia tidak beroperasi bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2005 disebabkan Perbadanan tidak mempunyai cukup peruntukan untuk membeli minyak. Akibatnya, semua bas perpustakaan tidak dapat digunakan untuk memberi perkhidmatannya kepada penduduk Negeri Perlis. Bagaimanapun, mulai bulan Julai 2005, semua Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Bergerak Multimedia telah dapat digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai setelah Perbadanan menerima peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah membuka waktu operasi perpustakaannya seperti yang dirancang dengan baik. Bagaimanapun, kekurangan peruntukan kewangan menyebabkan Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Bergerak Multimedia tidak beroperasi kepada orang ramai mulai bulan Januari hingga Jun 2005.**

#### **15.2.6 Kedudukan Guna Tenaga Dan Latihan**

Semakan Audit terhadap kedudukan guna tenaga dan latihan Perbadanan mendapati perkara berikut:

##### **a) Guna Tenaga**

Perbadanan dikawal selia oleh seorang Pengarah berjawatan Pustakawan Gred S48 dan dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, Bahagian Perkhidmatan Maklumat Dan Pendokumentasian yang diketuai oleh Pegawai Perpustakaan Gred S32 dan Bahagian Pembangunan Dan Rangkaian Perpustakaan yang diketuai oleh Pustakawan Gred S41. Sejumlah 31 perjawatan telah diluluskan untuk diisi Perbadanan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan Kelulusan Perjawatan Badan-Badan Berkanun Bil. 27 Tahun 2000. Sehingga bulan Disember 2005, sejumlah 20 daripada 31 jawatan telah diisi secara tetap manakala 7 jawatan diisi secara sambilan dan 4 lagi jawatan tidak diisi. Kekosongan tersebut tidak diisi secara tetap disebabkan Kerajaan Negeri membekukan pengisiannya kerana masalah kewangan. Perbadanan telah mengambil seramai 37 orang kakitangan sambilan untuk mengurus dan menyelenggarakan perpustakaan di sekitar Negeri

Perlis, khususnya Perpustakaan Desa. Bilangan pengisian dan kekosongan jawatan di Perbadanan sehingga akhir tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Kedudukan Perjawatan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis**  
**Sehingga Bulan Disember 2005**

Bil.	Jawatan	Bilangan Kakitangan (Orang)			
		Jawatan Tetap Diluluskan		Jawatan Sambilan	Jumlah kakitangan Tetap dan Sambilan
		Isi	Kosong		
1.	Pustakawan Gred S48	1	-	-	1
2.	Pustakawan Gred S41	1	-	-	1
3.	Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S32	1	-	-	1
4.	Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27	-	5	2	2
5.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29	-	-	1	1
6.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F27	-	1	-	-
7.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	-	1	1	1
8.	Pembantu Perpustakaan Gred S22	2	-	-	2
9.	Pembantu Perpustakaan Gred S17	6	2	10	16
10.	Pembantu Akauntan Gred W17	1	-	-	1
11.	Pembantu Tadbir Gred N17	2	-	-	2
12.	Pembantu Tadbir Rendah Gred N13	-	-	1	1
13.	Pembantu Tadbir Rendah Gred N11	1	1	-	1
14.	Pemandu Gred R3	1	1	1	2
15.	Pembantu Am Rendah Gred N1	4	-	21	25
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>11</b>	<b>37</b>	<b>57</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Permohonan pertambahan jawatan oleh Perbadanan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Perpustakaan Negara Malaysia pada akhir bulan Februari 2005 yang melibatkan 3 jawatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29, 15 jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S17 dan 15 jawatan Pembantu Am Rendah Gred N1 masih belum diluluskan. Semakan Audit terhadap struktur organisasi Perbadanan mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan, antaranya:

- i) Lima daripada 8 unit yang ditubuhkan oleh Perbadanan iaitu Unit Pentadbiran Dan Kewangan, Unit Koleksi Perlis, Unit Khidmat Teknik, Unit Rangkaian Perpustakaan Dan Sumber Media dan Unit Teknologi Maklumat diketuai oleh

- kakitangan sambilan. Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat dan Unit Perpustakaan Kanak-Kanak masih belum mempunyai ketua unit.
- ii) Perbadanan mempunyai 4 buah bas yang dijadikan sebagai Perpustakaan Bergerak dan sebuah Perpustakaan Bergerak Multimedia. Bagaimanapun, hanya ada seorang kakitangan yang berjawatan tetap iaitu Pemandu Gred R3. Tiga buah bas lagi dipandu oleh kakitangan berjawatan Pembantu Am Rendah Gred N1 manakala sebuah Mitsubishi Pajero Pacuan 4 Roda tidak ada pemandu.
  - iii) Perpustakaan Cawangan Padang Besar diuruskan oleh 3 orang kakitangan sambilan. Seorang sebagai Pembantu Perpustakaan Gred S17 manakala 2 lagi berjawatan Pembantu Am Rendah Gred N1.
  - iv) Semua 15 buah Perpustakaan Desa dan 6 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu diuruskan oleh kakitangan sambilan berjawatan Pembantu Am Rendah dan Pekerja Sambilan kecuali seorang yang berjawatan Pembantu Perpustakaan.
  - v) Seramai 6 orang pekerja sambilan telah berkhidmat dengan Perbadanan antara 10 hingga 13 tahun manakala 15 orang lagi antara 4 hingga 10 tahun.
  - vi) Dalam tempoh 2000 hingga 2004, seramai 22 orang pekerja sambilan telah berhenti kerja kerana mendapat pekerjaan tetap. Ada di antara mereka telah berkhidmat dengan Perbadanan selama 7 tahun dan telah mengikuti pelbagai jenis kursus berkaitan pengurusan perpustakaan.

**b) Latihan**

Pada tahun 2004 hingga 2005, semakan Audit mendapati lebih daripada 20 kursus telah dihadiri oleh 22 orang kakitangan Perbadanan yang dianjurkan sama ada oleh Biro Tata Negara, Institut Tadbiran Awam Negara, Perpustakaan Negara Malaysia mahupun Kerajaan Negeri Perlis. Kursus yang dihadiri oleh pegawai Perbadanan adalah seperti berikut:

- i) Bengkel Pemandu Cemerlang,
- ii) *Profesional Talk Series 2004* (Penilaian Dan Teguran Jabatan Audit Negara Dan Jabatan Akauntan Negara Dalam Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan),
- iii) Bengkel *Web Design And Development : Macromedia Dreamweaver MX*,
- iv) *Metadata Initiative Workshop*,
- v) *Workshop On The Public Library Service IFLA/UNESCO Guidelines for Development*,
- vi) Bengkel Pengurusan Perjawatan dan Rekod,
- vii) Kursus Pengurusan Projek,
- viii) *Workshop on Library Building And Facilities*,
- ix) Bengkel Pengemaskinian Data Personel Jabatan,

- x) Pengurusan Aset Awam, dan
- xi) Kursus Mengawet dan Menjilid Buku.

Latihan secara dalaman kepada pegawai juga ada disediakan oleh Perbadanan, terutamanya berkenaan urusan pinjaman, penyimpanan dan penyelenggaraan buku-buku di peringkat Perpustakaan Cawangan dan Perpustakaan Desa.

**Pada pendapat Audit, pengurusan organisasi Perbadanan kurang memuaskan disebabkan jawatan kosong tidak diisi dengan segera. Bagaimanapun, kakitangan Perbadanan telah diberi latihan sewajarnya berkenaan pengurusan perpustakaan dengan baik.**

#### **15.2.7 Pencapaian Penyediaan Kemudahan, Peralatan Dan Logistik**

Semakan Audit terhadap kemudahan, peralatan dan logistik yang disediakan oleh Perbadanan mendapati perkara berikut:

- a) Perbadanan telah membina sebuah Perpustakaan Cawangan di Jalan Bukit Kubu, Kuala Perlis dengan menggunakan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Kos pembinaan bangunan perpustakaan sahaja berjumlah RM1.58 juta berbanding RM0.90 juta yang dianggarkan. Kos pengambilan balik tanah pula berjumlah RM473,184 (termasuk RM15,264 denda kerana lewat membuat bayaran kepada pemilik tanah) berbanding RM0.20 juta yang dianggarkan. Perbadanan telah melengkapkan perpustakaan ini dengan kemudahan koleksi buku serta kelengkapan perabot dengan kos berjumlah RM0.20 juta. Selain itu, perpustakaan ini telah dibekalkan dengan sebuah televisyen, empat buah komputer, sebuah *scanner*, sebuah pencetak dan sebuah mesin fotostat untuk kegunaan pengunjung. Bangunan tersebut diserahkan kepada Perbadanan pada akhir bulan September 2005 berbanding tarikh jangka siap iaitu pada pertengahan bulan Ogos 2004. Perpustakaan ini telah dibuka untuk kegunaan orang ramai pada awal bulan Januari 2006. Kontraktor telah diberi 7 kali lanjutan masa yang keseluruhannya berjumlah 304 hari. Faktor lanjutan masa diberikan ialah kerana kontraktor sukar mendapat bahan binaan, kelewatan bayaran oleh Kerajaan dan perubahan kerja. Bangunan perpustakaan yang dimaksudkan seperti di **Foto 27**.

**Foto 27**  
**Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Perlis**



*Sumber :Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 22 Mei 2006*

*Lokasi : Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Perlis*

- b)** Di bawah RMK-8, Perbadanan telah membina 5 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu seperti yang dirancang. Perpustakaan tersebut telah dibina di Kampung Guar Gajah, Kampung Paya Kelubi, Kampung Chantek Bangun, Kampung Abi dan Ulu Pauh. Lokasi pembinaan adalah berbeza seperti yang dirancang. Kawasan yang tidak terpilih untuk didirikan perpustakaan tersebut ialah di Kampung Wang Kelian, Masjid Bohor Empiang, Kampung Jejawi Dalam dan Kampung Tebing Tinggi. Ia disebabkan Perbadanan tidak dapat menyediakan sebidang tanah hak milik Kerajaan di kawasan yang terlibat. Perbadanan telah melantik Pejabat Unit Pentadbiran Daerah sebagai Agensi pelaksana projek. Sehingga bulan Disember 2005, semua Perpustakaan Desa Siber Ilmu telah siap dibina. Ia telah dibuka untuk kegunaan orang ramai dan dilengkapi dengan koleksi bahan bacaan, perabot serta kemudahan komputer multimedia dengan kos keseluruhan berjumlah RM494,039.
- c)** Pada akhir bulan Mei 2004, Perbadanan telah menerima sebuah bas untuk dijadikan Perpustakaan Bergerak Multimedia. Ia dibekalkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan dilengkapi dengan 8 buah komputer riba dengan kemudahan internet. Kos keseluruhan penyediaannya berjumlah RM299,289. Semakan Audit mendapati sistem penghawa dingin bas tersebut telah 3 kali mengalami kerosakan sejak ia diterima walaupun sudah diperbaiki oleh pembekal. Walaupun sistem hawa dingin bas rosak, Perbadanan masih tetap menggunakan untuk menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai. Ketiadaan sistem hawa dingin menyebabkan

pengguna berasa tidak selesa kerana keadaan di dalamnya panas dan berkuap. Sistem penghawa dingin yang dibekalkan ditunjukkan di **Foto 28** dan **29**.

**Foto 28**  
**Sistem Penghawa Dingin Bas Yang Sering Mengalami Kerosakan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 4 Oktober 2005  
Lokasi : Bahagian Dalam Bas Perpustakaan Bergerak Multimedia*

**Foto 29**  
**Generator Yang Dibekalkan**  
**Untuk Menjana Sistem Penghawa Dingin**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 4 Oktober 2005  
Lokasi : Bahagian Belakang Di Luar Bas Perpustakaan Bergerak Multimedia*

- d) Di bawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan Tahun 2005, Perbadanan telah mengenal pasti 10 tempat bagi menyediakan perkhidmatan Perpustakaan Desa. Semakan Audit mendapati Kerajaan Persekutuan hanya meluluskan 5 tempat sahaja untuk diujudkan Perpustakaan Desa. Lokasi yang diluluskan dan dijadikan Perpustakaan Desa ialah:
- i) Dewan Orang Ramai Kaki Bukit,
  - ii) Pejabat Wakil Rakyat Teluk Jambu,
  - iii) Dewan Orang Ramai Alor Redih,
  - iv) Dewan Orang Ramai Kampung Wang Kelian, dan
  - v) Dewan Orang Ramai FELCRA Lubok Sireh.

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM30,000 kepada Perbadanan untuk mengubahsuai setiap bangunan yang dijadikan Perpustakaan Desa. Sehingga bulan Disember 2005, kerja-kerja pengubahsuaian tersebut telah siap dijalankan. Perpustakaan ini telah dibekalkan dengan koleksi buku, peralatan dan perabot yang diurus sepenuhnya oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Sebuah dewan orang ramai di Kaki Bukit, Padang Besar yang diubahsuai untuk dijadikan Perpustakaan Desa ditunjukkan di **Foto 30**.

**Foto 30**  
**Dewan Orang Ramai Kaki Bukit**  
**Yang Diubahsuai Untuk Dijadikan Perpustakaan Desa**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 16 Ogos 2005

Lokasi : Dewan Orang Ramai Kaki Bukit

Semakan Audit juga mendapati Perbadanan ada menyediakan sebuah van dan sebuah kenderaan pacuan 4 roda untuk kegunaan kakitangannya membuat lawatan dan pemantauan ke semua perpustakaan di bawah pengurusannya.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah menyediakan kemudahan, peralatan dan logistik untuk kegunaan orang ramai dan kakitangannya dengan baik. Sebuah Perpustakaan Cawangan, 5 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu, sebuah bas Perpustakaan Bergerak Multimedia, 6 buah Perpustakaan Desa dan 2 buah kenderaan untuk kegunaan kakitangannya telah disediakan seperti yang dirancang. Bagaimanapun, jenis sistem penghawa dingin yang dibekalkan untuk kegunaan bas Perpustakaan Bergerak Multimedia didapati kurang sesuai untuk digunakan oleh kenderaan. Hentakan dan getaran kepada sistem penghawa dingin antara faktor kemungkinan ia sering rosak.**

#### **15.2.8 Prestasi Kewangan**

Semakan Audit terhadap dokumen kewangan mendapati prestasi kewangan Perbadanan adalah seperti berikut:

- a) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan kewangan kepada Perbadanan berjumlah RM0.50 juta pada tahun 2003, RM0.50 juta pada tahun 2004 dan RM0.90 juta pada tahun 2005. Caruman yang diterima Perbadanan daripada Kerajaan Persekutuan pula berjumlah RM0.95 juta pada tahun 2003, RM0.62 juta pada tahun 2004 dan RM0.90 juta pada tahun 2005. Mengikut persetujuan yang telah dicapai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, agihan peruntukan perbelanjaan mengurus Perbadanan adalah atas dasar 50:50. Kerajaan Negeri didapati tidak membuat agihan peruntukan kepada Perbadanan mengikut kadar yang dipersetujui.

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Perbadanan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan**  
**Tahun 2003 Hingga 2005**

Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
Pendapatan	1,506,940	1,182,879	1,952,078
Perbelanjaan (tidak termasuk susut nilai)	1,497,424	1,596,027	1,929,929
<b>Lebihan/(Kurangan)</b>	<b>9,516</b>	<b>(413,148)</b>	<b>4,851</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Kurangan pendapatan untuk membiayai perbelanjaan telah memaksa Perbadanan mengurangkan jumlah pelaburan Simpanan Tetapnya. Simpanan Tetap Perbadanan pada tahun 2003 berjumlah RM165,315 dan telah merosot kepada RM3,956 pada tahun 2004. Disebabkan kurang peruntukan, Perbadanan telah menghadapi beberapa masalah seperti:

- i) Gaji dan bonus kakitangan bagi bulan November dan Disember 2004 hanya dibuat pembayaran pada pertengahan bulan Januari 2005,
  - ii) Sebanyak 169 invois bernilai RM112,214 iaitu pembelian bagi tempoh bulan Jun hingga Disember 2004 dibuat pembayaran pada tahun 2005 dengan menggunakan peruntukan tahun 2005,
  - iii) Empat buah bas Perpustakaan Bergerak dan sebuah Perpustakaan Bergerak Multimedia tidak dapat digunakan disebabkan tiada peruntukan kewangan untuk membeli minyak mulai bulan Januari hingga Jun 2005, dan
  - iv) Pembelian koleksi bahan bacaan dan rujukan untuk semua rangkaian perpustakaannya berkurangan sejak tahun 2003.
- b) Bagi mengatasi masalah kekurangan kewangan ini, Perbadanan telah membuat beberapa langkah penjimatan dengan:
- i) Menjimatkan penggunaan elektrik dengan mengehadkan penggunaan alat hawa dingin di semua rangkaian Perpustakaan,
  - ii) Kawalan Keselamatan dihentikan atau dikurangkan kepada 12 jam sehari sahaja,
  - iii) Waktu perkhidmatan disingkatkan di semua rangkaian Perpustakaan,
  - iv) Khidmat kakitangan digunakan secara optimum atau giliran kerja separuh hari, dan
  - v) Langganan bulanan akhbar, majalah dan koleksi buku dikurangkan atau diberhentikan di semua rangkaian Perpustakaan.

- c) Semakan Audit terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh Perbadanan atas caruman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan mendapati ia tidak dibelanjakan seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian sebelum ini. Perbelanjaan yang dibuat oleh Perbadanan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005**  
**Daripada Sumber Kerajaan Persekutuan**

Bil.	Jenis Perbelanjaan	2003		2004		2005	
		Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1.	Koleksi	475,000	274,565	312,375	94,786	450,000	417,902
2.	Elaun Kakitangan	285,000	347,666	124,950	295,192	270,000	303,368
3.	Penyelenggaraan	-	290,911	62,475	384,392	60,000	119,918
4.	Latihan	95,000	-	62,475	13,249	60,000	59,017
5.	Promosi	95,000	-	62,475	6,228	60,000	-
6.	Peralatan	-	36,941	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>950,000</b>	<b>950,083</b>	<b>624,750</b>	<b>793,847</b>	<b>900,000</b>	<b>900,205</b>

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

Mengikut perjanjian, Perbadanan dikehendaki membelanjakan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan koleksi Negeri, Malaysiana dan buku Bahasa Inggeris iaitu RM475,00 untuk tahun 2003, RM312,375 untuk tahun 2004 dan RM450,000 untuk tahun 2005. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Perbadanan telah berbelanja hanya RM274,565 pada tahun 2003, RM94,789 pada tahun 2004 dan RM417,902 pada tahun 2005. Pihak Audit mendapati Perbadanan telah menggunakan peruntukan ini untuk membayar elauan kakitangan dan bil penyelenggaraan, terutamanya pada tahun 2004. Pada tahun 2003, Perbadanan didapati tidak membelanjakan langsung peruntukan promosi dan latihan. Walaupun Perbadanan ada membelanjakannya pada tahun 2004, jumlahnya adalah sedikit iaitu RM19,477 berbanding RM124,950 peruntukan yang ditetapkan. Peruntukan promosi juga didapati tidak dibelanjakan langsung pada tahun 2005.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah membelanjakan peruntukan yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dengan baik walaupun ia tidak mencukupi serta mengikut perjanjian yang dipersetujui. Peruntukan kewangan yang terhad menyebabkan Perbadanan membelanjakan**

**caruman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan yang tidak sepatutnya.**

#### **15.2.9 Program Promosi**

Semakan Audit mendapati promosi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan telah dijalankan oleh Unit Rujukan/Seranta Dan Khidmat Nasihat, Bahagian Pembangunan Dan Rangkaian Perpustakaan. Unit ini menjalankan aktiviti promosi melalui pameran, hebahan radio, pengeluaran brosur dan *booklets* serta pembinaan laman web. Selain itu, aktiviti seperti Pertandingan Perpustakaan Keluarga, Pesta Buku Perlis, Pertandingan Sahibba, Kuiz Ilmu dan skrip Khutbah Jumaat seperti yang dirancang telah dijalankan sepanjang tempoh tahun 2003 hingga 2005 dengan baik.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah menjalankan aktiviti promosi seperti yang dirancang dengan baik.**

#### **15.2.10 Pengurusan Pelupusan**

Proses pelupusan buku yang tidak boleh digunakan kerana rosak dibuat oleh Unit Pembinaan Dan Koleksi. Sebuah Jawatankuasa Pelupusan yang dianggotai seramai 8 orang pegawai dan diketuai oleh Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S32 telah ditubuhkan untuk proses pelupusan. Berdasarkan rekod Perbadanan, sebanyak 3,022 buah buku telah dilupuskan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Ia melibatkan sebanyak 607 buah buku pada tahun 2003, 2,267 buah buku pada tahun 2004 dan 148 buah buku pada tahun 2005. Perbadanan telah membuat pelupusan dengan menyerahkan buku-buku tersebut kepada sekolah dan Tadika Kemas.

Semakan Audit juga mendapati Perbadanan telah membuat tawaran sebut harga kepada Jabatan dan orang perseorangan di Negeri Perlis untuk melupuskan 2 buah bas miliknya yang bernombor pendaftaran RA 9195 dan RB 5195 pada pertengahan bulan Jun 2005. Hanya seorang individu sahaja yang memasuki tawaran sebut harga tersebut dan beliau berjaya mendapatkan 2 buah bas tersebut dengan harga RM10,722, berbanding RM13,000 harga yang dianggarkan oleh Jabatan Kerja Raya. Proses pelupusan 2 bas tersebut dibuat oleh Jawatankuasa Pelupusan Perbadanan yang dianggotai oleh seramai 8 orang pegawai dan telah bertindak selari dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah mengurus pelupusan asetnya dengan baik. Buku-buku yang dilupuskan tidak dibuang begitu sahaja tetapi telah**

**hadiahkan kepada sekolah dan tadika untuk dimanfaatkan dan digunakan sepenuhnya.**

#### **15.2.11 Keselamatan**

Lawatan Audit ke Perpustakaan Pusat mendapati Perbadanan ada melantik Pengawal Keselamatan dari firma swasta untuk menjaga kepentingan dan harta benda Perbadanan daripada dicerobohi dan dicuri. Pengawal Keselamatan yang dilantik ini juga bertugas memastikan persekitaran perpustakaan bebas daripada kekacauan yang mungkin dicetuskan oleh pengguna. Perbadanan hanya menyediakan khidmat kawalan keselamatan ini di Perpustakaan Pusat, dua buah Perpustakaan Cawangan dan sebuah Perpustakaan Pekan.

Bagi meningkatkan kawalan dalamannya, Perbadanan ada meletakkan sebuah pengimbas di pintu keluar masuk Perpustakaan Pusat bagi mengelakkan koleksi bukunya dari dicuri atau dibawa keluar tanpa kebenaran. Jeriji besi juga ada diletakkan di setiap perpustakaan bagi mengelakkan ia di ceroboh. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Perbadanan mencatatkan 25 kes tangkapan kerana kesalahan mencuri bahan bacaan. Ia melibatkan 17 kes pada tahun 2003, 2 kes pada tahun 2004 dan 6 kes pada tahun 2005. Kesemua individu yang berkenaan telah diberi amaran keras supaya tidak mengulangi perbuatan yang sama. Mengikut rekod Perbadanan, bahan bacaan yang kerap dicuri ini adalah dari jenis buku rujukan peperiksaan.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah mengambil tindakan yang baik dengan melantik Pengawal Keselamatan, meletak mesin pengimbas dan mengadakan jeriji besi bagi memastikan kepentingan, harta benda dan persekitaran perpustakaan adalah selamat.**

#### **15.2.12 Kepuasan Pelanggan**

Temu bual Audit bersama 29 orang pengguna perpustakaan yang terdiri daripada pelajar sekolah telah diadakan bagi mendapat maklum balas berkenaan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan. Maklum balas yang diperoleh mendapati kebanyakan daripada mereka berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Bagaimanapun, mereka berharap supaya Perbadanan dapat menambah koleksi bahan bacaan dan rujukan berbentuk pendidikan yang terkini bagi membolehkan mereka mengulang kaji pelajaran serta mendapatkan maklumat tambahan bagi mempersiapkan diri mereka menghadapi peperiksaan.

Lawatan Audit di Perpustakaan Pusat mendapati Perbadanan ada menyediakan sebuah Peti Aduan bagi kegunaan pengguna memasukkan kertas aduan berkenaan layanan dan perkhidmatan yang disediakan. Perbadanan telah mencatat semua aduan yang diterima ke dalam sebuah Buku Daftar Aduan. Semakan Audit terhadap buku daftar tersebut mendapati aduan yang dibuat adalah sama iaitu menyarani supaya Perbadanan menambah koleksi buku berunsur pendidikan. Kebanyakan buku rujukan yang disediakan tidak sesuai dengan sukan pelajaran yang terkini.

**Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan adalah baik berdasarkan kepada temu bual yang diadakan serta kertas aduan yang diterima Perbadanan daripada pelanggan. Perkhidmatan dan bantuan yang diberikan kepada pengguna perpustakaan juga adalah memuaskan.**

Pada keseluruhannya, Perbadanan telah dapat melaksanakan tanggungjawab dan aktiviti tahunan seperti yang dirancang. Bagaimanapun, peruntukan kewangan terhad yang diterima daripada Kerajaan Negeri menyebabkan Perbadanan tidak dapat membeli dan menyediakan koleksi buku yang terkini kepada pengguna. Selain itu, ia juga telah menyebabkan waktu perkhidmatan perpustakaan disingkatkan dan Perpustakaan Bergerak terpaksa dihentikan operasinya hampir 6 bulan akibat tiada peruntukan untuk membeli minyak. Perkara sebegini jika diteliti akan merugikan pengguna yang menjadikan perpustakaan sebagai gedung menimba ilmu.

### **15.3 PEMANTAUAN**

Sistem pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan sesuatu aktiviti atau projek mencapai matlamatnya serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan oleh pihak tertentu amat penting bagi memastikan perjalanan dan pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dibuat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dibuat oleh Perbadanan mendapati perkara berikut:

#### **15.3.1 Ahli Lembaga Pengarah**

Perbadanan diterajui oleh sebuah Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Perlis. Timbalan Pengerusi adalah juga Setiausaha Kerajaan Negeri dan dibantu 4 orang wakil daripada Kerajaan Negeri, seorang wakil daripada Perpustakaan Negara dan 8 orang ahli yang dilantik oleh Raja Perlis dalam mesyuarat. Enakmen Perbadanan telah menetapkan supaya mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya

2 kali setiap tahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan 2 kali sahaja sepanjang tahun 2003 hingga 2004 iaitu pada awal bulan Mei 2003 dan awal bulan Ogos 2004. Pada tahun 2005, Lembaga Pengarah hanya mengadakan mesyuarat sekali iaitu pada pertengahan bulan April 2005. Semua mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Besar Perlis dan turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah:

- a) pembentangan anggaran belanjawan mengurus,
- b) perbincangan prestasi projek pembangunan RMK-8,
- c) aktiviti semasa,
- d) perjawatan kakitangan, dan
- e) prestasi kewangan.

#### **15.3.2 Jawatankuasa**

Perbadanan ada menubuhkan jawatankuasa bagi memastikan pengurusan perpustakaan berjalan dengan lancar seperti Jawatankuasa Penyelenggaraan Bangunan Dan Keselamatan, Jawatankuasa Keutuhan, Jawatankuasa ICT, Jawatankuasa Aktiviti Tambahan dan Jawatankuasa Pelupusan. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengenal pasti dan mengesan masalah penyelenggaraan dan sistem keselamatan, memantau, menyelaras dan merangka kerja dan aktiviti setiap bahagian, mengenal pasti dan menilai keupayaan dan keperluan ICT serta merangka aktiviti tambahan perpustakaan seperti Kelab Kawanku Buku, Aktiviti Sempena Bulan Membaca, Pesta Buku dan pameran. Pengerusi dan keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan Perbadanan sendiri.

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan mendapati isu-isu yang dibincangkan adalah berkaitan dengan jawatankuasa tersebut. Majlis Bersama Jabatan Perbadanan telah mengadakan mesyuarat sekali pada tahun 2003, dua kali pada tahun 2004 dan 4 kali pada tahun 2005. Isu-isu yang dibincangkan adalah berkenaan penglibatan kakitangan dalam aktiviti anjuran Kerajaan, disiplin kakitangan, tanggungjawab kakitangan, perjawatan kakitangan, belanjawan, disiplin pengguna, keselamatan perpustakaan, penyenggaraan bangunan, penyenggaraan aset, perkhidmatan perpustakaan, pengurusan pinjaman dan sistem pengkomputeran perpustakaan.

### **15.3.3 Mesyuarat Penyelaras Perpustakaan Awam Negeri**

Pada tahun 2004, Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Awam Negeri telah diadakan sebanyak 2 kali pada setiap tahun iaitu pada bulan April dan Disember. Pada tahun 2005, Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Awam Negeri telah diadakan pada bulan Mac dan Ogos. Mesyuarat tersebut membincangkan perkara berkenaan kemajuan projek pembangunan RMK-8 serta masalah yang dihadapi dalam mengurus perpustakaan terutamanya berkenaan kekurangan kakitangan. Setiap maklumat yang dibentangkan akan diselesaikan masalahnya, jika ada, oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

### **15.3.4 Laporan Prestasi Fizikal Dan Kewangan**

Perbadanan ada menyediakan laporan prestasi fizikal dan kewangan pada setiap bulan bagi semua projek yang dilaksanakan dengan baik. Laporan tersebut akan dihantar kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis untuk tujuan pemantauan.

### **15.3.5 Mesyuarat Tapak Projek Pembinaan Perpustakaan Cawangan Kuala Perlis**

Perbadanan ada mengadakan mesyuarat tapak yang turut dihadiri wakil daripada Jabatan Kerja Raya Negeri dan kontraktor terlibat bagi membincangkan kemajuan semasa projek pembinaan. Minit mesyuarat tapak dan laporan kemajuan bulanan disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Semakan Audit terhadap projek pembinaan Perpustakaan Cawangan Kuala Perlis mendapati ia telah mengalami kelewatan. Mengikut perjanjian, bangunan tersebut sepatutnya disiapkan pada pertengahan bulan Ogos 2004. Bagaimanapun, ia hanya diserahkan kepada Perbadanan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia sebagai Agensi pelaksana pada akhir bulan September 2005. Perpustakaan tersebut telah dibuka untuk kegunaan orang ramai pada awal bulan Januari 2006.

### **15.3.6 Lawatan Ke Tapak Pembinaan Dan Perpustakaan**

Pada tahun 2004 dan 2005, pegawai daripada Perpustakaan Negara Malaysia ada mengadakan lawatan ke tapak pembinaan dan perpustakaan cawangan. Lawatan tersebut dijalankan bagi memastikan setiap projek dan aktiviti yang dijalankan telah sebenarnya dibuat dan disediakan oleh Perbadanan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dijalankan oleh Perbadanan terhadap pengurusan perpustakaan keseluruhannya adalah baik. Perbincangan dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah berjaya memperbaiki kelemahan sistem**

**pengurusan Perbadanan bagi memastikan Perpustakaan Awam Negeri Perlis diurus dengan baik dan sewajarnya.**

## **16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, Perbadanan telah mengurus Perpustakaan Awam Negeri Perlis dengan baik. Pengguna yang ditemui pada keseluruhannya berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perbadanan. Bagaimanapun, terdapat pengguna yang ditemui menyarankan supaya Perbadanan dapat menambah dan mengemas kini buku-buku yang ada terutamanya berkenaan pendidikan dan ilmiah. Kebanyakan pengguna adalah dari golongan pelajar yang menggunakan perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran serta mendapatkan maklumat tambahan bagi menghadapi peperiksaan. Kekurangan sumber kewangan merupakan faktor utama menyebabkan Perbadanan tidak dapat menambah koleksi baru bahan bacaan di setiap perpustakaannya. Berikut adalah syor Audit bagi membantu Perbadanan menguruskan perpustakaannya dengan lebih cekap dan berkesan:

- a) Membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan supaya dapat menambah sumbangan caruman tahunan,
- b) Mengisi kekosongan jawatan serta menambah perjawatan baru dengan menyerap kakitangan sambilan yang sedia ada,
- c) Memastikan kenderaan Perbadanan terutamanya bas dipandu oleh pegawai yang berjawatan Pemandu Gred R3 dan mempunyai lesen memandu bersesuaian,
- d) Penyeragaman susun atur perabot dan bahan bacaan di semua perpustakaan,
- e) Mengganti sistem hawa dingin bas Perpustakaan Bergerak Multimedia mengikut spesifikasi yang sesuai,
- f) Menambah dan mengemas kini koleksi buku terutamanya berkenaan pendidikan dan ilmiah untuk kegunaan pengguna yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar,
- g) Memastikan pengurusan kewangan Perbadanan diselenggarakan selari dengan arahan dan pekeliling yang berkuat kuasa, dan
- h) Memastikan peruntukan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan digunakan sepenuhnya mengikut perjanjian yang dipersetujui bagi memastikan pengguna dan kakitangan Perbadanan mendapat manfaat daripadanya.

***BAHAGIAN II***

***PERKARA AM***

**BAHAGIAN II**  
**PERKARA AM**

**17. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Laporan pemeriksaan tersebut dinyatakan di Bahagian ini di bawah tajuk berikut:

- 17.1 Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004, dan**
- 17.2 Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.**

**18. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2004**

**18.1 AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

**18.1.1 Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis : Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan**

Kutipan bayaran pengeluaran bahan batuan merupakan salah satu hasil Jabatan Tanah Dan Galian yang terbesar. Oleh itu, aktiviti pengeluaran bahan batuan perlu diurus dengan berkesan. Bayaran pengeluaran bahan batuan atau royalti yang dipungut oleh Jabatan adalah berdasarkan kuantiti bahan batuan yang dikeluar dan dipindahkan daripada tanah bermilik dan tanah Kerajaan. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 56 permohonan telah lewat diluluskan antara 52 hingga 368 hari dan tempoh memproses yang lama telah menyebabkan proses permohonan tidak dapat diselesaikan pada tahun semasa serta berlanjutan ke tahun berikutnya. Keadaan ini menyebabkan penguasa kuari lewat mendapat kebenaran untuk menjalankan operasi kuarinya. Selain itu, pemeriksaan Audit juga mendapati Jabatan tidak menyenggara sebuah rekod untuk merekodkan semua pelanggaran syarat permit bahan batuan yang telah dilakukan oleh pengusaha kuari. Semakan Audit terhadap tiket pengambilan bahan batuan mendapati sebanyak 1,529 keping tiket mencatatkan

tarikh pengeluaran bahan batuan dilakukan selepas tempoh permit. Bagaimanapun tiada tindakan yang telah diambil oleh Jabatan terhadap pengusaha kuari yang terlibat. Tunggakan hasil batu kapur dan tanah liat bagi tempoh tahun 2004 berjumlah RM4.02 juta tidak dijelaskan oleh sebuah kilang simen.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan Tanah Dan Galian masih lagi dalam tindakan untuk menentukan satu kaedah yang akan diambil bagi mempercepatkan urusan memproses permohonan pengeluaran permit bahan batuan. Bagaimanapun, Daftar merekod semua pelanggaran syarat permit bahan batuan yang dilakukan oleh pengusaha kuari telah disediakan oleh Unit Penguat Kuasa, Jabatan Tanah Dan Galian mulai bulan Mei 2005. Manakala tarikh pengeluaran bahan batuan yang dilakukan telah dicatatkan pada tiket pengambilan bahan batuan mengikut tempoh permit yang telah diluluskan juga mulai bulan Mei 2005. Tunggakan hasil batu kapur dan tanah liat bagi tempoh tahun 2004 berjumlah RM4.02 juta telah dijelaskan oleh sebuah kilang simen pada bulan Januari 2005 berjumlah RM1.92 juta dan bulan April 2005 berjumlah RM2.10 juta. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada bulan Julai 2005 telah meluluskan bayaran insentif sebanyak 2% diberikan kepada kilang simen tersebut apabila bayaran hasil batu kapur dan tanah liat dijelaskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penyata tuntutan hasil batu kapur dan tanah liat diterima oleh kilang tersebut daripada Jabatan Tanah Dan Galian.

#### **18.1.2 Yayasan Islam Perlis : Pengurusan Sekolah Rendah Islam**

Pada keseluruhannya, pengurusan Sekolah Rendah Islam oleh Yayasan Islam Perlis adalah baik. Namun, beberapa kehendak Akta Pendidikan 1996 seperti pendaftaran Sekolah Rendah Islam III, penyediaan Surat Cara Pengelolaan serta pengauditan penyata kewangan masih belum dipatuhi.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Yayasan Islam Perlis sedang mengambil tindakan pematuhan selari dengan kehendak peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

### **19. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG BELUM SELESAI**

Semakan juga telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun lalu untuk menentukan kelemahan yang dilaporkan telah diambil tindakan pembetulan. Kedudukan terkini adalah seperti berikut:

## **19.1 AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2003**

#### **19.1.1 Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis : Program Penyelenggaraan Jalan Negeri**

Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan jalan negeri. Pada tahun 2003 panjang jalan negeri adalah 368.8 kilometer. Kerja penyelenggaraan jalan terbahagi kepada 2 kategori iaitu penyelenggaraan berkala yang melibatkan penurapan semula dan penyelenggaraan biasa. Kerja penurapan permukaan jalan dibuat oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan manakala kerja penyenggaraan kecil dibuat oleh pekerja Jabatan atau kontraktor lain. Daripada peruntukan berjumlah RM13.64 juta Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM13.23 juta pada tahun 2001 hingga 2003. Kajian Audit mendapati jalan yang diturap semula tidak mengikut perancangan asal. Pencapaian Jabatan boleh dipertingkatkan sekiranya Jabatan menurap semula jalan yang telah dirancang. Selain itu rekod jalan yang telah diturap semula tidak disediakan bagi membolehkan pemilihan jalan yang hendak diturap semula dibuat dengan berkesan. Daftar aduan kerosakan jalan juga tidak diselenggarakan dengan sempurna.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak Jabatan Kerja Raya telah mengambil tindakan memastikan segala *pothole* ditampal dengan segera apabila diketahui atau mendapat aduan daripada orang ramai. Namun Jabatan tidak dapat melaksanakan kerja menurap semula jalan bagi jalan yang dirancang pada tahun 2004. Jabatan boleh mempertingkat dan memperkemas lagi pelaksanaan penurapan semula jalan mengikut sebagaimana yang telah dirancang dan menentukan sumber digunakan sebaik mungkin. Walaupun begitu Jabatan telah mengambil tindakan menyediakan rekod jalan yang diturap semula meliputi tempoh tahun 1994 hingga 2004. Selain itu, daftar aduan yang disenggara oleh Jabatan boleh digunakan dengan berkesan sekiranya butiran seperti respon atau tindakan yang diambil terhadap sesuatu aduan dicatatkan di daftar tersebut.

#### **19.1.2 Unit Pentadbiran Daerah : Projek Pembinaan Dan Pengurusan Gerai Perniagaan**

Gerai yang dibina adalah merupakan aset kerajaan dan menjadi tanggungjawab Unit Pentadbiran Daerah untuk mengawal aset kerajaan. Kawalan yang berkesan adalah melalui penyediaan Daftar Aset untuk merekodkan maklumat penting aset seperti jenis aset, nilai aset, lokasi dan nombor kawalan. Butiran lain juga boleh dicatat mengikut kesesuaian. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Pentadbiran Daerah tidak menyediakan Daftar Gerai bagi merekodkan semua gerai yang tertakluk di bawah kawalannya.

Mesyuarat Wakil Rakyat pada bulan September 2003 telah memutuskan supaya gerai yang telah ditawarkan kepada penyewa tetapi tidak beroperasi sehingga bulan Oktober 2003 hendaklah ditarik balik dan ditawarkan kepada peniaga lain. Pemohon yang berjaya dipilih akan diberi surat tawaran dan jika bersetuju dikehendaki menandatangani surat perjanjian sewa gerai. Perjanjian sewa gerai itu akan tamat pada akhir tahun dan perlu diperbarui setiap tahun. Semakan Audit terhadap surat tawaran kepada pemohon yang ditawarkan gerai mendapati seramai 5 penyewa belum menandatangani surat perjanjian penyewaan gerai dan 3 daripadanya telah menjalankan perniagaan. Selain itu mengikut surat perjanjian sewa gerai antara Unit Pentadbiran Daerah dengan penyewa, kegagalan penyewa menjelaskan sewa bulanan selama 3 bulan berturut-turut akan dikeluarkan Notis Tunggakan kepada penyewa. Selanjutnya jika penyewa masih gagal membuat bayaran, maka Pejabat Unit Pentadbiran Daerah akan mengeluarkan Notis Pengambilan Semula Gerai. Pemeriksaan Audit mendapati pihak Unit Pentadbiran Daerah banyak mengeluarkan Notis Tunggakan dan Notis Pengambilan Semula Gerai kepada 7 penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi 3 bulan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Surat notis telah dikeluarkan seperti mana di borang perjanjian. Manakala kelemahan lain yang dibangkitkan tidak diambil sebarang tindakan.

#### **19.1.3 Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis : Pengurusan Zakat Oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis**

Peraturan dan fatwa yang diterima pakai Majlis belum diisyiharkan dalam Warta Kerajaan seperti mana kehendak Fasal 135 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1963. Mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, persetujuan telah dicapai bahawa wang zakat wajib dibahagikan kepada asnaf yang 8 serta dimiliki oleh mereka secara bebas tanpa ditinggalkan sebarang baki. Mengenai pelaburan yang telah dibuat, jawatankuasa tersebut berpendapat ianya dimaafkan (tidak berulang). Sehingga akhir tahun 2004, pelaburan Majlis dalam simpanan tetap berjumlah RM6.42 juta. Selain itu, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis yang bermesyuarat pada pertengahan bulan Oktober 1987 telah mengambil keputusan iaitu wang zakat tidak boleh diberi pinjam kepada kakitangan yang berkhidmat dengan Majlis kerana wang tersebut hendaklah dibahagikan kepada asnafnya secara tunai berdasarkan ayat Al-Quran di dalam Surah At-Taubah ayat 60. Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM150,000 pada tahun 1998 dan RM80,000 pada tahun 2000 untuk kemudahan pinjaman kenderaan dan komputer kepada kakitangan Majlis.

### **Kedudukan Masa Kini**

Peraturan dan fatwa tersebut masih belum diwartakan. Majlis masih lagi membuat pelaburan dalam simpanan tetap menggunakan lebihan wang kutipan zakat. Pengeluaran pinjaman kenderaan dan komputer kepada kakitangan Majlis masih lagi diluluskan.

## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002**

### **19.1.4 Program Hutan Lipur Dan Eko-Pelancongan**

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM4.50 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan untuk Program Hutan Lipur Dan Eko-Pelancongan. Bagi tahun 2001 sejumlah RM0.97 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan berjumlah RM1 juta manakala bagi tahun 2002, sejumlah RM0.27 juta telah dibelanjakan berbanding peruntukan RM0.85 juta. Kebanyakan kerja yang dilaksanakan adalah berkaitan pembaikan kemudahan dan pembersihan kawasan hutan lipur dan eko-pelancongan serta projek berbentuk pembinaan kemudahan. Sebahagian besar kerja yang dirancang tidak dapat dilaksanakan disebabkan sebahagian peruntukan pembangunan yang diterima disalurkan untuk perbelanjaan mengurus bagi kerja penyelenggaraan dan pembersihan kawasan. Selain itu, kemudahan Hutan Lipur Bukit Kubu tidak diselenggarakan disebabkan masalah vandalisme. Pencapaian program ini tidak sepenuhnya seperti dirancang kerana sebahagian besar peruntukan dibelanjakan untuk kerja yang tidak dirancang. Selain itu, Kerajaan Negeri menyerahkan pengurusan Hutan Lipur Bukit Ayer kepada sebuah syarikat namun perjanjian tidak dimeterai.

### **Kedudukan Masa Kini**

Selain daripada pembinaan kemudahan, peruntukan pembangunan Program Hutan Lipur Dan Eko-Pelancongan ini pada tahun 2004 masih digunakan untuk kerja penyenggaraan dan pembersihan kawasan. Mulai tahun 2003, kemudahan Hutan Lipur Bukit Kubu telah disenggarakan di samping pembinaan kemudahan baru dan berterusan pada tahun 2004. Bagaimanapun, perjanjian masih belum ditandatangani sehingga akhir bulan Mac 2005 mengenai pengurusan Hutan Lipur Bukit Ayer dengan syarikat yang menguruskannya.

### **19.1.5 Program Pemuliharaan Sungai**

Program Pemuliharaan Sungai antara lain bermatlamat untuk menjaga kualiti sungai dan mengelakkan kejadian banjir. Bagi tahun 2001 dan 2002 masing-masing sejumlah RM0.95 juta dan RM0.85 juta telah diperuntukkan untuk program ini dan dari jumlah itu, sejumlah RM0.95 juta dan RM0.82 juta telah dibelanjakan. Adalah didapati kertas kerja

Program Pemuliharaan Sungai sangat ringkas dan hanya mengandungi nama sungai yang perlu dipulihara. Manakala komponen kerja yang akan dilaksanakan iaitu berkenaan butiran panjang sungai yang perlu dikorek, kuantiti mendapan hendak dibuang dan panjang tebing sungai yang akan dipasang cerucuk tidak dinyatakan. Ia juga tidak menyatakan jadual masa pelaksanaan kerja pemuliharaan sungai dan peruntukan yang dipohon hanya berasaskan bilangan sungai. Selain itu, pemantauan terhadap kejadian hakisan sungai, pemendapan serta pencemaran sungai tidak dapat dilakukan dengan berkesan kerana laporan keadaan sungai seperti kejadian hakisan tebing, pemendapan serta pencemaran sungai tidak disediakan.

### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran tidak menyediakan Kertas Kerja yang lengkap untuk Bajet tahun 2004 mengenai Program Pemuliharaan Sungai. Antara maklumat penting yang tidak dimasukkan dalam laporan tersebut adalah mengenai ukuran panjang sungai. Bagaimanapun Jabatan telah memasukkan maklumat berkaitan dengan panjang sungai yang hendak dipulihara dalam bajet tahun 2005. Jadual masa pelaksanaan tidak disediakan. Selain itu laporan kejadian hakisan sungai, pemendapan dan selainnya yang berguna untuk kerja pemantauan telah dikumpulkan sehingga tahun 2004 untuk dimasukkan dalam laporan tahun 2005.

## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2001**

### **19.1.6 Pengurusan Projek Air Mineral**

Pada tahun 1997, Jabatan Kerja Raya telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan projek air mineral bermula dari peringkat perancangan hingga penjualan produk. Pelbagai peralatan bagi pengeluaran air mineral telah dibeli termasuklah botol, kotak kertas, perabot dan alat kelengkapan penapisan. Aktiviti penapisan air mineral ini dilakukan di sebuah kilang di Batu Bertangkup, Chuping dan dikendalikan oleh kakitangan Jabatan Kerja Raya sendiri.

### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan Kerja Raya telah menghentikan operasi pengeluaran air mineral sejak bulan Mac 2002. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan untuk menawarkan konsesi kepada sebuah syarikat swasta untuk mengurus dan menjalankan operasi pengeluaran air mineral. Pada tahun 2003, tawaran telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut untuk menguruskannya. Bagaimanapun, sehingga bulan Mac 2005, perjanjian konsesi masih belum ditandatangani dan syarikat tersebut belum mulakan operasi.

## **20. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Negeri Perlis hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan bagi tahun 2004 telah dibentangkan pada pertengahan bulan April 2005.

## **21. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Bagi tempoh bulan Januari hingga Mac 2005, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis tidak mengadakan sebarang mesyuarat. Pada 4 April 2005 Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis telah mengadakan mesyuarat yang pertamanya bagi tahun 2005 bagi membincangkan perkara lain berkaitan dengan isu semasa. Butiran ringkas perkara yang telah dibincangkan adalah seperti di **Jadual 39**. Jawatankuasa belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002. Selaras dengan peranan jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji kes lama yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

**Jadual 39**  
**Mesyuarat/Seminar/Lawatan Oleh Jawatankuasa**  
**Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis Pada Tahun 2005**

Bil.	Tarikh Mesyuarat	Perkara Dibincangkan
1.	4 April 2005	<p>Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perlis telah membincangkan dan menetapkan antaranya perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tanah Milik Baitulmal</li> <li>ii) Bengkel IKS Di Batu Bertangkup</li> <li>iii) Tabung Amanah Letak Kereta Dan Kawasan Lapang</li> <li>iv) Projek Perumahan Usaha sama Majlis Perbandaran Kangar Di Padang Besar</li> </ul> <p>Mesyuarat mencadangkan supaya tanah-tanah zakat fitrah diambil balik untuk kegunaan projek Kerajaan. Tanah wakaf am di kawasan tidak ekonomik untuk dibangunkan, sebahagiannya disewakan kepada 5 orang penyewa dengan jumlah sewaan berjumlah RM2,200 setahun. Mesyuarat juga mencadangkan supaya bengkel IKS yang kosong dijadikan tempat latihan pembungkusan barang, pembuatan pekasam dan hasil negeri. Majlis Perbandaran Kangar telah dicadangkan untuk membeli tanah untuk menyediakan kawasan lapang di projek perumahan dan mengambil tindakan terhadap pegawai MPK yang cuai menjalankan tugas di dalam projek perumahan usaha sama di Padang Besar.</p>
2.	11 Ogos 2005	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perlis telah membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Bil. 1/2005 dan penjelasan daripada Ketua Jabatan.</p>

Sumber : Rekod Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perlis

## **PENUTUP**

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan tidak menitikberatkan aspek pemantauan secara berterusan semasa pelaksanaan projek dan selepas projek siap serta tidak menguatkuasakan peraturan dan syarat perjanjian yang telah ditetapkan.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**17 Julai 2006**

***LAMPIRAN***

## Lampiran I

### Aplikasi SPEKS Yang Telah Dibangunkan Pada Tahun 2002-2005

Bil.	Modul Aplikasi SPEKS	Pengguna	Bulan/Tahun Pelaksanaan	Fungsi
1.	Sistem Kawalan Data (Fasa 1) (DCS)	Bendahari Negeri	Mac 2002	Membolehkan rekod dengan fail selenggaraan dikunci masuk dan melakukan penyenggaraan terhadap rekod baru dan sedia ada. Jenis kod diwujudkan adalah kod DCS, Kod Peralihan, Kod Gaji, Kod SLAS dan Kod Pinjaman.
2.	Sistem Sekuriti Aplikasi (Fasa 1)	Bendahari Negeri, Penolong Pegawai Sistem Maklumat	Julai 2002	Menyediakan skrin kemasukan membolehkan rekod berkenaan fail selenggaraan dikunci masuk disamping membuat pertanyaan ke atas rekod baru dan sedia ada, kod Program dan kod Akses Pengguna.
3.	Sistem Lejar Am (Fasa 1)	Pejabat Bendahari Negeri	Julai 2002	Kemasukan, pertanyaan dan laporan di peringkat Pejabat Bendahari Negeri bagi baucar bayaran, penyata pemungut, baucar jurnal, waran peruntukan, pemindahan antara bank, kuiri, pembatalan/penggantian cek/EFT, pemulangan dana ke akaun asal bagi cek terbatal, penukaran cara pembayaran, penyerahan cek, kelulusan melebihi peruntukan, cek tidak laku, penggantian cek/EFT terbatal, bayaran pukal, penyesuaian bank dan E-Syariah.
4.	Sistem Buku Vot / PTJ Kewangan (Fasa 1 & III)	PTJ	Julai 2002 dan November 2004	Kemasukan, proses, pertanyaan rekod bagi pelbagai jenis bayaran dan terimaan yang dilaksanakan di peringkat PTJ.
5.	Sistem Belanjawan (Fasa 1)	PTJ, Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Bendahari Negeri	Januari 2003	Kemasukan rekod bagi anggaran terperinci, semak/perakuan anggaran terperinci, kelulusan anggaran, waran peruntukan dan maklumat projek, penyenggaraan, proses dan pertanyaan rekod bajet serta Laporan Cadangan/Perakuan Peruntukan, Draf/Buku Bajet, pengurusan, carta dan waran.
6.	Sistem Lejar Akaun Subsidiari (SLAS) (Fasa II)	PTJ & Bendahari Negeri	April 2003	Kemasukan, proses, pertanyaan dan mengeluarkan laporan bagi rekod berkaitan pinjaman perumahan/kenderaan/komputer, pendahuluan diri dan sewa rumah/perabot kerajaan.
7.	Sistem Gaji (Fasa II)	PTJ & Bendahari Negeri	November 2002	Memproses penyediaan gaji pegawai dan kakitangan lantikan Kerajaan Negeri.
8.	Sistem Pinjaman (Fasa III)	Bendahari Negeri	Januari 2006	Kemasukan, proses, pertanyaan bagi rekod dan mengeluarkan laporan bagi pinjaman dan bayaran balik Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan pemberian pinjaman kepada Agensi Kerajaan Negeri
9.	Sistem Pelaburan (Fasa III)	Bendahari Negeri	Februari 2005	Selenggaraan, kemasukan, pertanyaan rekod pelaburan dan mengeluarkan laporan bagi 2 jenis pelaburan Kerajaan Negeri iaitu Deposit & Pasaran Wang dan Pelaburan Saham.
10.	Sistem Pengurusan Aset (Fasa III)	PTJ	Julai 2004	Kemasukan, proses, pertanyaan dan laporan bagi aset dan inventori di PTJ
11.	Sistem Maklumat Pengurusan Kewangan (Fasa III)	Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Bendahari Negeri & Semua Ketua Jabatan	Julai 2005	Mengeluarkan pelbagai laporan bagi kegunaan pengurusan seperti Analisis Kewangan SPEKS, Analisis Unjurian SPEKS, Analisis Operasi SPEKS dan Laporan Penyata Kewangan

Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri Perlis

## Lampiran II

### Senarai Kursus, Latihan Dan Taklimat Yang Telah Diberikan Kepada Pentadbir Sistem Dan Pengguna PTJ

Bil.	Butiran Dan Jenis Latihan	Bulan
<b>Tahun 2002</b>		
1.	Kursus/Latihan Teknikal: Sistem Unix – Pentadbiran Dan <i>Fundamental</i> HP Unix System Networking Dan Pentadbiran, Pengguna Bagi Penyediaan Sistem Kawalan Data Dan MS Windows 2000 Professional/Advance	Januari/Februari Februari
2.	Kursus Pengguna Sistem Lejar Am SPEKS Dan Kursus Pengguna Di Perbendaharaan Negeri Bagi Sistem Lejar Am (Proses Harian) SPEKS	Mac
3.	Kursus Pengguna PTJ Perintis SPEKS /Kursus Bagi Sistem Buku Vot SPEKS	April
4.	Kursus Buku Vot SPEKS Bagi PTJ Dan Pegawai Pengawal	Mei
5.	Kursus Sistem Belanjawan SPEKS Untuk PTJ Dan Pegawai Pengawal	Julai
6.	Kursus <i>Refresher</i> Bagi Modul Belanjawan SPEKS Taklimat Sistem Pembayaran Dan Terimaan SPEKS, Cara Membaca Laporan Buku Vot Dan Lejar Am SPEKS dan Sistem Bayaran Pukal	September
7.	Kursus Sistem Gaji Berkomputer SPEKS	Okttober dan Disember
8.	Taklimat Modul Belanjawan	November
9.	Taklimat Mengenai Pembayaran Akaun Kena Bayar Dan Sistem Gaji Berkomputer	Disember
<b>Tahun 2003</b>		
10.	Taklimat Mengenai Arahan Kerja Buku Vot Berkomputer Dan Arahan Kerja Sistem Gaji Berkomputer	Mac
11.	Taklimat Mengenai Sistem Pengurusan Buku Vot Dan Kew. 8	Mac
12.	Latihan Input Masuk Rekod Subsidiari Lejar/Buku Vot	Mei
13.	Taklimat Mengenai Sistem Perakaunan Berkomputer Standard	November
<b>Tahun 2004</b>		
14.	Taklimat SPEKS Dan Perakaunan	Januari
15.	Kursus SPEKS Bagi Modul Pinjaman, Pelaburan Dan Pengurusan Aset	Julai
16.	Kursus Sistem PTJ Kewangan	November dan Disember
17.	Latihan Bagi Modul Pelaburan (Sistem Deposit Tetap Dan Pemeriksaan Data Pinjaman)	Disember
<b>Tahun 2005</b>		
18.	Kursus Modul Pengurusan Aset(Inventori) Dan Pelaburan	Februari
19.	Latihan Microsoft Office 2000 Professional, Windows 2000 Professional Server Dan Advanced Server	Mac - April
20.	Kursus <i>Refreshment</i> Dan Taklimat Mengenai Penyata Penyesuaian Bagi Kakitangan Pejabat Bendahari Negeri	Julai
21.	Taklimat Mengenai Terimaan/Kutipan Hasil Melalui SPEKS, Modul PTJ Kewangan, Modul Pengurusan Aset Dan Modul Lejar Akaun Subsidiari	Oktober

Sumber : Rekod Pejabat Bendahari Negeri

**Rancangan Aktiviti Tahun 2003 hingga 2005**

Bil.	Aktiviti
<b>Tahun 2003</b>	
1.	Tayangan Video Untuk Kanak-kanak
2.	Tayangan Video Segmen Ilmiah Petanda Maha Pencipta
3..	Kuiz Info-Hunt (melalui internet)
4.	Tayangan Video Segmen Tokoh Pejuang Negara
5.	Permainan Kuiz Pengetahuan Am
6.	Peraduan Teka Silang kata
7.	Pertandingan Melukis dan Mewarna Poster Membaca dan Perpustakaan
8.	Pertandingan Mencari Maklumat Pantas
9.	Pertandingan <i>Scrabble dan Sahibba</i>
10.	Peraduan Melukis Poster
11.	<i>Good Spelling</i>
12.	Bijak Membaca untuk Pra-Sekolah
13.	Jalan-jalan Cari Ilmu
14.	Pameran Tokoh Popular Perlis
15.	Pertandingan Mewarna untuk Pra-Sekolah
16.	Pertandingan Riang Ria Membaca
17.	Pesta Buku Perlis
18.	Ceramah Motivasi Untuk Pelajar SPM
19.	Ceramah Penggunaan Media Dalam Pengajaran & Pembelajaran
20.	Peraduan Melukis Poster Reading Matters/Membaca Perlis
21.	Ceramah Sastera Teknik Penulisan Cerpen oleh Rejab FI
22.	Bicara Buku Sastera
23.	Ceramah Motivasi UPSR
24.	Bengkel Perpustakaan Keluarga
<b>Tahun 2004</b>	
1	Bulan Membaca
2	Pertandingan Perpustakaan Keluarga
3	Bengkel Cyberkids
4	Pertandingan Mewarna Bersama Keluarga
5	Pertandingan Sahibba
6	Ceramah Motivasi
7	Kuiz Ilmu
8	Program Bacaan Kegemaran Saya
<b>Tahun 2005</b>	
1.	Pesta Buku Perlis
2.	Khutbah Jumaat Berkaitan Ilmu dan Pembacaan
3.	Pameran Hari Ini Dalam Sejarah
4.	Peraduan Melukis Poster Rajin Membaca Pasti Berjaya
5.	Sukaneka Kanak-kanak
6.	Ceramah Motivasi Kakitangan Perpustakaan Kumpulan Sokongan Zon Utara
7.	Bengkel dan Pameran Perpustakaan Keluarga
8.	Peraduan Mewarna Aku Dan Dia
9.	Seminar Pemantapan Institusi Keluarga (Keluarga Cemerlang Kerjaya Gemilang)
10.	Pertandingan Bercerita
11.	Program Bacaan Kegemaran Saya
12.	Bengkel CyberNita
13.	Pelancaran Portal Virtual Perlis

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

**Rancangan Aktiviti Tahun 2003 Hingga 2005**  
**Oleh Kelab Kawanku Buku**

Bil.	Aktiviti Yang Dirancang Dilaksanakan
<b>Tahun 2003</b>	
1.	Kelas Tarian Dan Hadrah
2.	Persembahan Tarian Hadrah dan Nasyid Sempena Majlis Perasmian Pasaria Darul Farah oleh Pemangku Raja Perlis
3.	Demonstrasi Kebakaran dan Keselamatan Kanak-kanak
4.	Promosi Akhbar Dalam Darjah kepada Ahli Kelab Kawanku Buku
5.	Sukaneka Kelab Kawanku Buku
<b>Tahun 2004</b>	
1.	Aktiviti Menguji Minda
2.	Kelas Bahasa Inggeris
3.	Perlawanan Futsal Persahabatan
4.	Lawatan Rekreasi ke Gua Kelam
5.	Mari Mewarna
6.	Jom Tengok Wayang
7.	Pertandingan Futsal
8.	Pertandingan Permainan Tradisional
9.	Mini Sukaneka
<b>Tahun 2005</b>	
1.	Sukaneka Kelab Kawanku Buku
2.	Pertandingan Batik Idol
3.	Pertandingan Kuiz Cemerlang, Gemilang, Terbilang
4.	Pertandingan Mewarna Aku Dan Dia
5.	Pertandingan Menghafal Ayat Lazim
6.	Riang Ria Aidil Fitri
7.	Sukaneka Kelab Kawanku Buku
8.	Pertandingan Mewarna Bersamamu di Aidil Fitri

*Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis*

**Rancangan Lawatan Perpustakaan Bergerak**

Hari	Tempat	Waktu
<b>Nombor Pendaftaran Bas RC 2626</b>		
Isnin	SK Kampung Salang SK Santan Taman Seri Embun PPRT Tok Kuning	9.00 pagi hingga 10.00 pagi 10.30 pagi hingga 11.30 pagi 2.45 petang hingga 3.15 petang 3.30 petang hingga 4.30 petang
Selasa	SK Bohor Empiang SM Padang Melangit Taman Beseri Indah Taman 20	9.15 pagi hingga 10.00 pagi 10.15 pagi hingga 11.15 pagi 2.45 petang hingga 3.30 petang 3.45 petang hingga 4.30 petang
Rabu	SK Bintong SK Kubang Gajah Taman Jali Kampung Surau Taman Medan Sepakat	9.00 pagi hingga 9.45 pagi 10.30 pagi hingga 11.15 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.30 petang 4.15 petang 4.30 petang hingga 5.15 petang
Khamis	SK Kayang Taman Desa Pulai Taman Bukit Kayangan	9.00 pagi hingga 11.00 pagi 3.30 petang hingga 4.00 petang 4.15 petang hingga 4.45 petang
Jumaat	Kampung Beseri Dalam Taman Melati Indah	3.00 petang hingga 3.45 petang 4.00 petang hingga 4.45 petang
<b>Nombor Pendaftaran Bas WGS 4342</b>		
Isnin	SK Jelempok SK Changkat Jawi SM Islahiyyah Bohor Mali Kampung Bongor Kudong Kg. Padang Besar Arau Masjid Bohor Mali	9.00 pagi hingga 10.00 pagi 10.00 pagi hingga 10.45 pagi 11.15 pagi hingga 12.00 tengahari 2.30 petang hingga 3.30 petang 3.50 petang hingga 4.50 petang 5.10 petang hingga 6.00 petang
Selasa	SK Sungai Baru SK Padang Besar Kg. Permatang Bongor Sungai Berembang Sungai Belati	9.00 pagi hingga 10.00 pagi 10.30 pagi hingga 11.30 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 4.15 petang hingga 4.45 petang 4.15 petang hingga 4.45 petang
Rabu	SK Dato' Ahmad Musa SK Padang Keria Depan SM Sanglang Kuala Sanglang Kg. Padang Benta	9.00 pagi hingga 10.00 pagi 10.15 pagi hingga 11.15 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.30 petang hingga 4.15 petang 4.30 petang hingga 5.00 petang
Khamis	SK Sungai Berembang SM Syed Ahmad FELCRA Ulu Pauh Kampung Sena Bohor Mentalon Mengkuang Layar	9.00 pagi hingga 10.30 pagi 10.50 pagi hingga 11.50 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.15 petang hingga 3.45 petang 4.15 petang hingga 4.45petang 5.00 petang hingga 5.30 petang
Jumaat	Masjid Simpang Sanglang Surau Permatang Limau Surau Sungai Baru	3.15 petang hingga 3.30 petang 3.45 petang hingga 4.15 petang 4.30 petang hingga 5.00 petang

Hari	Tempat	Waktu
<b>Nombor Pendaftaran Bas WHE 9810</b>		
Isnin	SRI II, FELDA Mata Ayer II SK Titi Tinggi Pusat Kesihatan K.Bukit Balai Polis Kaki Bukit FELDA Rimba Mas	9.00 pagi hingga 10.00 pagi 10.30 pagi hingga 11.15 pagi 2.45 petang hingga 3.15 petang 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.40 petang hingga 4.30 petang
Selasa	SK Batu Bertangkup SK Oran Titi Tok Bandar Kg. Batu Lima	9.15 pagi hingga 10.30 pagi 10.30 pagi hingga 11.30 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.30 petang hingga 4.30 petang
Rabu	SK Guar Nangka FELDA Mata Ayer A FELDA Mata Ayer B	9.00 pagi hingga 10.30 pagi 2.45 petang hingga 3.45 petang 4.00 petang hingga 5.00 petang
Khamis	SK Guar Jentik Taman Jejawi 12 Briged, Jejawi RPA Mata Ayer II	9.30 pagi hingga 10.30 pagi 2..30 petang hingga 3.15 petang 3.45 petang hingga 4.30 petang 4.45 petang hingga 5.45 petang
Jumaat	Kg. Titi Tampang	3.15 petang hingga 4.00 petang
<b>Nombor Pendaftaran Bas WBV 7183</b>		
Isnin	SK LKTP Chuping SM Dato' Jaafar Hassan RPA Chuping Taman Mas	9.00 pagi hingga 10.30 pagi 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari 2.30 petang hingga 3.30 petang 3.45 petang hingga 5.00 petang
Selasa	SK Padang Kota Taman Beseri Jaya Perumahan Kilang Gula	9.00 pagi hingga 10.00 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.45 petang hingga 4.45 petang
Rabu	SK Raja Perm. Budriah SK Long Boh Kuarters Pertanian FELDA Chuping	9.15 pagi hingga 10.15 pagi 10.45 pagi hingga 11.45 pagi 2.30 petang hingga 3.30 petang 3.45 petang hingga 5.00 petang
Khamis	Titi Chai SK Pauh Kg. Ngulang Kg. Titi Besi	9.00 pagi hingga 9.45 pagi 10.15 pagi hingga 11.00 pagi 2.30 petang hingga 3.15 petang 3.30 petang hingga 4.30 petang
Jumaat	Masjid Al-Taqwa Alor Redis Kuarters Polis Seriab	3.00 petang hingga 3.30 petang 3.45 petang hingga 4.45 petang

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

**Lampiran VI**

**Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2003 hingga 2005**

Bil.	Aktiviti Yang Dijalankan	Tarikh
<b>Tahun 2003</b>		
1.	Tayangan Video Untuk Kanak-kanak	7.7.2003 hingga 11.7.2003
2.	Tayangan Video Segmen Ilmiah Petanda Maha Pencipta	14.7.2003 hingga 18.2003
3.	Kuiz Info-Hunt (melalui internet )	15.7.2003 hingga 31.7.2003
4.	Tayangan Video Segmen tokoh Tokoh Pejuang Negara	28.7.2003 hingga 31.7.2003
5.	Permainan Kuiz Pengetahuan Am	11.7.2003
6.	Peraduan Teka Silang kata	7.7.2003 hingga 18.7.2003
7.	Pertandingan Melukis & Mewarna Poster Membaca dan Perpustakaan	12.7.2003
8.	Pertandingan Mencari Maklumat Pantas	25.7.2003
9.	Pertandingan Scrabble dan Sahibba	26.7.2003
10.	Peraduan Melukis Poster	1.7.2003 hingga 21.7.2003
11.	<i>Good Spelling</i>	11.7.2003
12.	Bijak Membaca untuk Pra-Sekolah	18.7.2003
13.	Jalan-jalan Cari Ilmu	25.7.2003
14.	Pameran Tokoh Popular Perlis	21.7.2003 hingga 31.7.2003
15.	Pertandingan Mewarna untuk Pra-Sekolah	18.7.2003
16.	Pertandingan Riang Ria Membaca	14.7.2003 hingga 26.7.2003
17.	Pesta Buku Perlis	24.7.2003 hingga 29.7.2003
18.	Ceramah Motivasi Untuk Pelajar SPM	24.7.2003
19.	Ceramah Penggunaan Media Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	25.7.2003
20.	Peraduan Melukis Poster <i>Reading Matters</i> / Membaca Perlis	26.7.2003
21.	Ceramah Sastera Teknik Penulisan Cerpen oleh Rejab FI	27.7.2003
22.	Bicara Buku Sastera	28.7.2003
23.	Ceramah Motivasi UPSR	29.7.2003
24.	Bengkel Perpustakaan Keluarga	30.7.2003 hingga 31.7.2003
<b>Tahun 2004</b>		
1.	Kuiz Tayangan VCD Peter Pan	13.2.2004
2.	Membaca Dengan Nahu Yang Betul	27.2.2004
3.	Pop Kuiz Berirama	12.3.2004
4.	Menguji Minda	26.3.2004
5.	Lawatan ke Gua Kelam	23.4.2004
6.	Pertandingan Perpustakaan Keluarga	Mei 2004
7.	Pesta Buku Perlis	24.6.2004 hingga 29.6.2004
8.	Pelancaran CDI Intisari Kesenian Tradisional	27.6.2004
9.	Pertandingan Mewarna Bersama Keluarga	11.7.2004
10.	Bengkel Cyberkids	10.7.2004 dan 24.7.2004
11.	Pertandingan Sahibba	16.7.2004, 23.7.2004 dan 30.7.2004
12.	Ceramah Motivasi Ibubapa Cemerlang Anak Gemilang	23.7.2004
13.	Kuiz Ilmu	24.7.2004

Bil.	Aktiviti Yang Dijalankan	Tarikh
<b>Tahun 2005</b>		
1.	Pesta Buku Perlis	23.3.2005 hingga 28.3.2005
2.	Khutbah Jumaat Berkaitan Ilmu dan Pembacaan	1.7.2005
3.	Pameran Hari Ini Dalam Sejarah	1.7.2005 hingga 31.7.2005
4.	Peraduan Melukis Poster Rajin Membaca Pasti Berjaya	18.7.2005
5.	Sukaneka Kanak-kanak	11.7.2005
6.	Ceramah Motivasi Kakitangan Perpustakaan Kumpulan Sokongan Zon Utara	12.7.2005
7.	Bengkel dan Pameran Perpustakaan Keluarga	15.7.2005
8.	Peraduan Mewarna Aku Dan Dia	16.7.2005
9.	Seminar Pemantapan Institusi Keluarga	21.7.2005
10.	Pertandingan Bercerita	28.7.2005 hingga 29.7.2005
11.	Program Bacaan Kegemaran Saya	16.8.2005
12.	Bengkel CyberNita	8.10.2005 hingga 22.10.2005
13.	Wacana Intelek Syarahan Dato' Aziz Deraman	22.11.2005

*Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis*

**Lampiran VII****Aktiviti Yang Telah Dijalankan Oleh Kelab Kawanku Buku  
Pada Tahun 2003 Hingga 2005**

Bil.	Aktiviti Yang Dijalankan	Tarikh
<b>Tahun 2003</b>		
1.	Kelas Tarian Dan Hadrah	Sepanjang Tahun
2.	Persembahan Tarian Hadrah dan Nasyid Sempena Majlis Perasmian Pasaria Darul Farah oleh Pemangku Raja Perlis	26.3.2003
3.	Demonstrasi Kebakaran dan Keselamatan Kanak-kanak	18.7.2003
4.	Sukaneka Kelab Kawanku Buku	11.10.2003
<b>Tahun 2004</b>		
1.	Aktiviti Menguji Minda	26.3.2004
2.	Kelas Bahasa Inggeris	Januari hingga Julai 2004
3.	Perlawanan Futsal Persahabatan	10.4.2004
4.	Lawatan Rekreasi ke Gua Kelam	23.4.2004
5.	Mari Mewarna	14.5.2004
6.	Jom Tengok Wayang	28.5.2004
7.	Pertandingan Futsal	8.7.2004
8.	Pertandingan Permainan Tradisional	16.7.2004
9.	Mini Sukaneka	24.7.2004
<b>Tahun 2005</b>		
1.	Sukaneka Kelab Kawanku Buku	11.7.2005
2.	Pertandingan Batik Idol	22.7.2005 dan 29.7.2005
3.	Pertandingan Kuiz Cemerlang, Gemilang, Terbilang	14.7.2005
4.	Pertandingan Mewarna Aku Dan Dia	16.7.2005
5.	Pertandingan Menghafal Ayat Lazim	14.10.2005
6.	Riang Ria Aidil Fitri	11.12.2005
7.	Sukaneka Kelab Kawanku Buku	12.12.2005
8.	Pertandingan Mewarna Bersamamu di Aidil Fitri	10.11.2005

Sumber : Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis